

"ASEAN hendaklah juga membina hubungan-hubungan dengan kumpulan-kumpulan ekonomi serantau lain yang sedang berkembang. Negara Brunei Darussalam gembira menjadi tuan rumah bagi perhubungan sedemikian di peringkat menteri. Beta mengalu-alukan Mesyuarat AEM-MITI dan mesyuarat bagi Perundingan AEM-CER (AEM-CER Consultative Meeting) yang akan diadakan." - Titah sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-27 pada 7 September 1995.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"YA ALLAH! Berkatilah kami pada bulan Rejab dan bulan Syaaban serta sampaikanlah kami ke bulan Ramadhan." - Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 47 BILANGAN 38

RABU 18 SEPTEMBER 2002/1423 رابو 11 رجب

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Lawatan kerja Kebawah DYMM ke Syria

Eratkan kerjasama

Laporan Sahari Akim dan Noraisah Muhammad dari Syria
Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB dan Hamadi HM



SYRIA, 16 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Damascus bagi lawatan kerja tiga hari ke Republik Arab Syria disambut dengan hamparan permaidani merah dan penuh penghormatan.

Lawatan kerja ke Republik Arab Syria merupakan keberangkatan pertama baginda ke republik tersebut yang tentunya akan mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Keberangkatan tiba baginda dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Damascus pada

jam 5.00 petang waktu tempatan iaitu kira-kira jam 10.00 malam waktu Negara Brunei Darussalam dijunjung dan dialu-alukan oleh Presiden Republik Arab Syria, Tuan Yang Terutama Bashar Al-Assad dan seterusnya disembahkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri Kesihatan selaku Menteri Pengiring dan Menteri Wakaf Republik Rakyat Syria.

Dari lapangan terbang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan diiringi oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Arab Syria kemudian dijunjung menaiki kenderaan khas menuju ke Istana Rakyat (S'hab) lebih kurang 25 minit perjalanan bagi Sambutan rasmi lawatan kerja baginda ke republik tersebut.

Lihat muka 16

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman dengan Presiden Republik Arab Syria, Tuan Yang Terutama Bashar Al-Assad sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Damascus.

Menjadikan ASEAN rantau ekonomi yang dinamik

BERAKAS, 12 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini bertitah menggariskan cabaran-cabaran dan langkah-langkah ke arah menjadikan ASEAN sebuah rantau ekonomi yang dinamik.

Menurut baginda walaupun negara-negara di rantau ini telah pulih dari gegaran krisis kewangan Asia dan serangan penganas 11 September, ASEAN masih menghadapi cabaran untuk menjadi sebuah rantau yang berperanan penting.

"Antara lain, Pelaburan-pelaburan asing Secara Langsung (FDI) telah berkurangan kesan dari peringkat pra krisis. Begitu juga, walaupun Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) bagi enam negara anggota ASEAN telah menjadi kenyataan, pertumbuhan perdagangan intra ASEAN perlu terus dipertingkatkan. Keyakinan para pelabur asing perlu dipulihkan dan kadar kos perdagangan di ASEAN duku-rangkan," titah baginda semasa merasmikan Me-

Abd. Karim HAB

syuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-34, di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam pada itu, baginda mengalu-alukan langkah para menteri berkenaan ke arah mengukuhkan integrasi ASEAN khususnya dalam merangka peta jalan bagi Integrasi ASEAN yang merupakan pelan rancangan untuk merealisasikan Wawasan ASEAN.

Baginda juga menyasarkan agar inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah Rangka Kerja Perjanjian Bagi Pengukuhan Kerjasama Ekonomi ASEAN perlu dikaji semula dan disesuaikan agar lebih berkesan.

"Beta berharap Tuan-Tuan Yang Terutama akan melihat bidang-bidang ini. Usaha-usaha dalam kerjasama hanya akan mencapai kejayaan dengan penglibatan sepenuhnya pihak-pihak yang terlibat. Maka adalah sangat perlu, sektor swasta memberikan input dalam inisiatif-inisiatif ASEAN. Untuk itu beta menyarankan Tuan-tuan Yang Terutama terus berin-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-34.

teraksi dengan sektor-sektor swasta kerana beta yakin ini akan menyumbang kepada semua usaha kita menjadikan ASEAN lebih relevan kepada penduduk dan urus niaga kita," titah baginda.

Lihat muka 2

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Pastikan graduan UBD mempunyai kualiti

- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Prihatin Ingau Tak Ingau M. T. K. I.

- Muka 3

Gambar-gambar sekitar perasmian AEM Ke-34

- Muka 8 & 9

Laporan AEM Ke-34

- Muka 10 & 11

Gambar-gambar sekitar keberangkatan lawatan Kebawah DYMM ke Kementerian Pertahanan

- Muka 12 & 13

Guru pemangkin ketahanan ummah di era globalisasi

- Muka 1 ANEKA

Banyakkan amal ibadat di bulan Rejab

- Muka 3 ANEKA

Laporan SUKMA Ke-IX

- Muka 8 ANEKA

Brunei - Syria akan jalin pelbagai k'sama

SYRIA, 16 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menaruh keyakinan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Arab Syria akan dapat menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan, kebudayaan, ke-

agamaan termasuk sektor-sektor sosial yang lain.

Baginda bertitah demikian di Majlis Santap Malam yang dipersembahkan oleh Tuan Yang Terutama Bashar Al-Assad, Presiden Republik Arab Syria yang berlangsung di Damascene Hall sempena lawatan kerja tiga hari baginda ke Syria.

Lihat muka 16

TAHUKAH AWDA

PENGELUARAN ayam pedaging telah meningkat dari 4,663 tan metrik pada tahun 1996 kepada 12,507 tan metrik pada tahun 2000. Jumlah ini merupakan 86.8 peratus keperluan tempatan yang mana adalah melebihi sasaran. - Sumber: Rancangan Kemajuan Negara Kelapan 2001 - 2005 (Lt: 92)

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita 1.htm
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507



18 SEPTEMBER 2002 BERSAMAAN 1423 رجب 11

MEREALISASIKAN EKONOMI ASEAN TERUS KUKUH, DINAMIK

SUNGGUHPUN ekonomi negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah bertambah pulih dari krisis kewangan yang melanda pada tahun 1997 dan serangan 11 September serta ketidakpastian ekonomi global, namun rantau ini masih perlu memperhebatkan momentum untuk menjadikan ASEAN sebuah rantau ekonomi yang dinamik dan progresif. Untuk mencapai hasrat murni itu, kestabilan politik adalah kunci utama. Kestabilan politik negara-negara anggota memudahkan untuk bergerak dan mengembangkan ekonomi masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Bandar Seri Begawan baru-baru ini menegaskan bahawa sudah sampai masanya bagi ASEAN memulihkan semula keyakinan pelabur-pelabur asing beroperasi secara meluas dan mendalam di rantau ini serta mengurangkan kadar kos perdagangan. Baginda percaya ASEAN kini berada di ambang era baru dalam kerjasama ekonomi.

Untuk mencapai hasrat itu, baginda mahukan setiap negara anggota bersatu dan menunjukkan komitmen yang jitu bagi menjamin rantau ini terus popular dan penting dalam era ekonomi global ASEAN juga titah baginda perlu mempercepatkan momentum ke arah pembebasan aliran perdagangan dan pelaburan serta mengukuhkan daya saing terutama sekali dalam menarik pelaburan langsung asing ke rantau ini. Selain itu ASEAN juga harus mengembangkan kerjasama yang melangkaui sempadan bagi meraih faedah proses globalisasi.

Dalam hubungan ini kerjasama berterusan ASEAN dengan negara-negara Asia Timur seperti Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun serta negara-negara Asia Pasifik (CER) iaitu Australia dan New Zealand perlu dipertingkatkan dan diperluas. Salah satu kejayaan yang ketara bila mana pemimpin-pemimpin ASEAN dan China akan menandatangani Rangka Kerja Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (FTA) di Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja pada November ini. Zon perdagangan bebas sedemikian akan dimanfaatkan oleh 1.2 bilion penduduk di China dan 500 juta penduduk ASEAN.

Pendek kata, titah baginda, masih banyak kerja dan komitmen yang perlu dilaksanakan bagi memastikan rantau ini berkembang maju di bidang ekonomi. Perdagangan dan pelaburan dalam ASEAN perlu ditingkatkan. Inisiatif yang dilaksanakan di bawah Rangka Kerja Perjanjian Pengukuhan Kerjasama Ekonomi ASEAN perlu dikaji dan diteliti semula mengikut kesesuaian supaya ia lebih berkesan. Tegasnya ASEAN kini berhadapan dan menghadapi cabaran hebat serta memiliki tanggungjawab yang berat dalam merealisasikan pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan dan dinamik. Semua pihak memainkan peranan dalam menjayakannya termasuk pihak swasta untuk memberikan input dalam inisiatif ASEAN.

Bagi tujuan menyusun hala tuju ASEAN yang strategik, ASEAN juga bersetuju untuk menubuhkan petugas khas terdiri dari pegawai-pegawai kanan yang bertindak memberikan cadangan, membuat analisa dan penyelidikan serta laporan langsung yang terperinci kepada menteri-menteri ekonomi. Di samping itu ASEAN juga memerlukan sebuah badan bagi mengawal selia dan memantau agar Skim Keutamaan Tarif Berkesana Sama Rata (CEPT), Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan pelbagai lagi perjanjian ASEAN yang perlu dipatuhi dan dijalankan secara berkesana bagi memastikan perkembangan ekonomi rantau ini berjalan lancar dan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini penting diambil kira dan diimplementasikan bukan hanya sekadar bahan perbincangan dan termaktub dalam kertas semata-mata.

Pelaburan ASEAN sebenarnya meningkat dalam pelaburan asing langsung (FDI) pada kadar 13.4 peratus pada 2001 walaupun ekonomi Amerika Syarikat lemah akibat ketidakpastian ekonomi global yang turut mengakibatkan kelemahan ekonomi ASEAN. Aliran FDI ke rantau ini meningkat daripada AS\$11.52 bilion pada tahun 2000 kepada AS\$13.06 bilion tahun 2001.

Sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pertumbuhan ekonomi-ekonomi rantau ini akan dapat direalisasikan andainya semua anggota ASEAN bersatu padu dengan memperbaharui tekad, memperhebatkan momentum ke arah pembebasan perdagangan dan pelaburan serta mengukuhkan daya saing bagi menarik pelaburan asing langsung. Hasrat untuk menjadikan ASEAN lebih relevan kepada penduduk dan urusan niaga akan menjadi kenyataan, insya-Allah.

HALUAN...

PASTIKAN GRADUAN UBD MEMPUNYAI KUALITI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmaanir Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Aala meen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah beta menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Brunei Darussalam pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada para graduan dan penerima sijil di atas kejayaan mereka menamatkan program pengajian masing-masing. Penghasilan para graduan dan penerima sijil ini menambahkan lagi bilangan orang-orang yang berilmu dan berkemahiran dalam pelbagai bidang. Ini amatlah penting dari segi pembangunan sumber tenaga manusia untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia globalisasi dan ekonomi berterusan ilmu (ke-ekonomi).

Dalam konteks ini, beta telah difahamkan bahawa Universiti Brunei Darussalam sentiasa memastikan yang para graduan yang dihasilkan itu adalah mempunyai kualiti. Penentuan tahap kualiti ini antaranya ialah dengan mengemaskinikan garis pandu ke-masukan ke Universiti Brunei Darussalam dan peraturan-peraturan akademik serta di samping itu meningkatkan penyediaan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan peranan proaktif oleh para tenaga akademik.

Dalam usaha memper-tah dan meningkatkan kualiti yang sedia ada, beta berpendapat, adalah perlu satu penyelarasan di dalam

pendidikan bersepadu di peringkat awal, supaya wujud kesinambungan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, pemilihan program-program pengajian di Universiti Brunei Darussalam juga hendaklah jangan semata-mata berdasarkan kepada apa yang dianggap mudah sahaja, tetapi kita juga sangat perlu untuk lebih berani bagi mengikuti program-program pengajian yang mempunyai prospek masa depan yang sangat dikehendaki oleh negara dalam era pembangunan, terutamanya bidang sains, matematik dan ekonomi.

Sehubungan ini, beta amatlah gembira mengetahui bahawa Universiti Brunei Darussalam sentiasa berusaha ke arah mengembangkan program-program pengajian yang ditawarkan, seperti penawaran program kembar 'Bachelor of Biomedical Science' yang diusahakan dengan universiti-universiti 'established' di luar negara. Program yang berkaitan dengan bidang perubatan ini adalah satu program yang sangat penting dalam usaha menjadikan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa sihat dan sejahtera.

Beta percaya, program-program pengajian berkembar yang berkualiti akan dapat menarik pelajar-pelajar luar untuk mengikutinya, khasnya dari rantau kita sebelah sini. Kemasukan pelajar-pelajar luar negara itu pada lazimnya akan menjana persaingan sihat dalam usaha mencapai kecemerlangan di antara mereka.


Sebuah universiti yang baik, bukan sahaja mampu menawarkan program-program yang berkualiti, tetapi juga berupaya menghasilkan seberapa banyak penyelidikan yang bermutu, yang dapat dimanfaatkan bagi perkembangan dan keperluan negara.

Maka ke arah ini, beta adalah sering menekankan,

supaya ahli-ahli akademik, di samping terus berusaha meningkatkan kualiti pengajaran dan kelulusan akademik masing-masing, mereka juga dikehendaki supaya menghasilkan seberapa banyak penyelidikan.

Di dalam hubungan ini, beta difahamkan Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama agensi tertentu dalam kerajaan beta sedang berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan bagi tujuan tersebut, seperti cuti 'sabbatical' kepada ahli-ahli akademik tempatan bagi memudahkan mereka menjalankan penyelidikan di pelbagai bidang.

Dalam usaha Universiti Brunei Darussalam untuk menjadikan dirinya sebagai pusat kecemerlangan ilmu



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 29 Jamadilakhir 1423/7 September 2002.

dan tamadun, beta juga berharap supaya ia dapat mengambil langkah mewujudkan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan (Research and Development Centre), kerana dengan cara ini Brunei Darussalam bukan sahaja akan menjadi pusat pengajian, malahan juga akan menjadi pusat penyelidikan (research university). Hal ini sebenarnya telah pun menjadi trend di kalangan universiti-universiti ternama di dunia.

Beta yakin adalah masih banyak lagi bidang penyelidikan yang perlu diteroka dan dikembangkan oleh pelbagai pihak dan sektor. Hanya terpujulah kepada kita

untuk merealisasikan.

Akhirnya, beta ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua keluarga Universiti Brunei Darussalam yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis dan Senat Universiti, Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan di atas sumbangan dan perkhidmatan mereka yang tulus ikhlas. Semoga Allah jua yang akan memberkati serta mengurniakan ganjaran-Nya kepada mereka.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DALAM usaha mempertahankan dan meningkatkan kualiti yang sedia ada, beta berpendapat, adalah perlu satu penyelarasan di dalam pendidikan bersepadu di peringkat awal, supaya wujud kesinambungan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Sambungan dari muka 1

Baginda juga menekankan agar ASEAN terus mengembangkan kerjasama melangkaui sempadannya kerana kerjasama sedemikian adalah perlu jika rantau ini ingin menikmati faedah dari globalisasi.

"Kita tidak boleh berharap untuk berkembang maju atau menikmati kemakmuran dengan memencilkan diri. Setiap hubungan membina yang dibentuk dengan negara-negara dan rantau lain, mengukuhkan lagi rangka kerja bagi kerjasama ekonomi kita. Ia memudahkan kita lebih efektif dalam memberi tumpuan terhadap peluang-peluang dan cabaran-cabaran masa depan," titah baginda.

Sehubungan itu baginda menggalakkan dan berharap kelicinan dan ketepatan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi mendukung Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN - China, jalinan persahabatan 'Plus Three' dengan China, Jepun dan Korea dan

jalinan ekonomi yang rapat (CEP) dengan negara-negara CER dan Jepun.

Baginda seterusnya mengingatkan bahawa ASEAN kini berada di permulaan era baru kerjasama ekonominya. Sehubungan itu keazaman politik adalah diperlukan dalam usaha pertumbuhan rantau itu memperkukuhkan kedudukannya sebagai sebuah rantau pertumbuhan ekonomi yang dinamik. Jika tidak ia ditinggalkan oleh rantau-rantau lain dalam kemajuan ekonomi.

"Oleh itu adalah kritikal bagi ASEAN untuk bersatu dengan memperbaharui tekad, memperhebatkan momentum ke arah pembebasan aliran perdagangan dan pelaburan di rantau ini dan mengukuhkan daya saing bagi menarik pelaburan langsung asing. Inilah cabaran-cabaran utama yang kita hadapi. Beta tidak meragui bahawa Tuan-tuan Yang Terutama akan dapat merangka strategi-strategi baru bagi menghadapi cabaran-cabaran di hadapan," titah baginda.

SEJAUH ini sering benar kita dengar atau baca yang menyebut perkataan 'prihatin' yang kadang-kadang di eja 'perihatin'. Kita bukan hendak memperkatakan mengenai ejaan yang mana satu lurus atau yang mana satu tidak lurus. Kita hanya sekadar hendak menyebut mengenai amalan di sebalik maknanya di kalangan orang sekarang dan di masa lalu. Sebelum itu, kita hendak cari dahulu apakah ada atau tidak perkataan Brunei yang sama, sebanding atau seakan-akan sama dengan ertinya. Antara banyak perkataan Brunei yang berhampiran dengan makna perkataan 'perihatin' itu adalah 'ingau'. Ada juga yang mengambil perkataan 'pengelelengan' yang pernah kita gunakan di ruangan ini dalam minggu-minggu yang lalu. Dalam maksud makna ini, terdengar juga oleh kita bila teman-teman yang suka benar berbahasa Inggeris dalam perbualan-perbualan harian mereka selalu menyebut 'caring' dan penutup ayat '...as caring society', dan dalam waktu yang sama terselit terjemahan perkataan itu dari mulut mereka ke dalam bahasa Melayu sebagai 'masyarakat prihatin' sambil ada pula celahan yang menyebutnya ke dalam Bahasa Melayu Brunei yang berbunyi: '...masyarakat pengelelengan'. Ada juga yang menterjemahkannya sebagai 'masyarakat yang tidak pencauman mata' selain dari ada yang menyebut 'ringan tulang', tidak berat punggung' tidak berat mulut dan 'mungkin banyak lagi yang merujuk kepada erti perkataan yang

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

PRIHATIN INGAU TAK INGAU M.T.K.I.

demikian itu. Orang-orang dahulu, kaya dengan perkataan-perkataan yang diucapkan tidak langsung kepada kata yang mungkin kurang menyenangkan kepada orang yang ditujukan. Umpamanya perkataan 'malastah kuingau' yang berarti tidak mau ambil tahu adalah merupakan pengucapan yang kurang manis. Apa lagi perkataan 'malas' yang membawa maksud yang paling tidak disukai oleh orang-orang kita di masa silam itu. Sebab, bagi mereka itu, siapa sahaja yang diketahui 'malas' tidak sahaja dipap sebagai 'pemalas' bahkan secara tidak langsung dia akan dianggap oleh orang-orang di kelilingnya sebagai orang yang tidak berguna, jauh sekali untuk dijadikan sebagai 'dahan tempat bergantung'. Bukan setakat masyarakat sekelilingnya, indung bapanya bahkan ibu bapa dan dangansanak gimbar

kepala pun akan merasa kurang senang terhadapunya, kecuali setelah perangnya itu berubah. Kadang-kadang ada yang sengaja tidak melayan langsung terhadap 'si pemalas' itu. Bahkan untuk tujuan pengajaran pula ada keluarga atau dangansanak gimbar kepala yang sengaja tidak mempedulikannya langsung untuk beberapa waktu dan makan minum tidak ada disediakan untuknya. Namun orang Brunei yang tebal dengan sifat-sifat 'tidak penyampai hati', tidak akan membiarkan keadaan begitu berlarut-larut kerana ada lagi satu perkara yang ditakuti mereka iaitu sakit demamnya. Jika 'si pemalas' itu tadi pura-pura sakit atau demam, mahu tidak mahu akan terpaksa dirawat juga kerana ditakuti akan berlaku perkara yang lebih menyusahkan kemudian. Semua ini adalah dikongkong oleh rasa 'ingau' apa lagi

pada memikirkan 'buruk aring' dangansanak sendiri, maka sendiri jugalah yang disebut orang. Bagaimana lah begini jika dituang kepada kelompok orang yang lebih besar seperti masyarakat atau bangsa? Katalah 'bangsa Brunei' dan cuba renungkan kalau disebut 'buruk aring bangsa Brunei, Brunei jua'. Tidak ada 'buruk aring bangsa Brunei, bangsa lain yang menanggung'. Mungkin inilah identiti kita yang ada sandaran-nya.

Dengan yang demikian itu, perkataan ingau ternyata memberi dan memikulnya salah satu peranan yang besar kepada siapa sahaja yang menyedari hakikat hidup berbangsa dan bernegara. Semangat ingau itu adalah sesuatu yang terus hidup dan akan menjadi pakaian penting kepada seluruh waris-warisi kita, kerana ia adalah salah satu gambaran bangsa yang juga memikul maruah, kerana semuanya adalah dalam kandungan dan pancaran sifat dan sikap ingau itu sendiri yang tidak setakat prihatin yang diprihatinkan. Agak baiknya juga diperhatikan dalam kaitan abreviasi M.T.K.I. (malastah kuingau) yang rasanya tidak sesuai dengan sikap membangun masyarakat bersatu padu berbangsa dan bernegara. Demikian juga M.T.K. (maklum terima kasih) tanpa tindakan membina dan membangunkan sesuatu yang longlai. Biarlah anak cucu tahu menilai arah tuju yang pasti demi hidup yang lebih sejahtera dalam arus yang senantiasa mencabar ini.

Kebawah DYMM rasmi OGDC

SERIA, 14 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadadulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan membuka rasmi Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) dan merasmikan bermulanya Projek Rasionalisasi Ampa Fairley (AFRP) yang terletak di tengah Bandar Seria.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja di Padang Arena telah dijunjung oleh Pengarah Urusan BSP, Awang Chris Filayson dan Pengarah Urusan Royal Dutch Shell dan Kumpulan Syarikat-syarikat Antarabangsa Shell, Awang Malcolm Brinded.

Dari sana baginda dan kerabat diraja dijunjung berangkat ke OGDC dan

majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Pengarah Urusan BSP, antara lain menyembahkan bahawa beliau percaya pusat berkenaan akan menjadi tarikan pelancong dengan sifatnya yang bermutu tinggi dan menjadi sumber pendidikan pada negara ini.

Katanya lagi, pameran yang terdapat di OGDC itu bukanlah statistik malah pihaknya akan membaharui dan mempertingkatkannya lagi dari masa ke semasa untuk menghubungkannya kepada masyarakat setempat dan sekolah-sekolah tempatan. Oleh yang demikian pihaknya bercadang untuk memasang kesenian visual 3D di pusat itu tahun hadapan untuk memberi manfaat kepada keperluan pendidikan, tamahnya

Manakala Awang Malcolm Brinded dalam sembah alu-aluannya pula menyembahkan bahawa Syarikat Shell telah terlibat dalam perkembangan Negara Brunei Darussalam selama lebih 70 tahun.

Menurutnya melalui penyertaan Shell dalam BSP, BLNG dan syarikat-syarikat usaha sama, pihaknya berharap untuk terus menyumbangkan pada masa depan negara ini

Oleh
Dk. Hj. Saidah
PHOA

untuk tahun-tahun akan datang.

Beliau seterusnya menambahkan bahwa Shell juga berhasrat memainkan peranan dalam era baru penerokaan dan perkembangan hidrokarbon di negara ini ketika penerokaan bergerak menuju ke perairan dalam ekonomi di zon eksklusif.

Katanya, Shell turut gembira memberikan sokongan program pelaburan BSP dengan saham pelaburan Shell lebih dari B\$3 bilion di sepanjang dekad lalu.

Sejurus selepas itu baginda dijunjung bagi membuka rasmi OGDC. Pusat tersebut merupakan hadiah Royal Dutch dan Kumpulan Syarikat-Syarikat Shell Antarabangsa kepada Negara Brunei Darussalam.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan madley oleh pekerja-pekerja BSP. Baginda dan ahli-ahli kerabat diraja seterusnya berkenan berangkat menyaksikan pameran penemuan minyak dan gas di Bangunan OGDC.

Semasa di sana baginda berkenan menandatangani lencana peringatan OGDC. Pembentukan OGDC bermula kira-kira tiga tahun lalu hasil sepakatan kakitangan muda Brunei dan beberapa pegawai luar syarikat yang berusaha bagaimana BSP dapat menyumbang untuk perkembangan berterusan negara ini.

OGDC berharga kira-kira B\$5 juta itu dibiayai sepenuhnya oleh Kumplan Syarikat Royal Dutch Shell. Kawasan dewan pameran interaktif dan pameran mengandungi kawasan orientasi dan tujuh buah galeri yang mempamerkan penerokaan, penghasilan dan kegiatan-kegiatan berhubung teknologi terkini industri minyak dan gas.

Pameran juga memaparkan bentuk muka bumi, penerokaan, penggalian dan penghasilan serta peluang-peluang pekerjaan yang boleh diceburi oleh rakyat negara ini dalam industri minyak dan gas. Selain itu pameran juga memperlihatkan simulasi sains misalannya keadaan gempa bumi, simulasi gerakan angin puting belulang dalam satu bilik kaca khas dan memperkenalkan kanak-kanak kepada dunia sains dan kejuruteraan.

Dari dewan pameran,

baginda dijunjung berangkat melihat kawasan sekitar bangunan yang mempunyai kawasan kemudahan riadah, taman permainan kanak-kanak, kafe dengan tujuan utamanya memberikan keseronokan kepada pengunjung.

Baginda seterusnya dijunjung berangkat ke Theatre bagi merasmikan bermulanya AFRP, seterusnya berkenan menandatangani rencana peringatan AFRP. Projek Rasionalisasi Ampa Fairley berharga lebih B\$600 juta mengandungi loji penempatan di daratan dan berfikasi luar pantai dan pemasangan saluran-saluran paip luar pantai. Loji penempatan di daratan yang terletak di Lumut khususnya merupakan projek penting Ampa Fairley

ke arah penghasilan berte-rusan untuk selama 30 hingga 40 tahun akan datang.

AFRP juga memenuhi piawaian keselamatan dan alam sekitar bertaraf dunia. Semasa di sana baginda dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan menyaksikan pita video AFRP. Baginda juga berkenan menyaksikan galeri pameran projek-projek utama yang telah dilaksanakan oleh BSP.

Sempena majlis perasmian tersebut, baginda berkenan menerima menghadap Pengarah Urusan Royal Dutch Shell dan Kumpulan Syarikat-Syarikat Shell, Awang Malcolm Brinded.

Baginda dan ahli-ahli kerabat diraja juga berke-
nan santap tengah hari.

Majlis didahului dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Awang Haji Hassan bin Haji Matali.

OGDC dibukakan bagi kunjungan orang ramai setiap hari bermula esok kecuali hari Isnin dengan bayaran masuk \$5 bagi orang dewasa, orang tua (berumur 55 ke atas) \$3.00, remaja \$2.00, kanak-kanak \$1.00 dan percuma bagi rombongan pelajar sekolah.

Sebelum berangkat pulang, baginda berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis dan pegawai-pegawai BSP dan BLNG.

Hari Guru 23 September

BANDAR SERI BEGAWAN. - 'Guru Mempertingkatkan Ke Arah Kesempurnaan Insan', merupakan tema Hari Guru Ke-12 pada tahun ini yang akan disambut di peringkat kebangsaan pada 23 September 2002, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seperti lazimnya pada setiap tahun, antara atur

cara majlis sambutan tersebut termasuklah Penganugerahan Hari Guru kepada tokoh-tokoh guru yang dipilih berasaskan jasa dan sumbangan mereka kepada anak bangsa dan negara.

Sementara itu, pelbagai kegiatan sampingan juga akan diadakan di peringkat daerah dan sekolah-sekolah seluruh negara sepanjang sambutan pada

tahun ini.

Tema Hari Guru tahun ini antara lain membawa maksud bahawa manusia dicipta sebagai makhluk yang terbaik rohaniah dan jasmaniah. Maka berdasarkan itulah diyakini setiap insan mempunyai ciri-ciri kesempurnaan semula jadi ciptaan Allah Yang Maha Kuasa.

Ciri-ciri kesempurnaan itulah yang perlu dipe-
kukuhkan agar setiap insan
dapat memanipulasi selu-
ruh keupayaannya demi
agama, bangsa dan negara.

Ke arah itu guru memikul tanggungjawab yang amat berat ke arah membentuk masyarakat yang berilmu, berteknologi, berbudaya, beragama, berakhlak serta beriman.

Senyum Budi man



Duta ke Kemboja, Wakil Tetap ke PBB dilantik

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengurniakan watikah dan menerima surat perantukan tiga orang bakal duta besar dan pesuruhjaya tinggi di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula baginda berkenan mengurniakan watikah perantukan kepada bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Awang Zainidi bin Haji Sidup, diikuti bakal Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Awang Haji Sofry bin Haji Abdul Ghafor.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan watikah perantukan kepada bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Awang Zainidi bin Haji Sidup (atas kiri), berkenan mengurniakan watikah perantukan kepada bakal Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Awang Haji Sofry bin Haji Abdul Ghafor (tengah) dan berkenan menerima surat perantukan bakal Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Habibul Islam Bhuiyan (atas kanan).



Setelah itu baginda berkenan pula menerima surat perantukan bakal Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Habibul Islam Bhuiyan.

Sejurus sempurna majlis berkenaan, baginda

berkenan menerima mengadap para duta besar dan pesuruhjaya tinggi berkenaan.

Hadir sama di Majlis Mengadap itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri

merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Tuan Yang Terutama Awang Zainidi, 52 tahun, sebelum ini ialah Pengarah Protokol dan Hal Ehwal Konsular, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN). Tuan Yang Terutama seorang lulusan sarjana dalam perhubungan antarabangsa dari

Fletcher School of Law Diplomacy, Tufts University, Amerika Syarikat dan sarjana dalam pendidikan dari University of Hull, United Kingdom antara lain pernah berkhidmat selaku Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao; Pengarah Jabatan Pentadbiran KHELN dan Konsular di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Washington, Amerika Syarikat.

Manakala Tuan Yang Terutama Awang Haji Sofry, 44 tahun, lulusan

sarjana dalam perhubungan antarabangsa dari Australian National University dan Sarjana Muda (Kepujian) dalam pengajian pembangunan dari University of East Anglia, United Kingdom sebelum ini adalah Pengarah Jabatan Ekonomi Pelbagai Hala, KHELN.

Tuan Yang Terutama juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Politik I, KHELN; Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Washington, Amerika Syarikat; Penolong Pengarah

Jabatan ASEAN, KHELN; Penolong Pengarah Jabatan Politik, KHELN dan Setiausaha Kedua Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta, Republik Indonesia.

Sementara Tuan Yang Terutama Habibul Islam Bhuiyan seorang lulusan Sarjana General History dari Dhaka University, pernah menjadi Hakim Mahkamah Agung dan Menteri Hal Ehwal Undang-Undang dan Parlimen dan Presiden Mahkamah Agung.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Federal Sains dan

Teknologi dan Penyelaras Umum Pakistan dan Duta Besar Republik Peru secara berasingan, di Istana Nurul Iman.

Mula-mula baginda berkenan menerima mengadap TYT Dr. Atta-ur-Rahman, Menteri Federal Sains dan Teknologi dan

Oleh Sahari Akim

Penyelaras Umum Pakistan.

Juga hadir di majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad, Menteri Pembangunan; Dato Paduka Haji Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Dato Paduka Awang Haji Abdul Majid, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan.

Selepas itu, baginda berkenan pula menerima mengadap TYT Juan Carlos Capunay, Duta Besar Republik Peru yang tidak menetap ke negara ini yang akan menamatkan perkhidmatan.

Hadir sama YB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Dato Paduka Haji Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



BAGINDA ketika berkenan menerima mengadap Menteri Federal Sains dan Teknologi dan Penyelaras Umum Pakistan, TYT Dr. Atta-ur-Rahman (atas) dan Duta Besar Republik Peru, TYT Juan Carlos Capunay (bawah) di Istana Nurul Iman.



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung ASEAN yang akan menamatkan perkhidmatannya, Tuan Yang Terutama Rodolfo C. Severino Jr. - Gambar oleh Ramli Tengah.



BAGINDA semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Argentina ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatannya, Tuan Yang Terutama Armando Juan Jose Maffei. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Kebawah DYMM menerima mengadap S-Agung ASEAN, Duta Argentina

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung ASEAN yang akan menamatkan perkhidmatannya, Tuan Yang Terutama Rodolfo C. Severino Jr., di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir sama di majlis itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan

Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng.

Baginda kemudian berkenan pula menerima mengadap Duta Besar Republik Argentina ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatannya, Tuan Yang Terutama Armando Juan Jose Maffei di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir sama di majlis itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

Menerima mengadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Rafidah Aziz di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Rafidah Aziz di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Masri Osman.

Rombongan diraja Bahrain diraikan di Majlis Santap

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan merayakan Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika binti Ibrahim Al-Khalifa, isteri Duli Yang Maha Mulia Shaikh Hamad bin Easa Al-Khalifa, Raja Bahrain di Majlis Santap Diraja di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Gambar-gambar oleh Ramli Tengah dan Pengiran Rafee PDPHM

Keberangkatan tiba YAM Puteri Shaikha Sabika dan rombongan diraja Bahrain dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri. Yang Amat Mulia juga memperkenalkan kepada ahli-

ahli kerabat diraja Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia selaku Yang Dipertua Majlis Agung Wanita Bahrain berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan selama tiga hari dari 8 hingga 10 September.

Sejurus sebelum Majlis Santap Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima kun-

jungan muhibah Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika dan rombongan di Balai Penghadapan.

Berangkat sama di kedua-dua majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Pa-

duka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.



YANG Teramat Mulia Puteri Shaikha Sabika binti Ibrahim Al-Khalifa diperkenalkan kepada ahli-ahli kerabat diraja Negara Brunei Darussalam (atas). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan merayakan Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika dan rombongan di Majlis Santap Diraja (kiri). Sementara gambar kiri sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima kunjungan muhibah Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika.



BERANGKAT sama di Majlis Kunjungan Muhibah dan Majlis Santap Diraja ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah (kanan). Sementara gambar kiri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna mengucapkan selamat belayar kepada Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika setelah membuat kunjungan tidak rasmi selama tiga hari ke negara ini.



Mewujudkan imej ASEAN

GADONG, 10 September. - Laman Web Belia ASEAN dihasratkan menjadi pintu masuk internet ke ASEAN di mana para remaja dan kanak-kanak di negara-negara anggota boleh melayari dan belajar antara satu dengan lain mengenai ASEAN.

Melalui laman web tersebut, hubungan budaya, sosial, sejarah, ekonomi dan politik di kalangan negara-negara anggota ASEAN akan dapat diketahui secara mudah dan menyeronokkan.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Majlis Perasmian Mesyuarat Sub-Komiti ASEAN-COCI Mengenai Penerangan Ke-IV, berlangsung di Centerpoint di sini.

Beliau menambah, satu lagi mercu tanda sub-komiti tersebut ialah perancangan Pelan Ko-



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani semasa berucap di Majlis Perasmian Mesyuarat Sub-Komiti ASEAN-COCI Mengenai Penerangan Ke-IV.

munikasi bagi meningkatkan kesedaran ASEAN di mana semua negara anggota lain bekerja keras ke arah mewujudkan imej ASEAN, bukan sahaja di rantau ini bahkan di luar rantau ASEAN.

Katanya, bahan-bahan cetak mengenai penerangan yang diterbitkan

**Oleh
Sahari Akim**

oleh sub-komiti tersebut telah dapat menjadi penyumbang utama kepada masyarakat ASEAN dan rantau lain umumnya.

Selain dari itu berita dan rencana televisyen termasuk pergerakan dalam ASEAN merupakan dua projek berpotensi yang diharapkan dapat membantu ASEAN dalam mencapai Visi ASEAN 2020 menjadi kenyataan, tambahnya.

Terdahulu beliau menyentuh mengenai Mesyuarat Ke-37 ASEAN-COCI yang diadakan di Hanoi pada April lepas yang telah meluluskan projek-projek di bawah Sub-Komiti Penerangan dan Sub-Komiti Kebudayaan.

Projek-projek bagi tahun kewangan 2002 dan 2003, katanya, telah pun

diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap ASEAN negara-negara anggota.

Ia disusuli dengan Mesyuarat Sub-Komiti yang akan menilai kemajuan yang telah dibuat oleh negara-negara anggota terhadap projek-projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan selain akan mengkaji cadangan projek-projek baru yang dikehendaki oleh negara-negara anggota bagi menimbang tara sama ada cadangan itu dapat memenuhi kehendak ASEAN dan sejajar dengan objektif Pelan Tindakan Hanoi.

Menurut Pengarah Penerangan, perkara-perkara tersebut merupakan bidang tugas Sub-Komiti Penerangan.

Mesyuarat tiga hari itu telah dipengerusikan oleh Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin disertai oleh delegasi dari kesemua negara anggota ASEAN.



DATO Paduka Haji Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri semasa melancarkan Laman Web Belia ASEAN.

Laman Web Belia ASEAN dilancarkan

Pelbagai projek dilaksanakan

GADONG, 13 September. - Sub-Komiti ASEAN Mengenai Penerangan melahirkan rasa puas hati terhadap pelbagai projek yang telah dijalankan sepanjang tahun bagi menggalakkan kesedaran terhadap ASEAN.

Ini telah dinyatakan oleh Abd. Ghani Pg. Haji Metusin, Pengarah Penerangan selaku Pengerusi Sub-Komiti ASEAN Mengenai Penerangan semasa membentangkan laporan di akhir sidang mereka hari ini.

Menurut Abd. Ghani yang mempengerusikan sidang empat hari sub-komiti tersebut bermula 4 September lepas, para delegasi yang mewakili sepuluh anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN meneliti projek-projek yang telah dilaksanakan tahun lepas dan mencatatkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai agar kerja ASEAN lebih dikenali oleh orang ramai.

Dalam hubungan itu, Abd. Ghani berkata, ketika meraihan Ulang Tahun ASEAN Ke-35 Ogos lepas negara-negara anggota berusaha bersungguh-sungguh menganjurkan pelbagai aktiviti seperti melukis di kalangan kanak-kanak sekolah, kuiz, seminar, pertun-

jukan lukisan, rancangan temu bual, sorotan khas radio dan televisyen mengenai ASEAN, peredaran menulis rencana di kalangan penuntut sekolah, hinggalah kepada kenyataan para pemimpin negara ASEAN.

Untuk memudahkan lagi para belia mengenali ASEAN secara meluas, Abd. Ghani menjelaskan laman web baru yang akan menjadi 'pintu masuk internet' di kalangan golongan muda dan kanak-kanak telah dilancarkan di majlis pembukaan rasmi sidang sub-komiti tersebut pada 10 September lepas, yang boleh dilayari melalui <http://www.aseanyouth.com>.

Pengerusi sidang itu juga mengumumkan, Pertandingan Kuiz ASEAN yang melibatkan wakil-wakil penuntut dari negara-negara anggota yang akan berlangsung pada 4 - 6 Oktober depan di Bangkok. Para perwakilan melaporkan Kuiz ASEAN menarik minat yang meluas di kalangan belia di semua negara anggota. Sekretariat ASEAN juga melaporkan jumlah kunjungan ke laman web semakin berlipat ganda.

Mengikut laporan sub-komiti lagi, mereka juga ber-

puas hati dengan meningkatnya jumlah pendengar radio dan penonton televisyen yang dilaksanakan oleh rangkaian penyiaran negara masing-masing. Pengiklanan televisyen mengenai ASEAN di negara-negara anggota kerap disiarkan yang membolehkan orang ramai lebih mengetahui dan berpengetahuan mengenai ASEAN.

Di samping itu kata Abd. Ghani lagi, pelbagai seminar dirancang bagi mengadakan perbincangan awam mengenai isu-isu penting ASEAN. Seminar tersebut dijangka akan meningkatkan pengetahuan serta kesedaran terhadap isu-isu dan urusan-urusan

tertentu yang dikemukakan oleh ASEAN.

Berdasarkan saranan Komiti Tetap ASEAN yang menyeru bagi mengadakan program yang lebih menumpukan terhadap pembaikan imej ASEAN di samping menyokong semua inisiatif semasa serantau. Semua anggota Sub-Komiti Mengenai Penerangan berikrar untuk meneruskan usaha dengan kempen yang lebih bersemangat pada tahun mendatang.

Sub-Komiti berkenaan juga mengenal pasti tumpuan utama kempen penerangan adalah mengenai integrasi ekonomi serantau terutama sekali dalam Kawasan

Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ke arah meyakinkan para pelabur dan integrasi pasaran.

Atas saranan para pakar seperti yang diluluskan oleh Komiti Tetap ASEAN, Sub-Komiti berhasrat untuk menyampaikan mesej-mesej utama ASEAN iaitu 'ASEAN bertanggungjawab bagi pembangunan ekonomi melalui integrasi ekonomi serantau', 'ASEAN mengalu-alukan pelaburan asing secara langsung serta bertanggungjawab bagi mewujudkan persekitaran pelaburan yang bermanfaat' dan 'ASEAN adalah faktor utama bagi keamanan dan kestabilan serantau'.



PENGARAH Penerangan semasa mempengerusikan mesyuarat tersebut yang diadakan selama tiga hari, 10 - 12 September.

GADONG, 10 September.

- Sejarai dengan visi ASEAN untuk menjadi masyarakat yang peka terhadap hubungan sejarah, warisan budaya dan identiti serantau, Jawatankuasa ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI) telah melancarkan Laman Web Belia ASEAN berlangsung di Centerpoint di sini.

Pelancaran disempurnakan oleh Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku tetamu kehormat.

Projek tersebut dilaksanakan oleh jawatankuasa tersebut atas cadangan Republik Singapura.

Masa depan ASEAN terletak di tangan para belia dan melalui pelancaran laman web itu, ASEAN-COCI berharap akan dapat meningkatkan kesedaran di kalangan para remaja supaya mereka akan sentiasa peka terhadap identiti ASEAN di masa hadapan.

Laman itu juga antara lain merupakan cara ke arah mempromosikan ke-

unggulan ASEAN di peringkat antarabangsa melalui penggunaan teknologi maklumat sebagai bidang keutamaan Pelan Tindakan Hanoi.

Dengan pengolahan yang menarik, ilustrasi dan gambar yang hidup memperlihatkan para belia bekerja dan bermain, laman web tersebut merupakan pengiklanan yang tepat mengenai kepelbagaian dan diminisme rantau ASEAN.

Melalui pakej-pakej penerangan khas yang tersusun, belia ASEAN boleh mempelajari lebih banyak mengenai negara-negara anggota, di samping mengetahui cara hidup rakan-rakan mereka di negara-negara ASEAN yang lain.

Laman web tersebut mengetengahkan maklumat secara berhibur dan santai selain interaksi teknologi seperti ruangan pendapat dan kolom rakan pena elektronik yang membolehkan para belia menyuarakan pendapat, peluang bertemu antara satu sama lain di samping menunjukkan kreativiti mereka dalam siber raya.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri semasa bergambar ramai bersama para delegasi ASEAN yang menyertai mesyuarat tersebut.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar cemerlang dan pelajar terbaik sekolah-sekolah rendah seluruh negara. - Gambar oleh Masri Osman.

Anugerah sekolah contoh akan diwujudkan

BERAKAS, 3 September. - Pemilihan sekolah contoh berdasarkan ciri dan kriteria yang tertentu, dengan memfokus kepada kemajuan sekolah dan prestasi, yang terbaik dalam semua aspek termasuk pengurusan peperiksaan awam, disiplin, ko-kurikulum terbaik dalam

gai sekolah contoh.

Pemilihan sekolah contoh berdasarkan ciri dan kriteria yang tertentu, dengan memfokus kepada kemajuan sekolah dan prestasi, yang terbaik dalam semua aspek termasuk pengurusan peperiksaan awam, disiplin, ko-kurikulum terbaik dalam

Oleh
Haji Ahmad HS

mata-mata pelajaran matematik, sains dan bahasa Inggeris.

Yang Berhormat menyampaikan perkara itu di Majlis Penyerahan Hadiah Pelajar Cemerlang dan Pelajar Terbaik Sekolah-sekolah Rendah Kementerian Pendidikan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Yang Berhormat, penganugerahan itu akan memberikan galakan kepada sekolah untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran sekolah serta diharapkan mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan sekolah di negara ini ke arah matlamat untuk menjadikan sekolah-sekolah sebagai pusat kecemerlangan.

Menteri Pendidikan seterusnya berkata, majlis penyerahan hadiah pelajaran cemerlang dan terbaik yang diadakan hari ini perlulah diperluaskan di tahun hadapan dengan memasukkan pelajar-pelajar cemerlang dan terbaik dari sekolah di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Pendidikan.

Langkah sedemikian itu, ujar Yang Berhormat akan dapat menghasilkan sekelompok penuntut-penuntut

yang berjaya dalam semua bidang pengajian selaras dengan sistem pendidikan negara yang sudah diwujudkan satu kurikulum, satu peperiksaan di bawah satu bumbung untuk satu negara.

Seramai 162 orang murid dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan menerima hadiah pelajar terbaik dan cemerlang, manakala 12 orang murid dari sekolah kerajaan dan bukan kerajaan menerima hadiah pelajar cemerlang.

Anugerah hadiah pelajar cemerlang dan terbaik ini merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan yang dikendalikan oleh Bahagian Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah.

Anugerah tersebut berperanan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan bertujuan untuk meningkatkan motivasi pembelajaran murid-murid sekolah-sekolah rendah dan bagi mewujudkan semangat persaingan yang sihat di kalangan murid-murid.

Murid-murid yang berjaya terpilih untuk menerima hadiah berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah ditentukan termasuk meliputi kemajuan pelajaran sepanjang persekolahan dengan mengambil kira ketekunan dan kesungguhan murid dalam pembelajaran, budi pekerti dan akhlak yang mulia dan sebagainya.

MUIB sumbangkan lebih \$81 ribu kepada mangsa kebakaran Kampong Ayer



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya ketika menyampaikan sumbangan MUIB kepada seorang mangsa kebakaran Kampong Ayer. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BERAKAS, 2 September. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama menghulurkan bantuan kewangan sebanyak B\$81,100.00 kepada seramai 811 orang mangsa kebakaran dua buah kampung, di Kampong Ayer iaitu Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Ujong Kelnik.

Sumbangan serta-merta berupa kewangan telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang juga selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei, berhubung di Dewan Teratai, Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Bantuan itu adalah dari Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei.

Sumbangan tersebut merupakan usaha Majlis Ugama Islam Brunei dalam memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Ujong Kelnik yang ditimpa musibah kebakaran 17 Ogos lalu.

Dengan bantuan itu

Mangsa-mangsa kebakaran terus menerima sumbangan

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 5 September. - Sejak berlakunya kebakaran melibatkan 700 orang pada 17 Ogos lepas di Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Ujong Kelnik derma bantuan pelbagai bentuk termasuk keperluan asas seharian, makanan dan minuman serta pakaian dan peralatan sekolah terus disumbangkan sehingga hari ini.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Hal Ehwal Masyarakat telah menerima sumbangan bantuan berupa keperluan asas makanan, minuman, pakaian dan peralatan sekolah daripada Persatuan Isteri-Isteri Pegawai Suruhanjaya Tinggi Pakistan ke Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Filipina Lawn Tennis di negara ini.

Sumbangan berupa keperluan asas yang bernilai \$20,000.00 disampaikan oleh isteri Pesuruhjaya Tinggi Pakistan, Puan



KETUA Unit Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Zaliha ketika menerima sumbangan Persatuan Isteri-Isteri Pegawai Suruhanjaya Tinggi Pakistan di negara ini. - Gambar oleh Harun HR.

Farhat Badruddeen, manakala sumbangan bahan makanan disampaikan oleh Penasihat Persatuan Filipina Lawn Tennis, Awang Romas.

Kedua-dua sumbangan diterima oleh Ketua Unit Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Menurut Dayang Zaliha semua sumbangan akan terus diterima sehingga 16 haribulan bulan ini dan selepas dari tarikh itu pihaknya tidak akan menerima mana-mana sumbangan dari masyarakat di negara ini, malahan beliau menasihati orang ramai yang ingin memberikan sumbangan selepas itu supaya terus menyampaikan kepada mangsa kebakaran berkenaan.



SERAMAI 162 murid dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan menerima hadiah pelajar terbaik dan cemerlang pada tahun ini. - Gambar oleh Masri Osman.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PENERBANGAN AWAM (Bahagian II)

JENIS PERKHIDMATAN	TPOR
1. Barang Eksport : a) Proses berhubung dengan prosedur bagi mengeksport barangan b) Pemprosesan dokumentasi oleh Pegawai Kastam bagi kargo eksport.	30 hingga 60 minit 5 minit
2. Barang Import : a) Proses kargo import, penyerahan barang termasuk pemeriksaan ke atas dokumen yang berkenaan seperti Airway Bill, Commercial Invoice, borang deklarasi atau declaration form, packing list, certificate of origin dan jika berkenaan permit import bagi barang tertentu.	1.5 jam hingga 2 jam

34th ASEAN Economic Ministers (AEM) Meeting

12th September 2002

Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat merasmikan Mesyuarat Ke-34 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 12 September lalu.



BERBUAL MESRA ... Baginda ketika berkenan berbual mesra bersama sebahagian menteri-menteri ekonomi ASEAN di Majlis Resepsi sejurus selepas merasmikan pembukaan mesyuarat tersebut (atas).

BERBINCANG ... Baginda ketika membincangkan sesuatu bersama Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman (kanan).

DIALU-ALUKAN ... Baginda ketika bersalaman bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YB Dato Paduka Rafidah Aziz sejurus berangkat tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas).



Oleh Haji Ahat HI
Gambar-gambar
oleh Pg. Hj. Bahar
PHO,
Harun HR dan Pg.
Rafee PDPHM

BERAKAS, 12 September - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-34 (34th AEM) bermula hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Kesemua 10 Menteri-menteri Ekonomi dari ASEAN dan rakan-rakan dialog dari Australia, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, New Zealand dan India menghadiri mesyuarat tersebut.

Dalam mesyuarat itu para menteri menumpukan perbincangan mendalam integrasi ekonomi dalam ASEAN dan bertukar-tukar pandangan mengenai hal-hal yang berfaedah bagi formulasi dasar ekonomi.

Semasa mesyuarat itu juga para menteri akan membincangkan pelbagai laporan dari pelbagai badan yang bertanggungjawab mengenai penyelesaian bagi mempermudah perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan dalam ASEAN.

Selain dari itu perhatian terhadap usaha-usaha di sektor pelancongan, te-

MELAFAZKAN TITAH ... Baginda ketika bertitah merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) (kiri).

MEMPENGERUSIKAN AEM ... Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama semasa mempengerusikan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-34 (bawah).



MENGABADKAN bersama para

BERANGKAT ... diiringi oleh Me

naga, pertina kutan dan juga diambil

Mesyuarat ngerusikan o Perindustrian ber-Sumber Berhormat F Kaya Setia Dato Seri Awang Abdul telah didah syuarat Pega Kanan AEM

SEAN melangkah ke a ekonomi baru



GAMBAR KENANGAN ... Baginda mengabadikan gambar kenangan Menteri ekonomi ASEAN sejeurus perasmian majlis (atas).

Baginda ketika berangkat ke Pusat Persidangan Antarabangsa dengan Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (kanan).

ga 10 September.

Pada 11 September lalu pula Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN Ke-5 (AIA) yang menyentuh mengenai perbincangan serta penilaian proses pengimplementasian AIA bagi mengubah pelbagai inisiatif pelaburan.

Selepas itu mesyuarat disusuli Mesyuarat Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN Ke-16 (AFTA) yang lebih menumpukan penilaian keseluruhan pengimplementasian Skim Perjanjian Utama Efektif Biasa (CEPT).

Sementara itu Sesi

Plenari AEM pula membincangkan hala tuju integrasi ASEAN di mana inisiatif itu telah diputuskan semasa Sidang Kemuncak ASEAN tahun lalu yang menggariskan rangka masa dan jadual spesifik ke arah mempercepatkan dan merealisasikan visi 2020.

Isu lain yang menjadi perbincangan termasuklah bertukar-tukar pandangan mengenai kerjasama ekonomi pelbagai hala dan serantau yang sedang dijalankan dalam forum antarabangsa seperti Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).



BERAMAH MESRA ... Baginda bersalaman bersama para menteri ekonomi ASEAN sejeurus mengabadikan gambar kenangan (atas kanan).

BERSALAMAN ... Baginda bersalaman dengan Menteri Ekonomi Viet Nam sejeurus berangkat tiba (kanan).

SEBAHAGIAN daripada jemputan khas yang hadir sama di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (bawah).



Pelaburan ASEAN meningkat

BERAKAS, 11 September. - Para menteri ekonomi ASEAN yang bermesyuarat di peringkat menteri Kawasan Pelaburan ASEAN Ke-5 (5th AIA) memberitahu bahawa ASEAN terus menerima pelaburan yang meningkat di sebalik kejatuhan yang tajam secara global dalam pelaburan asing secara langsung (FDI) dan menurunnya ekonomi dunia.

Mereka berkata, FDI yang diterima oleh rantau ASEAN meningkat kepada 13.4 peratus dari AS\$11.52 bilion tahun 2000 kepada AS\$13.06 bilion tahun 2001.

Penjelasan itu terkandung dalam kenyataan bersama di sidang akhbar sejour berakhirnya Mesyuarat AIA yang dipengerusikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat berkata, pada jangka 2000-2001, FDI dari Amerika Syarikat meningkat sebanyak 30 peratus tahun 2001, manakala dari Kesatuan Eropah meningkat 57 peratus.

"Pelaburan Jepun juga meningkat tahun lalu berbanding tahun sebelumnya yang hanya AS\$869 juta dan dalam intra-ASEAN pelaburannya meningkat kepada 10 peratus," jelas Yang Berhormat.

Manakala itu, tambah Yang Berhormat, perolehan

Oleh
Abdullah Asgar

pelaburan semula berterusan bagi memainkan peranan yang signifikan ke arah meningkatkan FDI ke rantau ini tahun lalu seperti yang dialami oleh Malaysia dan Republik Singapura yang mencapai 75 peratus peningkatan.

Namun jelas Yang Berhormat, terdapat sedikit penurunan dalam penyatuan menyebarkan sempadan dan perolehan di rantau tahun lalu malah peningkatan aliran FDI ke rantau ini berikutan perkembangan tinggi dari kegiatan-kegiatan perladangan hijau.

"Pada inisiatif-inisiatif dua tahun pelaburan ASEAN yang baru yang lebih menumpukan kemajuan persaingan dan penarikan antara lain mengandungi Sidang Perniagaan ASEAN/Pameran Pelaburan ASEAN, acara-acara industri, Rangkaian Pelaburan ASEAN dan Program Capai Luar akan lebih melibatkan pihak swasta, program membina kapasiti bagi merapatkan jurang pembangunan juga akan lebih meningkatkan proses AIA," kata Yang Berhormat.

Menurutnya, para menteri juga meluahkan sokongan penuh pada kejayaan Pesta Perdagangan ASEAN di Bangkok, Thailand Oktober ini kerana boleh menyediakan



PARA Menteri Ekonomi ASEAN semasa mengadakan Sidang Media Majlis Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas. - Gambar oleh Harun Rashid.

satu papan loncat dalam menarik lebih banyak aliran masuk FDI.

Menyadari dengan kemajuan persekitaran perniagaan di rantau ini dan ramalan pertumbuhan ekonomi yang kukuh tahun ini, para menteri yakin aliran masuk FDI ke ASEAN akan berterusan dan meningkat naik.

AFTA - ASEAN sedia tangani masalah

BERAKAS, 11 September. - Majlis Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) melahirkan rasa berpuas hati mereka ke atas sasaran AFTA untuk dipercepatkan telah dicapai sepenuhnya.

Pada masa yang sama, ASEAN juga tidak dapat menafikan akan wujudnya banyak isu yang perlu ditangani ekoran proses perlaksanaannya.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman berkata, tidak dapat dinafikan pelbagai masalah akan timbul dari masa ke semasa tetapi anggota ASEAN bersedia untuk menghadapinya dan menangani masalah yang

Oleh
Abdullah Asgar

Yang Berhormat yang juga Pengerusi Mesyuarat Majlis AFTA Ke-16 berkata demikian di sidang media yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat berpuas hati ke atas sasaran AFTA tercapai sekitar 96.24 peratus dari senarai cukai yang dikenakan ke atas enam anggota asal pertumbuhan telah dikurangkan kepada kadar antara 0.5 peratus.

Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura telah

mencapai matlamat untuk menghapuskan sama sekali cukai import ke atas 60 peratus produk mereka yang terkandung dalam keutamaan cukai yang tersenarai CEPT.

Sementara itu, anggota ASEAN tidak jauh ketinggalan dalam melaksanakan komitmen mereka untuk merealisasikan matlamat AFTA.

Anggota baru ASEAN bersetuju untuk mencapai 80 peratus daripada senarai pemasukan mereka daripada 0-5 peratus tarif pada 2003 bagi Viet Nam, Laos dan Myanmar 2005 dan 2007 bagi Kemboja dengan sedikit kelonggaran.

Mesyuarat juga menyambut baik pelaksanaan skim Sistem Keutamaan Integrasi ASEAN sejak awal tahun ini dan menyatakan kira-kira

1,117 tarif di Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam layak bagi keutamaan tarif di Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Thailand.

Skim itu membentuk sebahagian daripada usaha ASEAN untuk mempercepatkan integrasi anggota barunya kepada pasaran serantau bagi perdagangan barangan dan menyumbang kepada merapatkan jurang ekonomi di kalangan anggota ASEAN.

Selain itu, mesyuarat juga menyokong rangka kerja bagi integrasi ASEAN (RIA) dalam bahagian perdagangan barangan yang termasuk antara lainnya penanda aras bagi anggota ASEAN baru untuk memaksimumkan jumlah tarif dalam senarai pemasukan mereka dengan 0-5 peratus tarif.

Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN - China ditandatangani November depan

BERAKAS, 13 September. - Hubungan pelaburan dan perdagangan serta perjanjian rangkai kerja yang komprehensif bagi kerjasama ekonomi ASEAN-China telah menarik perhatian perbincangan semasa mesyuarat di antara Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dengan Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi (MOFTEC) Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Shi Guangsheng.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Yang Berhormat menjelaskan para menteri telah berjaya mengadakan perbincangan yang produktif dengan bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan ekonomi masa kini di antara ASEAN dan China.

Oleh
Samle Hj Jait

"Para menteri juga menggariskan beberapa kepentingan bersama yang menjuruskan hubungan ekonomi yang menyumbang keamanan dan kestabilan serantau," jelas Yang Berhormat ketika sidang media di akhir Mesyuarat ASEAN-MOFTEC di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat turut memuji Jawatankuasa Perundingan Perdagangan yang giat melaksanakan isu-isu termasuk pakej pelaburan yang dipanggil 'Early Harvest Package'.

Pakej itu merupakan sebahagian daripada Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China yang akan menyediakan insentif bagi mempercepatkan penubuhan ACFTA.

Sekalipun belum mendedahkan penyelesaian mengenai pakej itu, para menteri yakin akan dapat diselesaikan dan dilaksanakan menjelang awal tahun 2004.

Dalam kenyataan bersama, para menteri dijangka akan menandatangani perjanjian Rangkai Kerja bagi Kerjasama Ekonomi Komprehensif ASEAN-China yang akan ditandatangani pada Sidang Kemuncak ASEAN-China di Kemboja pada bulan November 2002 nanti. Sementara perundingan bagi semua bidang akan dikecualikan melalui perjanjian itu yang akan bermula pada 2003.

Perjanjian berkenaan akan menggabungkan semua elemen yang diutuskan oleh pemimpin kedua-dua pihak termasuk ACFTA yang meliputi perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan serta keluaran utama negara anggota ASEAN.

Para menteri ASEAN diraikan

JERUDONG, 12 September. - Para menteri ekonomi ASEAN yang sedang mengadakan Mesyuarat Ke-34 diraikan dengan Majlis Makan Malam Tidak Formal di Kelab Polo Jerudong.

Majlis diberikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Sepanjang bermesyuarat di sini, para menteri akan berusa-

Oleh
Samle Hj Jait

ha untuk membawa ASEAN kepada hala tuju keberkesanan ekonomi yang maksima terutama melalui persefahaman serta kerjasama sesama negara ahli bersama rakan-rakan dialognya.

AEM kali ini membawa tema 'Lebih Bersepadu dan Persaingan ASEAN Kepada Perdagangan' yang memfo-

kuskan perdagangan ASEAN yang lebih bersaing dan menarik.

Ia dijangka akan boleh dicapai melalui perjanjian-perjanjian ekonomi ASEAN dan inisiatif-inisiatif di bawah satu bumbung seperti yang dijelaskan dalam Visi 2020 ASEAN.

Melembarkan kerjasama ekonomi dengan rakan dialog, meningkatkan hubungan pelaburan bagi meningkatkan tarikan pelaburan ASEAN, merapatkan jurang kemajuan

dalam ASEAN dan luar negara serta membawa masyarakat kepada aktiviti ekonomi melalui persidangan dan pertumbuhan merupakan antara persaingan dan usaha untuk kejayaan ekonomi ASEAN ketika ini.

Selain negara ahli, rakan dialog dari Australia, Republik China, Jepun, Republik Korea, New Zealand dan India turut menterjemah usaha ke arah kepentingan dan faedah bersama melalui beberapa isu ekonomi bersama ASEAN.

Kerjasama ekonomi ASEAN - China

BERAKAS, 13 September. - ASEAN dan Republik Rakyat China kini dalam rangka meningkatkan dan melaksanakan pencapaian faedah hasil ekonomi melalui hubungan perdagangan dan pelaburan kedua-dua belah pihak.

Keyakinan itu juga diutarakan oleh Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi Republik Rakyat China (MOFTEC), Tuan Yang Terutama Shi Guangsheng yang berharap 'Early Harvest Package' mendatangkan hasil yang berkesan.

Ketentuan khusus bagi menyediakan perdagangan dan pelaburan dan meningkatkan kerjasama ekonomi juga menjadi elemen perbin-

Oleh
Samle Hj Jait

cangan dalam persetujuan rangkai kerja para ketua ekonomi ASEAN-China.

Dalam sidang akhbar, para menteri turut bersetuju pakej itu akan diimplementasikan dalam masa tiga tahun di mana jangka yang lebih panjang akan diberikan kepada negara anggota baru ASEAN iaitu Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN-China di sini tahun lepas, para pemimpin telah bersetuju bagi pakej pelaburan yang diperkenalkan 'early har-

vest' dengan menyenaraikan produk-produk dan perkhidmatan untuk diliberalisasikan yang dikuatkuhan melalui perundingan kedua-dua belah pihak.

Sementara itu, Jawatankuasa Perdagangan ASEAN-China (TNC) juga telah ditubuhkan bagi menyediakan saluran kepada ASEAN dan China bagi membincangkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan Kawasan Bebas Perdagangan (FTA) ASEAN-China.

Ini meliputi persetujuan rangkai kerja yang komprehensif bagi kerjasama ASEAN-China, 'early harvest', dan model liberalisasi bagi perdagangan barang-

barang dalam FTA.

Sebelum ini para pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri China, Tuan Yang Terutama Zhu Rong Ji telah mencadangkan penubuhan Kumpulan Pakar Kerjasama Ekonomi ASEAN-China (ACEGEC) bagi Rangkai Kerja Kerjasama Ekonomi, di samping menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA).

Dalam rangkai kerja kerjasama ekonomi dijangka mengandungi lima elemen kerjasama utama termasuk pertanian, teknologi informasi, perkembangan sumber tenaga manusia, pelaburan dan kemajuan Lembah Sungai Mekong (Mekong River Basin).



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman semasa meraikan menteri ekonomi ASEAN dan rakan dialog di Malam Gala. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Jepun - rakan dagang ASEAN yang penting

BERAKAS, 13 September.

Rundingan kesembilan antara menteri-menteri ekonomi negara-negara ASEAN bersama Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun telah berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini. Kedua-dua pihak telah bersejua sebagai rakan dagang yang penting.

Rundingan antara ASEAN dan Jepun telah dipengerusikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang juga mempengerusikan sidang akhbar bersama menteri-menteri lain.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan semasa sidang akhbar itu berkata para menteri ekonomi ASEAN telah mengalu-alukan cadangan Perdana Menteri Jepun, TYT Junichiro Koizumi, Januari lalu mengenai penubuhan rakan ekonomi yang komprehensif antara ASEAN-Jepun.

Para menteri ASEAN

juga telah berkongsi pandangan hubungan ekonomi antara ASEAN dan Jepun yang memperlihatkan sikap positif dan adalah penting meningkatkan hubungan tersebut.

Di samping itu para menteri ASEAN juga mengalu-alukan laporan kajian bersama Kumpulan Pakar Rakan Rapat Ekonomi ASEAN-Jepun dan menggalakkan keputusan yang positif terhadap kajian, termasuk kemungkinan mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA).

Kajian itu juga menganggarkan Rakan Rapat Ekonomi ASEAN-Jepun (AJCEP) boleh meningkatkan kadar eksport ASEAN ke Jepun kepada 44.2 peratus dan eksport Jepun ke ASEAN kepada 27.5 peratus. Rakan Rapat Ekonomi ASEAN-Jepun juga menjangkakan kenaikan keluaran kasar dalam negara ASEAN berjumlah 1.99 peratus dan Jepun sebanyak 0.07 peratus.

Dalam kenyataan itu juga menyatakan bahawa para menteri ekonomi ber-

Oleh
Haji Ahmad HS

setuju untuk menghadapi saranan kepada pemimpin ASEAN dan Jepun bahawa mereka perlu mempertimbangkan rangka kerja yang menyediakan asas untuk rancangan dan elemen yang konkrit ke arah mencapai Rakan Rapat Ekonomi ASEAN-Jepun.

Rangka kerja harus berkembang dan hasilnya akan dibawa kepada ketua negara kedua-dua belah pihak pada tahun 2003.

Perlaksanaan langkah-langkah bagi mencapai Rakan Rapat Ekonomi ASEAN-Jepun, termasuk elemen-elemen yang boleh membawa kewujudan Kawasan Perdagangan Bebas, yang sepatutnya sudah sempurna seawal-awalnya dalam tempoh 10 tahun.

Bagi tujuan itu para menteri bersejua untuk mengemukakan cadangan kepada pemimpin mereka mengenai penubuhan se-

buah jawatankuasa yang mengandungi pegawai-pegawai kanan ekonomi ASEAN dan Jepun menjelang tahun 2003.

Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi dan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri dan Jawatankuasa Kerjasama Industri (AMEICC) yang dilangsungkan sebahagian daripada Perundingan AEM-METI yang kesembilan. Para menteri menyatakan kegembiraan kerana projek-projek di bawah AMEICC telah dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan dan berkesan.

Menurut kenyataan itu nilai perdagangan antara kedua-dua pihak berjumlah AS\$108.4 bilion dalam tahun 2001. Tahun 2001 sebanyak 16 peratus barangan ASEAN dieksport ke Jepun, sementara ASEAN menyerap sebanyak 16 peratus jumlah keseluruhan eksport Jepun.

Tahun 2001 pelaburan Jepun dilaporkan berjumlah 18.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan langsung asing ASEAN.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama semasa mempengerusikan Mesyuarat Kawasan Pelaburan ASEAN Ke-5 (AIA). - Gambar oleh Halim HS.

FDI ASEAN bertambah AS \$13 bilion 2001

Oleh
Abdullah Asgar

ngenai impak kelembapan ekonomi global dan kelemahan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang berterusan yang memberi kesan kepada ASEAN.

Jelas Yang Berhormat, kebimbangan para menteri juga tertumpu pada pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (GDP) AS yang hanya 1.1 peratus an di luar dugaan.

Mereka juga khuatir jika GDP Amerika Syarikat yang dikira 40 peratus beberapa tahun lalu mengalami kebalikan prospek bagi pemulihan ekonomi global akan berisiko.

"Dalam hasrat terus memulihkan, memperkembangkan dan memajukan ekonomi ASEAN, para menteri sangat komited dalam mengekalkan persaingan ekonomi di Asia Tenggara ini terutamanya dengan melantik satu konsultasi bebas bagi memeriksa dan memastikan langkah-langkah untuk memaksimumkan potensi industri yang spesifik dan menghasilkan peluang-peluang untuk pertumbuhan cepat," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi inisiatif-inisiatif tersebut akan menggerakkan bagi mempercepatkan integrasi ASEAN sebagai rantau dan jadalnya ke arah merealisasikan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan.

Sementara itu tambahnya, dalam hal inisiatif bagi integrasi ASEAN para menteri berpuas hati ter-

hadap perkembangan yang telah dicapai khususnya dalam empat bidang yang utama iaitu infrastruktur, perkembangan sumber manusia, informasi dan teknologi komunikasi dan integrasi ekonomi serantau.

"Dalam hal integrasi ekonomi mereka juga bersejua dengan melantik sekumpulan pegawai-pegawai eksekutif tertinggi bagi membantu para menteri menghasilkan carta strategik ke arah menuju hala ekonomi ASEAN terutama selepas AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN)," jelasnya.

Di samping itu tambahnya, para menteri juga memikirkan perlunya satu badan kekal atau unit bagi memantau dan membantu memastikan pematuan Perjanjian CEPT/AFTA dan perjanjian-perjanjian ASEAN yang lain yang berkaitan integrasi ekonomi ASEAN yang mana pegawai-pegawai kanan diarahkan bagi mewujudkan badan berkenaan.

Para menteri juga membarui satu set had yang akan mengawal aplikasi pendirian 10 kali bagi liberalisasi perkhidmatan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS) di mana had itu akan membolehkan dua atau lebih banyak negara-negara maju ke hadapan dengan perkhidmatan liberalisasi, manakala yang lain akan menjadi ahli jika sudah bersejua. AFAS akan ditandatangani ketika berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja November ini.



SIDANG Media AEM-METI dihadiri oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, TYT Takeo Hiranuma. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



MENTERI-MENTERI Ekonomi ASEAN dan Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Ekonomi Republik Rakyat China, TYT Shi Guangsheng semasa mengadakan sidang media AEM-MOFTEC. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

KEBERANGKATAN LAWATAN KE KEMENTERIAN PERTAHANAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith sejurus sebelum mendengar taklimat di Pusat Gerakan Bersama (JOC), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



BAGINDA mendengar taklimat oleh seorang pegawai di Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan.



BAGINDA meninjau lebih dekat salah satu bahagian di Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan sambil mendengar penerangan oleh Pengarah jabatan berkenaan, Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar.



BAGINDA berbual mesra bersama para pegawai dan kakitangan Pejabat Unit PW (Air Force).



BAGINDA bertanya sesuatu kepada Pegawai Pemerintah Depoh Logistik Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB), Leftenan Kolonel Pengiran Haji Ramlee semasa berangkat ke Stor Utama depoh berkenaan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar menjelaskan sesuatu ke hadapan majlis baginda semasa berangkat ke Stor Perabot.

KEBERANGKATAN LAWATAN KE KEMENTERIAN PERTAHANAN



BAGINDA bertanyakan sesuatu kepada dua orang pegawai kanan ABDB semasa baginda berangkat ke Mess Pegawai Bolkliah Garison.



BAGINDA berkenan menandatangani buku lawatan di Mess Pegawai Bolkliah Garison.

Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB,
Pg. Hj. Bahar PHO dan Halim HS



BAGINDA melihat secara dekat sebahagian peralatan tentera yang diuruskan oleh Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan.



BAGINDA memerhatikan kasut keselamatan yang dibekalkan untuk anggota tentera.



BAGINDA disebarkan penerangan mengenai bahan-bahan makanan yang terdapat di Stor Catuan Kering.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah sambil beramah mesra bersama kakitangan Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan.

DPPW menerima mengadap perwakilan asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Habibul Islam Bhuiyan (atas) dan menerima kunjungan perpisahan Tuan Yang Terutama Rodolfo C. Severino, Jr., Setiausaha Agung ASEAN yang akan menamatkan perkhidmatannya (bawah). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini menerima mengadap Duta Besar Peru ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Juan Carlos Capunay dan Duta Besar Republik Argentina, Tuan Yang Terutama Armando Juan Jose Maffei yang akan menamatkan perkhidmatannya, di majlis yang berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, TYT Juan Carlos Capunay berkhidmat sebagai Duta Besar Peru secara tidak menetap sejak bulan November 1998 dan beribu pejabat di Republik Singapura.

Manakala TYT Tuan Armando Juan Jose Maffei berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Argentina secara tidak menetap sejak bulan September 2002 dan beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima mengadap Pesuruh-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa menerima mengadap Duta Besar Peru ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Juan Carlos Capunay (atas) dan Duta Besar Republik Argentina, Tuan Yang Terutama Armando Juan Jose Maffei (bawah) yang akan menamatkan perkhidmatannya. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



jaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Habibul Islam Bhuiyan yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, di perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kaya-

ngan itu, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Tuan Yang Terutama dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Brunei hargai sumbangan Setiausaha Agung ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah menerima kunjungan perpisahan Tuan Yang Terutama Rodolfo C. Severino, Jr., Setiausaha Agung ASEAN yang berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Ekonomi

Oleh
Abd. Karim HAB

ASEAN (SEOM) dan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-34 yang diadakan di sini.

Perjumpaan itu berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, di perjumpaan itu, Duli Yang Teramat

Mulia menyampaikan penghargaan di atas sumbangan Tuan Yang Terutama sepanjang berkhidmat selaku Setiausaha Agung ASEAN dan berharap Tuan Yang Terutama terus berjaya di masa-masa akan datang.

TYT Rodolfo C. Severino Jr. akan menamatkan perkhidmatannya dan diganti oleh Tuan Ong Keng Yong dari Republik Singapura selaku Setiausaha Agung ASEAN yang baru pada 1 Januari 2003.

Jangan hanya terus berharap sektor awam

GADONG, 5 September. - Menteri Pendidikan menyeru kepada lepasan Universiti Brunei Darussalam (UBD) di Konvokesyen Ke-14 UBD supaya jangan mengharap di sektor awam bagi mendapatkan pekerjaan, sebaliknya juga harus mencuba di sektor swasta.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, walaupun konvokesyen kali ini

antara yang cemerlang, namun sektor awam belum boleh menjanjikan sebarang pekerjaan.

Yang Berhormat berkata demikian di Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Selamat bagi 207 pelajar Islam sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD berlangsung di Masjid UBD.

Kata Yang Berhormat walaupun hampir separuh lepasan UBD di Konvokesyen Ke-14 akan men-

Oleh
Abdullah Asgar

jalani temu duga menjadi guru, namun selebihnya akan mencari jalan lain untuk mendapatkan pekerjaan.

"Mencari pekerjaan di pihak swasta dan cuba membuka perniagaan sendiri sangat-sangatlah dialu-alukan," katanya.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, pada pengambilan akan datang UBD akan mempertingkatkan kelayakan kemasukan dengan mengutamakan kepantasan yang agak baik.

Majlis Khatam Al-Quran merupakan inisiatif bekas Naib Canselor UBD, Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Othman.

Hadiri mesyuarat di Kyoto, Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 September. - Mesyuarat Sesi Ke-53 Jawatankuasa Pertubuhan Kesihatan Sedunia Rantau Pasifik Barat diadakan di Kyoto, Jepun bermula dari 16 hingga 20 September 2002.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri

Pendidikan selaku Pengerusi Sesi Ke-52 mesyuarat berkenaan dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Kesihatan berserta lima orang pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat tersebut adalah kesinambungan daripada mesyuarat lalu yang telah diadakan di Bandar Seri Begawan pada 10 hingga 14 September tahun lepas, di mana Negara

Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah.

Menurut siaran akhbar Kementerian Kesihatan hari ini mesyuarat itu juga dihadiri oleh Menteri-menteri Kesihatan dari 37 buah negara-negara ahli dan kawasan Rantau Pasifik Barat.

Antara lain mesyuarat berkenaan membincangkan mengenai perkembangan dan pencapaian kesihatan negara-negara ahli dan membincangkan strategi-strategi kesihatan. Mesyua-

rat juga membincangkan program-program kesihatan yang meliputi hal-ehwal kewangan, pentadbiran, dasar dan program kerja Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Antara isu-isu kesihatan yang juga dibincangkan termasuk kawalan dan pencegahan penyakit-penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS, Malaria dan Tiba.

Sesi Meja Bulat Menteri-menteri Kesihatan di mesyuarat tersebut membincangkan mengenai pemarkanan, kegiatan fizikal dan kesihatan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat ke New York pada 13 September lalu bagi menghadiri Sesi Ke-57 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA).

ARENA SUKAN

Pelbagai strategi akan diteliti

CHIEF De Mission kontingen Negara Brunei Darussalam ke SUKMA IX, Sabah, Awang Haji Mohammad Berkata, Jabatan Belia dan Sukan akan meneliti pelbagai strategi dan aspek untuk menyertai mana-mana pertandingan dengan memberikan suntikan dan panduan agar atlet-atlet negara mencapai standard yang diperlukan, umpamanya dalam pertandingan SUKMA.

Beliau yang ditemui bual di sekretariat kontingen Negara Brunei Darussalam pada Hari Penutup SUKMA IX berkata, pencapaian negara kali ini meningkat daripada penyertaan yang lepas di mana negara mendapat 1 pingat emas, 1 perak dan 3 gangsa.

Menurut beliau pencapaian negara di temasya sukan tersebut sekalipun banyak mengalami kekalahan

namun sesetengah atlet telah menunjukkan prestasi yang baik sehingga mampu memecah rekod peribadi sendiri sewaktu berada di sini.

Menyentuh mengenai kemerosotan sesetengah pasukan beliau menjelaskan, bahawa kewiharaan para pemain bukanlah menurun tetapi standard permainan yang dihadapi di SUKMA kali ini terlalu tinggi ber-

banding dengan kemampuan pasukan negara di mana menurutnya lagi ada setengah pemain lawan merupakan pemain kebangsaan Malaysia sendiri.

Untuk menghadapi kejohanan-kejohanan yang akan datang beliau berharap agar semua pemain akan terus menjalani latihan dan meningkatkan lagi prestasi permainan dari masa ke masa.



KALUNGAN PINGAT EMAS PERTAMA UNTUK NEGARA ... Detik kenangan pelari 1,500 meter, Jimmy anak Ahar sewaktu dikalungkan pingat emas oleh Chief De Mission Negara Brunei Darussalam ke SUKMA IX, Sabah, Awang Haji Mohammad.



AKSI JUARA PELARI 1,500 METER ... Jimmy yang memakai baju no. 3 cuba dibayangi oleh pelari-pelari dari seluruh negeri di Malaysia.

Brunei cipta rekod baru SUKMA

KOTA KINABALU, 10 September. - Brunei Darussalam berjaya mencipta satu rekod baru SUKMA IX melalui pemain tenpin bowling, Dayang Khairun Nisa setelah berjaya menumbangkan pin yang paling terbanyak di dalam temasya sukan tersebut yang berlangsung di CPS Bowl, Center Point di sini.

Rekod baru itu dicipta secara individu dalam acara trio perempuan bersama rakan sepasukannya Khairani dan Dayangku

Nurazriani.

Sekalipun tewas di perlawanan tersebut kejayaan Khairun Nisa itu jelas menampakkan kesungguhan dan peningkatan dalam arena tenpin bowling.

Seperti mana yang dijelaskan oleh pengurus pasukan berkenaan, Pg. Anak Hishamuddin menyatakan peningkatan para pemain di temasya sukan berkenaan nampak terserlah malah kebolehan mereka dapat menyeimbangi kebolehan pihak lawan.

Namun kekurangan kepada mereka itu jelas nyata terutama dari segi pendedahan dan pengalaman semasa berlawan, tegas Pg. Anak Hishamuddin.

Sebagai bukti keghairahan dan kegigihan para pemain dengan tercipta-

yang diterima oleh pesilat muda negara kebanyakan dengan kiraan 5-0 menyatakan keputusan adalah mutlak dan tidak boleh dibatalkan kerana semua wasit dan juri terdiri dari Malaysia yang mempunyai peraturannya sendiri sekalipun mereka itu datang dari negeri yang berlainan.

Untuk pertandingan yang akan datang, beliau mengharapkan perlunya ada juri dan wasit dari negara kita sendiri dalam mana-mana perlawanan yang sekurang-kurangnya dapat membantu pesilat negara dalam hal-hal perkara mata.

Beliau juga menyeru bagi kejohanan-kejohanan yang akan datang agar ada kelab penyokong yang tersendiri bagi memberi sokongan moral kepada atlet negara dan yang pastinya setiap pasukan mempunyai penyokongnya sendiri, di samping memberi semangat baru kepada atlet mereka apabila berada di dalam gelanggang.



Laporan
Abu Bakar HAR
Gambar-gambar
oleh Haji Masmaleh
HMA
dari Kota Kinabalu,
Sabah

nya rekod baru SUKMA dalam jatuhan pin terbanyak yang dibuat oleh pemain negara sekalipun pasukan ini gagal mengutip sebarang pingat.

Selain itu dalam acara bergu campuran pasukan negara telah mencapai sepuluh pasukan terbaik, sementara dalam acara master event yang diwakili oleh Ak. Md. Aizat telah tersenarai dalam carta 16 terbaik.

Khairun Nisa berjaya mengatasi rekod lama sekali gus memadamkannya apabila membuat jatuhan sebanyak 258 berbanding rekod lama 243 yang dipegang oleh pemain dari Kuala Lumpur.



TENDANGAN MENEPATI SASARAN ... Asakan sebegini sering dilakukan oleh pesilat muda negara, Siti Juliana ke atas pesilat Johor, Junaidah. Namun di akhir perlawanan wasit sebulat suara memberi kemenangan kepada pesilat Johor.

Jimmy anak emas Brunei

LIKAS, 11 September. - Kilauan emas yang dididamkan oleh pasukan negara akhirnya dijelmakan melalui acara larian 1,500 meter menerusi Jimmy anak Ahar.

Jimmy yang berusia 20 tahun bertugas sebagai anggota polis muncul seorang atlet negara pertama memungut pingat emas di SUKMA IX, Sabah.

Beliau muncul juara di tengah-tengah detik sejarah dunia sedang memperingati peristiwa 911 hari ini dengan catatan masa 4.03.53 sekali gus melengkapkan buruan pingat untuk negara.

Pingat perak pula dikutip oleh pelari dari Sarawak, Jenang Ungker dengan catatan masa 4.04.66 dan pingat gangsa dikutip oleh pelari dari Pulau Pinang menerusi M. Sasi Kumar dengan catatan masa 4.06.34.

Jimmy yang ditemui sejour selepas perlumbaan melahirkan perasaan gembira, di samping menyatakan keyakinan pada dirinya untuk memiliki pingat emas tersebut.

Beliau yang mendapat bimbingan dari jurulatihnya yang berasal dari Ukraine, Olessandr Moskalenko bukan saja berjaya memungut pingat emas malah kejayaannya juga telah mencatat rekod baru bagi dirinya dan rekod kebangsaan.

Adik kepada pelari jarak jauh negara, Sipli mencatatkan rekod masa terpanjang bagi acara tersebut pada bulan Mei lalu dengan catatan 4.04.48 menyamai rekod kebangsaan yang dicatatkan oleh bekas pelari negara Ak. Haji Khairil dengan sendirinya lebur hari ini.

Kemenangan hari itu juga merupakan kemenangan kedua bagi dirinya setelah beliau berjaya memungut pingat perak kelmarin menerusi acara 800 meter.

Jurulatihnya yang kelihatan gembira dengan pencapaian anak didiknya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberi kerjasama dan sokongan ke atas usaha mereka selama ini lebih-lebih lagi ke atas kejayaan yang dicapai oleh Jimmy sendiri khususnya kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Belia dan Sukan dan Persatuan Olahraga.

Katanya untuk menjadi pelari yang baik sekurang-kurangnya seorang atlet itu mempunyai atur cara latihan yang mencukupi dan mengikuti pertandingan tidak kurang dari 15 hingga 20 kali setahun.

Walau bagaimanapun pujian harus juga diberikan kepada pelari 1,500 meter wanita negara, Dayang Nurizyenny sekalipun menduduki tempat keempat dalam perlawanan berkenaan namun pencapaiannya di pertandingan itu cukup menyinar apabila berjaya memecahkan rekod peribadinya 15 saat lebih baik dari yang terdahulu kepada 5.20.27.

Dayang Nurizyenny yang berusia 16 tahun pada mulanya merupakan seorang perenang mula berkecimpung dalam arena olah raga sejak bulan Januari lalu dan sejak detik itu beliau telah menampakkan peningkatan yang amat ketara di samping memerlukan asuhan dan bimbingan.

Silat sumbang gangsa

KOTA KINABALU, 10 September. - Siti Juliana Sawal akhirnya memecah kebuntuan apabila berjaya mengutip pingat gangsa kedua bagi negara setelah tewas di separuh akhir bagi acara pencak silat tanding kelas B kepada Junaidah, pesilat Johor.

Juliana yang bermain dengan baik dan menguasai perlawanan sepatutnya layak untuk berlaki ke peringkat akhir bagi acara berkenaan tetapi malangnya perlawanan yang didominasi oleh pihak pengadil dan juri yang kesemuanya dari Malaysia memaksanya akur dengan keputusan tersebut.

Penguasaan permainan yang ditunjukkan Juliana sepanjang perlawanan terutama dalam pusingan pertama dan kedua sungguh terserlah apabila berjaya menjatuhkan lawan sebanyak lima kali, di samping tendangan dan tumbukan yang mengenai sasaran. Namun hanya satu kejatuhan saja yang dikira oleh pengadil berbanding kejatuhan yang dibuat oleh pesilat

Johor ke atas Juliana dengan spontan kedua-dua kejatuhan tersebut diterima tanpa meminta pandangan dari juri.

Dominasi pengadil tersebut terserlah apabila keputusan yang berpihak kepada Johor berkesudahan dengan kiraan 5-0 yang seolah-olah perlawanan tersebut dikuasai pesilat Johor keseluruhannya.

Jurulatih pasukan silat, Hassan Haji Tuah apabila ditanya mengenai keputusan tersebut sejurus tamat perlawanan menolak perkiraan yang dibuat oleh pihak pengadil, sekalipun pesilat kita dijatuhkan sebanyak dua kali dan kita menjatuhkan sekali namun mata yang dikutip di masa pertama dan kedua boleh membantu kiraan tersebut, sekalipun tewas perkiraan bukan berkesudahan dengan 5-0, jelasnya.

Sebelum perlawanan bermula pengurus pasukan pencak silat, Pengiran Jamaludin ketika diminta mengulas perlawanan sebelumnya mengenai keputusan kekalahan

Brunei - Syria buka lembaran sejarah

SYRIA, 16 September. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Arab Syria membuka lembaran sejarah dalam meningkatkan hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara berikutan Lawatan Kerja tiba hari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke negara tersebut.

Sempena lawatan tersebut, baginda berserta rombongan dan Tuan Yang Terutama Bashar Al-Assad, Presiden Republik Arab Syria dan beberapa orang menteri mengadukan mesyuarat dua hala di Dewan Damascene.

Kebawah Duli Yang

Laporan Sahari Akim dan Noraisah Mohammad dari Syria

Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama juga mengadakan perjumpaan empat mata dan disusuli dengan Majlis Santap Malam Rasmi yang disembahkan oleh Presiden Republik Arab Syria.

Di Majlis Santap Malam tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan titah balas selepas sembah ucapan Tuan Yang Terutama Presiden Bashar Al-Assad.

Di hari kedua lawatan, baginda dijadualkan berangkat melawat 'Tomb of Unknown Soldier' di

Gunung Qassim dan Masjid Umayyad di mana terletak makam Nabi Yahya Alaihissalam.

Selain dari itu baginda juga dijadualkan berangkat melawat ke 'Muzium of Popular Traditions' (Istana Al-Azem), Kota Lama Damascus dan ke Cavalier Club (Military Horse Club).

Sementara itu pada hari ketiga lawatan baginda dijadualkan berangkat melawat 'Republik Guard' dan berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Arab Syria sebelum berangkat pulang pada hari yang sama.

Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Arab Syria pada

31 Ogos yang lepas.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Hubungan Diplomatik antara kedua-dua buah negara diadakan di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta, Republik Indonesia.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diwakili oleh Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, sementara Republik Arab Syria diwakili oleh Tuan Yang Terutama Dr. Bashar Ja'afari, Menteri Plenipotentiary/Head of Mission, Republik Arab Syria ke Republik Indonesia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet dan para pembesar Republik Arab Syria.

Kebawah DYMM melawat Syria

BERAKAS, 16 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat melawat lawatan kerja tiga hari ke Republik Arab Syria.

Berangkat ke lapangan terbang mengucapkan selamat berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan

Oleh Haji Ahat HI

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berada di lapangan terbang mengucapkan selamat berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet dan ahli-ahli majlis mesyuarat.

Sejurus sebelum berangkat, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika doa selamat dibacakan sejurus sebelum berangkat ke Republik Arab Syria.

Brunei - Republik Arab Syria akan jalin pelbagai kerjasama

Sambungan dari muka 1

Langkah pertama untuk menterjemahkan kerjasama tersebut, titah baginda ialah dengan cara rakyat kedua-dua buah negara mengenali secara lebih mendalam antara satu sama lain.

"Atas asas ini, saya percaya terdapat skop penting bagi kerjasama antara kita dalam banyak bidang.

"Minyak dan gas dalam sektor-sektor industri kita dan pelancongan menjadi bidang-bidang terkini yang menarik," titah baginda.

Terdahulu baginda bertitah, walaupun kita dalam benua yang berlainan namun kita sama-sama menghadapi cabaran semasa.

Ke arah itu kedua-dua

buah negara telah mengambil langkah penting dengan menjalin hubungan diplomatik secara rasmi baru-baru ini.

Dalam titah balas, baginda menyatakan untuk memperkukuhkan hubungan bagi menterjemahkan hasrat tersebut dalam bentuk kerjasama yang akan membawa faedah positif kepada rakyat kedua-dua buah negara.

Baginda seterusnya bertitah bahawa rakyat kedua-dua buah negara berkongsi dalam hubungan spiritual yang mendalam dan juga berkekalan.

Mereka juga jelas baginda berkongsi banyak perkara dalam urusan harian bagi kebaikan dan masa hadapan

bersama.

Ianya menuju ke arah kerjasama antarabangsa selain menghormati kedaulatan sesebuah negara dan memberi sokongan usaha Bangsa-bangsa Bersatu.

Baginda menambah titah bahawa kita juga merasa kesal terhadap berlakunya keganasan dan menyokong keperluan ke arah strategi sejagat secara komprehensif dalam menangannya.

Strategi tersebut hendaklah melibatkan penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap keadaan masalah kekejaman yang sangat ditakuti yang menyelubungi rantau ini selama lebih setengah abad.

Dalam memberi sokongan yang kukuh terhadap resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang ada, kita

mengiktiraf dan menghargai peranan khas Syria dalam menangannya.

Seterusnya baginda menyatakan penghargaan kepada rakyat Syria atas keprihatinan mereka dan berharap suatu hari nanti akan wujud keadilan antarabangsa di seluruh Timur Tengah.

Seperti yang dinyatakan oleh Presiden Basar Al-Assad, titah baginda, peranan setiap negara ialah menyediakan landasan bagi pertumbuhan pembangunan yang terus berkembang dan berkekalan.

Baginda selanjutnya melahirkan keyakinan bahawa kedua-dua buah negara telah pun berusaha ke arah itu dan percaya ianya akan membuahkan hasil persahabatan dan kerjasama yang baik antara rakyat kedua-dua buah

negara.

Terdahulu Presiden Bashar Al-Assad dalam sembah ucapannya antara lain menyifatkan lawatan baginda ke Republik Arab Syria merupakan peristiwa penting ke arah wujudnya hubungan baik antara kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama menambah, jarak antara Brunei dan Syria sedikit pun tidak menjadi penghalang dalam menjalin hubungan erat antara rakyat kedua-dua buah negara.

Menurut TYT hubungan interaksi antara kedua-dua buah negara juga akan dapat dicapai melalui pertukaran lawatan antara pegawai-pegawai dan ahli-ahli perniagaan kedua-dua buah negara.

GURU MEMPERKASA KE ARAH KESEMPURNAAN INSAN

دربیتکن اوله جباتن فراعن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Guru pemangkin ketahanan ummah di era globalisasi

DI ERA globalisasi, guru merupakan nadi terpenting dalam menentukan arus pembangunan negara khususnya dalam bidang keilmuan rohani dan jasmani. Mereka merupakan aset terpenting dalam pembentukan sahsiah dan pembentukan minda. Mereka adalah benteng hadapan yang memegang panji-panji ilmu. Percorakan ilmu itu akan lebih tercerna jika guru-guru dan pendidik itu mempunyai disiplin keilmuan yang tinggi. Yang amat penting 'keikhlasan' dalam mencurahkan ilmu tersebut supaya curahan itu menjadi keberkatan kepada murid-murid.

Ini tidak dapat dinafikan, selaras dengan perkembangan keilmuan manusia itu sendiri di mana Allah Taala mengajarkan ilmu kepada Nabi Allah Adam Alaihissalam mengenai nama-nama benda (makhluk Allah) di muka bumi ini.

Sejak dari itu, perkembangan ilmu begitu pesat dan maju. Lihat saja awal wahyu yang diturunkan Surah Iqra, surah yang menyeru manusia untuk menuntut ilmu dan mencari keredaan Allah. Ilmu yang membentuk keperibadian yang tinggi, kerohanian yang mantap (bersih dan suci) serta minda yang terbuka. Minda yang sentiasa menerima yang baik-baik (positif), berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Semua itu diadun dari curahan ilmu dari guru dan pendidik yang mengajar.

AMANAH

Guru-guru dan pendidik harus peka terhadap amanah dan tanggungjawab yang diberikan. Amanah untuk mendidik amat besar dan berat. Ia harus dipikul sebaik mungkin demi untuk melahirkan generasi yang berketrampilan dan berwibawa.

Firman Allah yang tafsirnya :

OLEH
HAJI KASSIM BIN HAJI OMAR

"Kami telah tawarkan amanah itu kepada langit, bumi dan gunung, tetapi mereka enggan memikunya dan takut daripadanya. Sedang manusia mahu memikunya. Sesungguhnya manusia itu sangat penganiaya dan bodoh." - (Surah Al-Ahzab : 72).

Hari ini, peranan guru semakin mencabar dan tercabar dengan kemunculan pelbagai jenis keilmuan. Ilmu-ilmu ini harus diteliti, dicanai, diamat-amati dan seterusnya dicurahkan (diajarkan) kepada murid-murid. Pencurahan dan pembelajaran ilmu ini biar selari dengan gagasan dan hasrat kerajaan dalam pembentukan sahsiah dan aspirasi negara.

Di Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah, keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam merencanakan dan mencorakkan pembelajaran di Negara Brunei Darussalam memang agak terserlah. Sejak dulu lagi baginda mengutamakan kemajuan rakyatnya terutama dalam bidang pelajaran. Yang berjaya dan berkemampuan akan diberi peluang dan ruang untuk belajar dalam dan luar negara. Bagi yang kurang upaya juga diberi kesempatan dan peluang supaya mereka sama-sama menikmati peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan. Mereka merupakan aset negara. Keprihatinan ini amat ketara, sejak dulu lagi pihak kerajaan tidak mengabaikan keperluan pembelajaran di negara ini.

Jaran di negara ini.

Ini juga merupakan amanah kepada murid-murid supaya menggunakan peluang untuk belajar bersungguh-sungguh membina agama, bangsa dan negara. Peluang ini tidak harus dipersia-siakan dengan mengabaikan apa yang diberikan. Ucapkanlah terima kasih kepada guru-guru dan pendidik kerana mencurahkan ilmu. Ini juga merupakan amanah yang harus ditunaikan. Firman Allah yang tafsirnya :

"Hendaklah orang yang diamanati itu menunaikan amanahnya." - (Surah Al-Baqarah : 283).

Dan lagi firman Allah yang tafsirnya :

"Sesungguhnya Allah memerintahkan kepada kalian untuk menunaikan amanah itu kepada pemiliknya." - (Surah An-Nisaa : 58).

Dan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Tidak sempurna iman seseorang yang tidak memegang amanah." - (Dari Ibnu Umar dalam Al-Ausath).

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab guru-guru hari ini semakin mencabar. Gelojak kepesatan sistem pembelajaran ilmu begitu pesat. Perubahan keilmuan makin pantas sebagaimana perubahan teknologi canggih yang dinamakan ICT menguasai dunia hari ini. Jadi perkembangan ini harus diikuti oleh pihak pendidik khususnya guru-guru dalam menjalin, membina kelahiran dan ketumbuhan ilmu-ilmu tersebut. Kederasan dan kelajuan ilmu tidak dapat dibabang atau disekat. Ia akan tetap maju ke hadapan.

Jadi persediaan kita untuk menerapkan dan mengaplikasikan kepada murid-murid atau generasi akan datang haruslah mantap dan berkesan. Jangan nantinya murid-murid lebih pintar, lebih dalam ilmunya daripada pendidik sendiri dalam soal keilmuan dan komunikasi sejagat.

Ini satu cabaran yang harus dipikul oleh masyarakat pendidik, ia juga merupakan amanah yang harus dipikul. Kepekaan mereka mengenai keperluan dan amanah ini amat tinggi. Biar mereka jadi peneraju ilmu, pendahulu jalan supaya rintangan dan halangan di hadapan harus ditempuh dengan jayanya. Jangan nanti guru kencing berdiri murid kencing berlari. Ini soal adab dan maruah. Adab keilmuan biarlah kena pada tempatnya. Jangan mencurahkan ilmu itu tidak bertempat. Ilmu dan adab itu berkait rapat seperti sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Bermula ilmu itu serta adab, siapa yang tiada beradab tiada ilmu baginya walaupun ia orang alim sekalipun."

Ilmu itu ibadat mutiara yang bernilai tinggi apalagi ilmu yang bersangkutan dengan ilmu ketuhanan. Ilmu ini penting, ilmu mengenal Yang Maha Pencipta supaya mereka tahu betapa kerdinya kita sebagai hamba Allah dan mengenal Allah Yang Maha Berkuasa yang wajib disembah. Di sini unsur-unsur ketaatan dan keberkatan ilmu itu dapat dicurahkan. Pendidik dan guru-guru harus mengetahui mauduk kejadian manusia supaya beribadah kepada Allah seperti firman-Nya yang tafsirnya :

"Tiadalah Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku." - (Surah Adz-Dzaariyat : 56).

Jadi tugas dan tanggungjawab pendidik dan guru bukan hanya sekadar mendidik, mengajar tetapi lebih besar dari itu. Guru mendidik murid menjadi pandai, menjadi orang berguna. Mereka membimbing ke jalan kebenaran, ke jalan takwa dan menuju jalan akhirat.

Firman Allah yang tafsirnya :

"Barang siapa yang takwa kepada Allah pasti di-

buatkan baginya jalan keluar, dan memberikan rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka. Dan barang siapa yang tawakal kepada Allah, Allah akan mencukupkan (keperluannya). Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan-Nya (yang dikehendaki-Nya), Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu."

Guru-guru dan pendidik ibarat lilin yang sentiasa menerangi orang lain. Jasa guru bukan hanya boleh dibalas dengan 'terima kasih cikgu' tetapi lebih dari itu. Nilainya tinggi tidak terhingga. Melalui gurulah kita kenal huruf, kita kenal segalanya. Jika dibandingkan imbalan yang diperolehi oleh mereka tidaklah setimpal tapi demi kasih mereka kepada anak bangsa mereka terus juga mengajar, mendidik dan memimpin anak-anak kita, syabas guru-guru!

Hari ini di era globalisasi, bebanan dan tanggungjawab mereka makin bertambah, dengan perubahan teknologi komunikasi yang canggih, kemajuan ilmu pengetahuan juga begitu pantas berubah dan mudah diperolehi dengan adanya corak pembelajaran alaf baru. Pembelajaran yang memerlukan kreativiti dan inovatif yang tinggi yang boleh memberi kesan dalam minda pelajar dan juga para guru.

Guru-guru dan pendidik harus menghayunkan tangan sama-sama memajukan negara dengan meningkatkan kepakaran, keilmuan dari segi pendekatan mengajar, keperluan mengajar dan juga ilmu saikologi yang boleh membentuk anak murid menjadi murid yang berguna di masa hadapan.

Kemunculan pelbagai jenis jenama ilmu dan pelajaran yang boleh merosakkan, mengaibkan mata harus diamat-amati. Ilmu sebegini harus disaring, dibangsi dan ditapis supaya gejala yang tidak sihat tidak akan melanda masyarakat. Ini amat ditakuti. Apa yang dihasratkan oleh pihak kerajaan dan juga masyarakat akan hancur berkecai jika tidak ditangani dengan segera.

Ini bukan bermakna kita menyekat kebebasan mencari ilmu atau menerokai bidang ilmu yang baru tapi mesti ada garis panduan dan sukat-sukatnya. Oleh itu kerjasama semua pihak harus ada terutama ibu bapa supaya peka terhadap perkembangan keilmuan anak-anak mereka. Janganlah kita hanya lepaskan kepada guru-guru atau pendidik. Tugas dan tanggungjawab mesti dipikul bersama.

Kita tidak dapat nafikan terdapat juga gejala negatif yang berleluasa seperti gambar-gambar porno, majalah-majalah lucah, VCD lucah, ajaran-ajaran sesat dan sebaran-sebaran maklumat yang tidak bertanggungjawab yang boleh meracuni pemikiran dan minda murid-murid dan masyarakat.

Akibatnya, disiplin murid-murid bertambah merosot dan mereka tidak lagi menghormati guru, orang tua, akhlak mereka jatuh, mereka banyak membuang masa dengan kegiatan yang tidak berfaedah seperti lepak, merokok, menghisap dadah/syukur dan bergiat dengan muzik metal yang boleh merosakkan minda dan pelajaran. Oleh kerana itu, guru-guru terpaksa memantau dan memata-matai kegiatan murid-murid semasa di sekolah supaya mereka tidak terjebak dalam kegiatan yang tidak bermoral ini.

Jadi, jelas pada kita, peranan dan tanggungjawab guru-guru dan pendidik hari ini terlalu mencabar. Kita harus memberikan 'tahniah' kerana sumbangan mereka yang begitu bernilai, yang ikhlas dalam mendidik anak-anak kita dan juga generasi hari ini. Mereka ibarat suluh yang menerangi kegelapan. Tanpa mereka siapalah kita. Keprihatinan pihak kerajaan setiap tahun memperingati 'Hari Guru' dan juga mengenang jasa-jasa 'Tokoh Guru' harus dipuji. Jadi kita wajib bersyukur kerana negara kita mempunyai raja yang berjiwa 'pendidik' dan berjiwa 'ilmu'. Pembentukan ilmulah menjadikan kita insan yang berakhlak mulia.



PERANAN guru ketika ini adalah semakin mencabar terutama dengan munculnya pelbagai jenis keilmuan.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria (kiri sekali) ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi ASEAN (TELMIN) yang berlangsung di Manila. — Gambar ihsan Kementerian Perhubungan.

TELMIN bersetuju tingkatkan penggunaan teknologi maklumat, komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Ogos. — Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi ASEAN (TELMIN) Kali Kedua berakhir dengan penandatanganan Deklarasi Manila.

Menurut siaran akhbar Kementerian Perhubungan di sini, para menteri berkenaan bersetuju untuk mengambil langkah yang aktif dan menjadi pemimpin dalam mempromosi dan meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di rantau ini.

Di samping itu, mereka juga memberi perhatian kepada beberapa bidang khususnya kemajuan sumber manusia ICT ASEAN, penglibatan pihak swasta dalam perundingan penggunaan bayaran antarabangsa bagi perkhidmatan-perkhidmatan internet yang sustainable, rancangan bagi penubuhan Majlis Menyelaraskan Keselamatan ASEAN (ASCC) dan usaha mempercepatkan rancangan infrastruktur maklumat bagi rantau ASEAN.

Sehubungan dengan penglibatan TELMIN da-

Oleh
Abd. Karim HAB

lam inisiatif e-ASEAN, pertemuan TELMIN kali ini telah membincangkan dan mempersetujui untuk mengambil 'lead role' dalam perkembangan sektor ICT di rantau ASEAN khususnya dalam pengendalian inisiatif e-ASEAN.

Ke arah itu, sebagai langkah awal dalam memimpin sektor ICT dan peranan 'lead role' bagi e-ASEAN, para menteri berkenaan telah mengatur para pegawai kanan (TELSOM) membuat kajian dalam menghasilkan mekanisme-mekanisme bagi meningkatkan kerjasama dalam ICT di rantau ASEAN.

Hasrat itu, menurut siaran akhbar itu, termasuk rancangan bagi penubuhan sebuah Pusat ICT ASEAN menggunakan Centres of Excellence yang ada pada masa ini di rantau ASEAN dan rancangan bagi memperkuat lagi Unit ICT di Sekretariat ASEAN.

Di samping itu, para menteri juga bersetuju untuk menjalin hubungan dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea dalam kerjasama bagi bidang ICT sama ada secara individu mahupun secara ASEAN+3.

Para menteri juga turut mempersetujui untuk menangani isu 'security' bagi internet dengan cara menggalakkan penubuhan National Computer Emergency Response Teams di semua negara ahli ASEAN. Dengan cara itu, ancaman-ancaman keselamatan khususnya yang melibatkan rangkaian komputer akan dapat ditangani melalui kerjasama bersepadu di antara negara-negara ASEAN.

Di mesyuarat dua hari itu yang berlangsung di Makati, Republik Filipina, Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman.

Mesyuarat yang juga dihadiri oleh para pegawai kanan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam bertujuan bagi mengeratkan kerjasama dan perkembangan dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat di antara negara-negara ASEAN melalui sesi perbincangan dan dialog.

Sebagaimana lazimnya, mesyuarat dua hari bagi para pegawai kanan telekomunikasi (TELSOM) juga diadakan selama dua hari sebelum mesyuarat para menteri diadakan.

Mesyuarat TELSOM ketiga telah menumpukan perhatian kepada kerjasama persediaan bagi isu-isu, aktiviti dan kertas kerja bagi kegunaan TELMIN. Di mesyuarat itu, delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Mesyuarat TELMIN kali ketiga akan diadakan di Republik Singapura pada tahun 2003.

Menerima kunjungan muhibah

BERAKAS, 2 September. — Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan muhibah daripada Menteri Negara Bagi Pertahanan Republik Singapura yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Cedric Foo Chee Keng.

Majlis tersebut berlangsung di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison di sini.

Tuan Yang Terutama Cedric Foo Chee Keng yang disertai beberapa orang pegawai tiba ke negara ini bagi lawatan rasmi tiga hari.

Sebelum majlis kunjungan itu, Tuan Yang Terutama telah memeriksa perbarisan terdiri daripada anggota Batalion Pertama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Hadir sama di majlis kunjungan itu termasuklah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang

Oleh Haji Ahmad HS

Dimulakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Kolonel Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Kani.

Semasa berada di negara ini, Menteri Negara Bagi Pertahanan Republik Singapura dan rombongan akan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengadakan lawatan ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja, Kem Tentera Republik Singapura di Jalan Aman dan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di negara ini di Jalan Subok.

GURU MEMPERKASA KE ARAH KESEMPURNAAN INSAN

FIRMAN Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Tiin ayat 4 yang tafsirnya :

"*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*"

Maksud ayat yang tersebut di atas adalah bahawa manusia dicipta sebagai makhluk yang terbaik rohani dan jasmaniah. Berdasarkan kenyataan itulah maka kita mempercayai bahawa setiap insan mempunyai ciri-ciri kesempurnaan semula jadi ciptaan Allah Yang Maha Berkuasa. Ciri-ciri kesempurnaan itulah yang perlu diperkukuhkan agar setiap insan dapat memanipulasi seluruh keupayaannya demi agama, bangsa dan negara.

Bertitik tolak daripada keyakinan itulah, tema Hari Guru tahun 2002 ini telah dipilih, di samping mengambil sukut tema Hari Kebangsaan Tahun 2002 'Memperkasa Keupayaan Bangsa'.

Sehubungan dengan itu, guru memikul tanggungjawab yang amat berat kerana di tangan gurulah terletak harapan bagi membentuk masyarakat yang berilmu, berteknologi, berbudaya, beragama, berakhlak dan beriman. Masyarakat menaruh harapan yang tinggi kepada kaum guru bagi mendidik pelajar mereka untuk menjadi sebaik-baik dan sesempurna manusia yang akan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan bangsa dan negara.

Sebagai pemegang amanah, guru wajib menjalankan tugas-tugasnya dengan ikhlas, dedikasi dan bertanggungjawab. Sebagai pendidik, mereka perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi dalam bidang masing-masing kerana mereka dianggap sebagai golongan yang lebih berpengetahuan, berpengalaman, lebih berdaya usaha, lebih rasional, lebih berperanan dan

SEMPENA Sambutan Hari Guru Kali Ke-12 pada tahun ini, Jawatankuasa Tema Hari Guru 2002 telah memilih tema 'Guru Memperkasa Ke Arah Kesempurnaan Insan'. Huraian tema bagi sambutan tahun ini mengupas mengenai peranan dan tanggungjawab guru ke arah membentuk insan yang sempurna dari segi rohani dan jasmani.

lain-lain. Mereka juga memiliki sifat-sifat terpuji, akhlak yang tinggi dan berperibadi mulia kerana segala tindak-tanduk guru adalah contoh teladan kepada para pelajar mereka.

Sebagai individu atau kumpulan yang menjadi teladan, maka guru bukan hanya menyeru ke arah kebaikan (amar makruf), tetapi juga mencegah kemungkaran (nahi munkar). Malah yang lebih penting lagi mereka sendiri hendaklah mengamalkan kebaikan itu terlebih dahulu dengan sempurna, jangan sampai menjadi 'seperti ketam menyuruh anaknya berjalan lurus'. Perkara ini telah ditegaskan dalam Surah Al-Baqarah ayat 44 yang tafsirnya :

"*Mengapa kamu menyuruh orang lain berbuat kebaikan, sedangkan kamu melupakan diri kamu sendiri, padahal kamu membaca kitab, tidakkah kamu fikirkan?*"

Oleh sebab itu, adalah menjadi harapan bersama agar para guru dengan sokongan padu masyarakat dapat mencegah para pelajar daripada melakukan apa jua bentuk kemungkaran. Contohnya akhlak sebilangan para pelajar di luar waktu persekolahan yang masih tidak terjaga dan kerap kali pula terjebak dalam aktiviti-aktiviti antisosial seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah, meminum minuman keras serta pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.

Sekiranya hal-hal negatif ini masih wujud dan tidak dapat ditangani dengan sebaik-baiknya oleh para pendidik dan ahli masyarakat, maka matlamat pendidikan ne-

gara untuk melahirkan generasi yang berilmu, berpengetahuan tinggi, berakhlak dan bertakwa tidak akan sepenuhnya tercapai. Perkara tersebut pasti merugikan bangsa dan negara. Sementelah belia dan generasi muda adalah aset negara yang menjadi pertaruhan maju mundurnya negara di masa hadapan.

Sehubungan dengan itulah, maka mereka harus diperkuatkan atau diperkasakan dengan ilmu pengetahuan, akidah dan iman yang kukuh melalui pendidikan yang sempurna, duniawi dan ukhrawi. Melalui pendidikan yang sempurna itu maka para pelajar, insya-Allah akan berjaya mengharungi segala cabaran semasa kerana mereka pasti telah mempunyai daya tahan, daya saing dan daya maju serta akhlak yang tinggi sebagai makhluk yang sempurna kejadian-nya. Pendek kata mereka tidak akan mudah dipengaruhi, diperdaya dan diperalatkan.

Sesungguhnya tugas membina insan sempurna adalah tugas yang sungguh murni walaupun begitu berat untuk dipikul. Namun kesukaran itu bukanlah menjadi halangan yang boleh melemahkan semangat para guru dalam melaksanakan amanah sebagai pendidik dan tidak mustahil para guru akan mampu mencapai matlamat pembinaan insan sempurna melalui pendidikan, kerana insan yang bergelar guru itu pasti mempunyai kelebihan-kelebihan yang mengatasi para pelajar mereka. Apa yang perlu para guru hendaklah melaksanakan tugas-tugas mereka dan bertindak dengan penuh kebijaksanaan dan kefahaman.

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan terus-menerus mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya, mudah-mudahan kita tergolong menjadi hamba-hamba-Nya yang benar-benar beriman dan bertakwa.

Allah Subhanahu Wataala Yang Maha Berkuasa telah menciptakan alam ini dengan begitu sempurna untuk keperluan hidup makhluk-Nya. Dengan peredaran serta pusingan planet bumi, bulan dan bintang-bintang, maka wujudnya perkiraan masa atau zaman, dua belas bulan dalam satu tahun, empat daripadanya dinamakan bulan haram yang dihormati dan mengandungi kemuliaan dan kelebihan yang tersendiri.


Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taubat ayat 36 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi hukum Allah ialah dua belas bulan, yang telah ditetapkan dalam kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama kamu yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu dengan melanggar larangan-Nya. Dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu keseluruhan dan ketahuilah sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang berakwa."

Daripada Abu Bakar diriwayatkan oleh Imam Abu Daud bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya zaman itu berputar semenjak mula-mula Allah Subhanahu Wataala menciptakan langit dan bumi, satu tahun mengandungi dua belas bulan, daripadanya empat bulan haram, tiga daripadanya bulan itu berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijah dan Muharam dan satu bulan berasingan iaitu Rejab di antara Jamadil-akhir dan Syaaban."

Bulan Rejab adalah bulan ketujuh daripada bulan-bulan dalam hitungan tahun Kamariah. Rejab bererti kebesaran dan dinamakan Rejab kerana bulan ini sangat dimuliakan pada zaman jahiliyah. Dalam bulan ini juga mencatatkan sejarah penting bagi kehidupan umat



Islam kerana dalam bulan ini mengandungi peristiwa Israk dan Mikraj junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, satu peristiwa yang kita telah maklum keagungan-Nya.

Umat Islam digalakkan untuk beribadat sebanyak mungkin pada bulan Rejab ini kerana pada bulan ini Allah Subhanahu Wataala banyak memberikan pahala kepada mereka yang mengerjakan ibadat di dalamnya.

Di antara amalan-amalan yang digalakkan ke atas orang-orang Islam untuk mengerjakannya pada bulan Rejab ini

Banyakkan amal ibadat di bulan Rejab

banyak seratus kali. Dan barang siapa yang berselawat kepadaku seratus kali, maka Allah menulis di antara kedua-dua matanya kebebasan dari nifak dan kebebasan dari Neraka. Pada Hari Kiamat orang itu akan ditempatkan bersama orang-orang yang mati syahid." (Riwayat At-Tabarani).

Bayangkanlah betapa beruntungnya orang yang mendapat ucapan selawat dari Allah Subhanahu Wataala disebabkan ia berselawat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kedua: Bertaubat. Kita digalakkan untuk memperbanyakkan bertaubat pada bulan Rejab kerana bulan ini adalah bulan pengampunan.

Ketiga: Berpuasa. Kita umat Islam digalakkan untuk banyak berpuasa pada bulan Rejab.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi yang bermaksud:

"Sesungguhnya di dalam Syurga itu terdapat sebuah sungai yang disebut Sungai Rejab, airnya lebih putih daripada susu dan lebih manis daripada madu, barang siapa yang berpuasa satu hari pada bulan Rejab. Allah akan memberinya minum dari sungai itu."

Keempat: Berdoa: Apabila berada di bulan Rejab, kita berharap agar sampai pula pada bulan Syaaban dan bulan Ramadan. Bulan Ramadan bulan yang dinanti-nanti oleh setiap orang Islam yang sentiasa merindui pahala besar. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila masuk ke bulan Rejab, Baginda berdoa dengan doa berikut yang bermaksud:

"Ya Allah! Berkatilah kami pada bulan Rejab dan bulan Syaaban serta sampaikanlah kami ke bulan Ramadan."

Selain daripada itu banyak lagi ibadat-ibadat lain yang mempunyai ba-

nyak kelebihan untuk kita amalkan di bulan ini seperti bersewaktah dan melakukan amal jariah yang lain. Allah Subhanahu Wataala membukakan pintu rahmat seluruhnya bagi mengampunkan dosa-dosa hamba-hamba-Nya yang bertaubat, setiap permohonan kita kepada Allah Subhanahu Wataala pasti akan mendapat balasan jua dan jika kita mempraktikkan insya-Allah pasti kita akan memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Tahrim ayat 8 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan bertaubat Nasuha mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai."

BARANG siapa yang membaca selawat untukku satu kali, Allah berselawat kepadanya sepuluh kali, dan barang siapa berselawat kepadanya sepuluh kali kepadaku. Allah akan berselawat kepadanya sebanyak seratus kali. Dan barang siapa yang berselawat kepadaku seratus kali, maka Allah menulis di antara kedua-dua matanya kebebasan dari nifak dan kebebasan dari Neraka. Pada Hari Kiamat orang itu akan ditempatkan bersama orang-orang yang mati syahid.

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی باگي دائره بروني دان مورا مولاي دي هاري رايو، ۱۱ رجب، ۱۴۲۳ برسان دغن ۱۸ سېنتمبر، ۲۰۰۲ هيگ کھاري ثلاث، ۱۷ رجب، ۱۴۲۳ برسان دغن ۲۴ سېنتمبر، ۲۰۰۲ اداله سمرت دباوه لين ۱-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
رجب ۱۱	۱۲.۱۶	۳.۲۰	۶.۱۹	۷.۲۸	۴.۴۴	۴.۵۴	۶.۱۰	۶.۳۳	سېنتمبر ۱۸
۱۲	۱۲.۱۶	۳.۲۱	۶.۱۹	۷.۲۸	۴.۴۴	۴.۵۴	۶.۱۰	۶.۳۳	۱۹
۱۳	۱۲.۱۶	۳.۲۱	۶.۱۸	۷.۲۷	۴.۴۴	۴.۵۳	۶.۱۰	۶.۳۳	۲۰
۱۴	۱۲.۱۵	۳.۲۱	۶.۱۸	۷.۲۷	۴.۴۳	۴.۵۳	۶.۰۹	۶.۳۳	۲۱
۱۵	۱۲.۱۵	۳.۲۱	۶.۱۷	۷.۲۷	۴.۴۳	۴.۵۳	۶.۰۹	۶.۳۲	۲۲
۱۶	۱۲.۱۴	۳.۲۲	۶.۱۷	۷.۲۶	۴.۴۳	۴.۵۳	۶.۰۹	۶.۳۲	۲۳
۱۷	۱۲.۱۴	۳.۲۲	۶.۱۶	۷.۲۶	۴.۴۳	۴.۵۳	۶.۰۹	۶.۳۲	۲۴

وقت ۲ سمبھيغ باگي دائره توتوغ دغه ساتو مينيت دان دائره بلايت دغه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة سلوروو نكارا بروني دارالسلام مولاي دي فوكل ۱۲.۴۵ تفھاري.

UMAT Islam memang digalakkan untuk memperbanyakkan membaca selawat pada bila-bila masa terutama pada ketika pahalanya dilipatgandakan di dalamnya seperti pada bulan Rejab kerana membaca selawat sangat besar pahalanya.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihie Waman Walah.

PERMASALAHAN SUTERA



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Hadis yang lain lagi daripada Abu Laila yang tafsirnya:

"Ketika tiba di Madayin, Hudzaifah meminta minuman. Lalu datang seorang pembesar kampung dengan membawa gelas yang diperbuat daripada perak. (Hudzaifah) membuang gelas tersebut, lalu berkata:

"Sesungguhnya aku tidak membuangnya melainkan aku melarangnya tetapi tidak berhenti. Sesungguhnya Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah melarang kita daripada menggunakan sutera dan dibaj (sejenis sutera) serta minum daripada bejana emas dan perak. Baginda bersabda: "Ia (sutera dan bejana) bagi mereka di dunia dan ia (sutera dan bejana) bagi kamu di akhirat." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Daripada Ibnu Umar yang tafsirnya: "Aku pernah mendengar Umar menyebutkan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu

hu Alaihi Wasallam bersabda: "Barangsiapa memakai sutera di dunia tidak akan memakainya di akhirat. (Hadis riwayat At-Tarmidzi).

Menurut Asy-Syaukani, bahawa hadis di atas menunjukkan kepada sindiran tidak masuk Syurga, kerana sesungguhnya Allah Subhanahu wa Taala telah berfirman bahawa pakaian ahli Syurga itu adalah sutera. Oleh yang demikian, barang siapa yang memakai pakaian sutera maka tidak akan masuk ke dalam Syurga. Sementara menurut As-Suyuthi, hadis ini ditakwil oleh kebanyakan ahli hadis bahawa orang yang memakai sutera itu tidak akan masuk Syurga bersama-sama orang yang terdahulu yang berjaya. (Tuhfah Al-Ahwadzi, kitab Al-Adab, bab Ma Ja'a Fi Karahiyah Al-Harir Wa Ad-Dibaj: 8/88). Pendapat ini disokong lagi dengan hadis daripada Juwairiyah yang tafsirnya:

"Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

: "Barangsiapa memakai pakaian sutera, nescaya Allah memakainya daripada neraka di Hari Kiamat kelak." (Hadis riwayat Ahmad).

Titik permulaannya pengharaman memakai pakaian sutera ini adalah ketika Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memakai sutera lalu dilarang oleh Jibril Alaihissalam, sebagaimana diceritakan dalam hadis daripada 'Uqbah bin 'Amir yang tafsirnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dihadihkan (oleh Ukaidir) dengan farruj (sejenis pakaian) sutera. Baginda memakainya lalu mengerjakan sembahyang dengan pakaian itu. Setelah selesai sembahyang Baginda menanggalkan pakaian itu dengan keras seperti membencinya. Baginda bersabda: "Pakaian ini tidak sesuai bagi orang-orang yang bertakwa." (Hadis riwayat Muslim).

Banyak lagi hadis-hadis yang melarang lelaki

memakai pakaian sutera dan mengharuskan perempuan memakai sutera, di antaranya hadis daripada 'Ali Radiallahuanhu yang tafsirnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memegang sutera di tangan kirinya dan emas di tangan kanannya. Baginda mengangkat keduanya lalu bersabda:

"Sesungguhnya kedua-dua ini haram ke atas lelaki daripada umatku dan halal bagi perempuan daripada umatku." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Adapun memakai sutera kerana dharurah seperti ketika musim sejuk atau panas atau selainnya, dan tiada pakaian lain selain sutera, maka harus dia memakai pakaian tersebut bahkan hendaklah dia memakainya bagi menutup aurat. (Al-Majmu', kitab Ash-Shalah, bab Ma Yurahu Lubshu Wa Ma La Yurahu: 4/380).

Bersambung

SUTERA adalah sejenis benang yang lembut dan halus yang didapati daripada sejenis ulat, ataupun bermaksud kain atau cita yang dibuat daripada benang sutera. (Kamus Dewan 1331).

Kain yang diperbuat daripada benang sutera ini sudah menjadi popular di kalangan orang ramai terutama sekali kaum perempuan dan tidak kurang pula oleh sebahagian kaum lelaki. Kain yang lembut dan halus serta mempunyai nilai yang tinggi ini menambahkan lagi minat pemakainya bagi menunjukkan status atau kedudukan seseorang itu sama ada sebagai orang yang berada atau ingin bergaya.

Sebagai barang yang mewah, seperti emas, Islam mempunyai penilaiannya tersendiri. Dalam hal ini bagaimanakah pandangan Islam terhadap penggunaan sutera ini? Maka

Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan dan menghuraikan beberapa perkara yang berhubung dengan penggunaan atau pemakaian sutera.

Hukum memakai pakaian yang diperbuat daripada benang sutera itu tertakluk kepada pemakainya. Jika ia seorang perempuan adalah harus

Bilangan 142 Bahagian Pertama

memakainya, sebaliknya haram hukumnya bagi lelaki. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang tafsirnya:

"Emas dan sutera diharamkan bagi wanita daripada umatku dan diharamkan ke atas lelaki daripada umatku." (Hadis riwayat An-Nasa'ie).

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

HATI manusia mengawal pergerakan jasadnya. Jika hati seseorang bersih, jasadnya juga turut melakukan kebaikan, sebaliknya hati yang kotor akan membawanya membuat perkara-perkara yang ditegah agama. Keadaan hati, sama ada bersih atau kotor mempunyai pertalian rapat dengan keimanan dan ketakwaan individu.

Dari Nu'man bin Basyir diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan mengenai kepentingan menjaga hati, yang bermaksud: "Ingatlah sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada seketul darah, jika ia baik, maka baiklah jasad. Jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Itulah dia hati."

Hadis ini memberi gambaran bahawa hati manusia yang rosak boleh diibaratkan sebuah komputer yang mempunyai virus. Ia mengganggu sistem komputer dan mencacatkan penggunaannya. Begitulah hati, jika ia dijangkiti, seluruh badan akan rosak.

Di dalam Al-Quran ada ayat yang menyentuh mengenai hati dengan pelbagai istilah. Melalui ayat-ayat itu juga diterangkan, hati dapat dijaga dan diubati hanya dengan bertakwa atau beriman kepada Allah Subhanahu Wataala.

Tanda-tanda takwa atau takut kepada Allah itu dapat dilihat dalam tujuh perkara. Pertama, seseorang itu menjaga lisan atau lidahnya jauh daripada Ghibah seperti membuat fitnah, mengumpat, mengadu domba dan sebagainya.

Kedua, dia menjaga hati agar bersih daripada sifat hasad yang memakan kebaikan sebagaimana api memakan kayu.

Selain itu, pandangan juga dipelihara daripada melihat perkara-perkara haram yang boleh menggelapkan hati. Sebab itu berpalinglah daripada melihat perkara-perkara terlarang untuk mendidik hati. Bagaimanapun diharuskan

Menjaga kebersihan hati

kita memandang dengan penuh keinsafan atau untuk mengambil iktibar.

Keempat, menjaga perut agar tidak diisi dengan yang haram, kerana malaikat akan melaknat selagi barang yang haram berada di dalam tubuh kita.

Kelima, menjaga kedua-dua tangan supaya tidak digunakan untuk melakukan pekerjaan-pekerjaan haram.

Begitu juga kedua-dua kaki dipelihara supaya sentiasa melangkah untuk taat kepada Allah Subhanahu Wataala. Seeloknya bila melangkah keluar disertai dengan doa-doa untuk memelihara diri daripada melakukan perkara-perkara mungkar.

Yang terakhir, ketaatan dapat dilihat apabila seseorang melakukan sesuatu semata-mata untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala serta takut kepada sifat-sifat riak dan munafik.

Hati dan hubungan kita dengan ketaatan terhadap Allah Subhanahu Wataala amat rapat. Sebab itu kita hendaklah sentiasa berdoa meminta-Nya memelihara hati kita agar sentiasa taat kepada-Nya. Hati amat penting kerana apabila rosak, ia menggambarkan pegangan agama kita juga turut rosak.

Jika seseorang bersungguh-sungguh melaksanakan saranan memelihara anggota-anggota di atas, dia termasuk di dalam golongan orang muttaqin yang dijanjikan Allah Subhanahu Wataala dengan Syurga.

Hati yang bersih dan luhur memberi gambaran seseorang dapat menepis godaan syaitan. Di dalam diri manusia kita menghadapi dua bisikan iaitu bisikan syaitan dan bisikan malaikat. Bisikan syaitan menggoda manusia. Jika syaitan berjaya menguasai hati, ia akan menguasai seluruh jiwa dan manusia menjadi tidak takut kepada Allah Subhanahu Wataala. Seterusnya lahir manusia yang kejam, tidak berperikemanusiaan, pembohong, pembuat fitnah dan sebagainya.

Sebaliknya jika jiwa dikuasai dengan unsur-unsur kemalaikatan, dengan sendirinya syaitan terhindar dan jadilah kita orang yang bertakwa

kepada Allah Subhanahu Wataala, warak, sentiasa mengingati-Nya dan bersyukur.

Di dalam Surah Al-A'raaf ayat 200-201 Allah berfirman yang tafsirnya: "Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah), maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar)."

Allah Subhanahu Wataala mengangkat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai seorang yang maktum atau terpelihara daripada dosa, apabila hati Baginda dibersihkan. Berbanding manusia biasa, kita hanya mampu berdoa kepada Tuhan, tetapi keimanan kepada-Nya tidak dapat dijamin kerana hati tidak dapat dibersihkan seratus peratus dan sentiasa digoda syaitan.

Tuhan memilih Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk membawa urusan-Nya. Maka semestinya utusan Allah Subhanahu Wataala mempunyai sifat-sifat istimewa, antaranya hati yang bersih. Dengan hatinya

HATI dan hubungan kita dengan ketaatan terhadap Allah Subhanahu Wataala amat rapat. Sebab itu kita hendaklah sentiasa berdoa meminta-Nya memelihara hati kita agar sentiasa taat kepada-Nya. Hati amat penting kerana apabila rosak, ia menggambarkan pegangan agama kita juga turut rosak.

yang bersih itu, orang-orang kafir dan Quraisy tertawan. Kesabaran, keikhlasan dan kemuliaan ahlakannya berpunca daripada hati Baginda yang bersih. Malah orang-orang kafir sendiri mengakui kemuliaan hati Baginda.

Umar Al-Khattab yang dikenali seorang yang keras hati dapat dilembutkan hatinya, bukan dengan kekerasan, tetapi apabila mendengar bacaan Al-Quran, hatinya tertawan dan akhirnya mengubah pegangan serta corak hidupnya.

Berzikir dan mengingati kembali hakikat kejadian manusia adalah antara cara mengubat hati supaya beriman kepada-Nya. Dengan berzikir contohnya, hati-hati yang keras sekalipun dapat dilembutkan. Tidak perlulah membaca ayat-ayat Al-Quran yang panjang. Cukuplah sekadar mengingati Allah Subhanahu Wataala kerana Dia telah berjanji akan mengingati-Nya.

Dalam perjalanan hidup kita ini juga, cubalah beramal dengan kerja-kerja yang mendatangkan pahala. Contohnya pertingkatkan amalan-amalan sunat yang diberi ganjaran pahala yang banyak. Cemburilah kepada mereka yang berjaya membuat banyak ibadah agar kita juga turut bersaing menghapuskan bintik-bintik hitam di dalam hati dan seterusnya melakukan ibadah sebanyak mungkin.

Untuk mendidik hati dan menaikkan taraf kepada golongan muttaqin pula, kita hendaklah menyerahkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Mulakan dengan bertaubat secara bersungguh-sungguh, malah lebih elok sehingga dapat menitis air mata.

Taubat sebenar datang daripada hati dan memberi kesan mendalam sehingga dapat merasa diri hampir dengan Tuhan, seterusnya mengubah sikap. Hati yang insaf dan kuat akan menimbulkan rasa takut serta dapat menahan kesabaran dan hawa nafsu.

Jika keimanan dapat ditingkatkan melalui hati, alhamdulillah, kita akan menjadi seorang yang bertakwa.

Perkampungan Sivik Mahasiswa dan Mahasiswi NBD Seberang Laut 2002



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan ketika menyampaikan sijil kepada seorang mahasiswi yang menyertai Perkampungan Sivik Mahasiswa dan Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002. Majlis berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah.

Siswa, siswi diseru jauhi gejala negatif

BERAKAS, 5 September. - Mahasiswa dan mahasiswi dinasihatkan supaya menjauhkan diri dari terpengaruh budaya sosial asing yang tidak sesuai dengan cara hidup orang Brunei yang bersopan santun, patuh atau taat kepada raja, bangsa dan negara.

Mereka juga diseru menghindari dari terpengaruh kegiatan-kegiatan jenayah, seperti memakan dadah, menipu dengan menggunakan teknologi canggih, terbahit dengan tunjuk perasaan atau cuba bergabung dengan mana-mana pihak, perkumpulan

Liputan Sahari Akim
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM

atau persatuan yang menentang kerajaan.

"Kegiatan seperti ini bukan sahaja merugikan kerajaan akan tetapi ianya juga akan memalapkan harapan agama, bangsa dan negara dan juga ahli keluarga," tegas Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei semasa berucap menutup rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa dan Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002 berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Dato Paduka Seri berkata, mahasiswa dan mahasiswi perlu sentiasa ingat bahawa mereka secara tidak rasmi merupakan sebagai wakil negara atau 'ambassador' yang berperanan untuk memberi gambaran baik terhadap imej negara dan masyarakat Brunei kepada penuntut dan masyarakat luar.

Dalam erti kata lain jelas Dato Paduka Seri, tingkah laku dan keperibadian mereka akan dinilai oleh rakan-rakan, tenaga pengajar dan masyarakat di luar negara, sama ada suka atau tidak, mereka akan membuat tanggapan sendiri terhadap masyarakat Brunei berpandukan keolahraian para penuntut negara ini di luar negeri.

"Menunjukkan keperibadian murni dan perbuatan yang berakhlak sudah tentunya akan memberikan gambaran yang baik terhadap masyarakat dan Negara Brunei Darussalam," jelas Dato Paduka Seri.

Terdahulu Dato Paduka Seri menyatakan bahawa mahasiswa dan mahasiswi merupakan aset negara yang berharga kerana untuk membina sebuah negara yang perkasaa memerlukan rakyat atau masyarakat yang sempurna dengan ilmu, keupayaan, akhlak yang mulia dan bertanggungjawab.

Tambah beliau, bangsa yang berilmu mempunyai budaya kerja yang tinggi dan jika diperkukuhkan lagi dengan akhlak merupakan tenaga penggerak kemajuan, peneraju perubahan, perancang dan pemikir kecermerlangan

bangsa dan negara yang mampu berpacu dengan cabaran zaman.

Beliau berharap agar mereka tidak akan menghampakan harapan bangsa, agama dan negara dalam menimba ilmu di luar negeri serta kembali dengan kejayaan demi membolehkan mereka menaburkan khidmat dan jasa bakti bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara yang dicintai.

Ketika berucap Dato Paduka Seri juga berharap agar Perkampungan Sivik itu akan dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran peserta mengenai aspek kenegaraan, jentera pentadbiran sekali gus memupuk semangat cintakan bangsa, agama dan tanah air serta mempertahankan adat susila dan budaya selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

"Negara kita bukan sahaja memerlukan mahasiswa dan mahasiswi yang berilmu tetapi mereka juga mestilah mempunyai kualiti dan daya tahan, daya saing yang tinggi, dinamik dan berdisiplin," ujarnya.

Pesuruhjaya Polis menambahkan, mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai kualiti positif merupakan harapan negara dan bangsa sambil berharap mereka akan berjaya menamatkan pelajaran dan kembali ke tanah air untuk menabur bakti serta sama-sama memajukan negara dan bangsa bagi mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraannya.

Menyentuh tema kursus 'Mahasiswa dan Mahasiswi Berilmu dan Berakhlak Negara Perkasaa' pada hajat beliau amat bertepatan dengan hasrat negara dan rakyat Brunei untuk melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan dan berakhlak mulia.

Beliau juga mengharapkan agar tujuan Perkampungan Sivik itu akan dapat difahami dan dihayati sekali gus digunakan sebagai pedoman atau pegangan kepada mahasiswa dan mahasiswi ketika menuntut di luar negara dengan hasrat untuk menjadi masyarakat berilmu dan berakhlak demi memperkasa negara.

Bakal graduan disaran berdaya usaha, kreatif meraih pendapatan

BERAKAS, 5 September. - Para graduan dan bakal-bakal graduan yang ada di majlis ini supaya berusaha sendiri 'menulus' sendiri daya usaha atau kreativiti yang berpotensi untuk meraih pendapatan," tegas Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa dan Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002, berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Pengarah Penerangan percaya dengan ilmu, kebolehan berfikir, merancang dan semangat untuk membangun bangsa dan negara ada pada mereka.

Katanya, sumbangan seperti itu sebenarnya besar ertinya bahkan salah satu sumber yang boleh memperkasa negara, manakala masalah pengangguran tidak sepatutnya menakutkan atau mencairkan keketatan semangat mahasiswa dan mahasiswi untuk mengejar ilmu dan kejayaan yang dicita-citakan.

Terdahulu, beliau menyatakan bahawa kerajaan tidak menjanjikan sebarang pekerjaan kepada setiap penuntut yang diberikan dermasiswa dan seperti yang disediakan peluang pekerjaan di sektor kerajaan amat terhad.

Sebaliknya jelas Pengarah Penerangan, peluang pekerjaan di sektor swasta masih terbuka luas di mana berdasarkan kajian daripada 90 ribu pekerja di sektor berkenaan hanya 20 ribu diisi oleh anak tempatan yang menunjukkan negara masih banyak mengimport tenaga asing untuk mengisi pasaran pekerjaan.

Jelas Pengarah Penerangan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui

Jabatan Buruh telah berusaha untuk mengatasi perkara ini dengan memperkenalkan Skim Perintis bagi pemegang ijazah dan HND untuk menempatkan mereka di sektor swasta secara percubaan.

Mengikut laporan pihak berkenaan, skim itu kurang mendapat respon jika dibanding dengan jumlah graduan yang masih mencari kerja, ujarnya.

Memandangkan jumlah graduan semakin bertambah dan pencari kerja juga akan bertambah maka kerajaan dan sektor swasta sudah pun mengambil langkah positif untuk mengatasinya tetapi yang paling utama ialah perubahan sikap dan 'mind set' di kalangan graduan sendiri.

Terdahulu, beliau menekankan bahawa dalam Islam menuntut ilmu itu adalah wajib bagi setiap insan manakala dalam konteks kenegaraan pula ia merupakan tanggungjawab yang mesti ditunaikan.

"Tanggungjawab itu sudah bermula sebaik-baik sahaja Awang dan Dayang menjekkan kaki ke sekolah. Dengan itu bermakna ada dua tuntutan yang mesti dilakukan oleh setiap insan yang bergelar penuntut, mahasiswa mahasiswi itu. Iaitu kewajipan terhadap agama dan negara," jelas beliau.

Beliau menekankan, cantuman keduanya itu merupakan amanah yang tidak boleh dipandang ringan atau dibuat sambil lewa atau sekadar umpama melepas batuk di tangga sahaja tetapi hendaklah ditunaikan dan dijunjung dengan sepenuh hati dan jiwa raga berlandaskan nawaitu yang tulen, tulus dan ikhlas.

Menurut Abd. Ghani, apabila seseorang penuntut sudah bergelar mahasiswa mahasiswi maka amanah itu semakin bertambah besar skopnya dan biasanya menghadapi banyak cabaran terutama bagi yang menuntut di seberang laut.

Sebab itulah jelasnya, agama Islam me-

muliakan orang-orang yang menuntut ilmu itu kerana di samping banyak berkorban, hasil ilmu yang mereka perolehi itu adalah sangat penting untuk membangun dan memperkasa negara.

Beliau memetik peribahasa, menuntut ilmu itu ibarat 'berakit-rakit ke hulu dan berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian'.

Katanya, maksud bersenang-senang kemudian itu tergan-tung kepada bagaimana keupayaan seseorang itu sewaktu ia berenang-renang yang membolehkannya sampai ke tepian.

Pengarah Penerangan juga menyebut peribahasa, 'kalau tidak dipecahkan royong manakan dapat sagunya', yang bermakna untuk mendapatkan sesuatu yang berharga atau bermutu tinggi itu memerlukan usaha yang gigih, ketabahan dan kecekalan yang tinggi. Begitulah keadaannya dalam menuntut ilmu.

Nasihat beliau, insan yang bijak tidak cepat melatah, tidak juga menyalah atau mengalah, kita hidup biar berhemah supaya mendapat hikmah dan diredai oleh Allah.



DATO Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan sijil kepada seorang mahasiswa yang menyertai perkampungan tersebut.



PARA mahasiswa dan mahasiswi Negara Brunei Darussalam dari dalam dan luar negara ketika bergambar ramai bersama tetamu kehormat sejeurus menerima sijil masing-masing.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

T-jawab guru semakin mencabar

HARI Guru merupakan satu hari yang istimewa yang diadakan setiap tahun bagi mengenang jasa kaum guru. Pada setiap tahun, satu tema akan dipilih untuk diberikan tumpuan. Kebanyakan pelajar pula menggunakan hari tersebut untuk mengucapkan terima kasih dan menunjukkan penghargaan dengan menghantar kad ucapan dan bunga kepada guru yang mengajar dan membimbing mereka.

Sebenarnya peranan seorang guru bukan sahaja merangkumi per-

tumbuhan dan perkembangan jasmani dan rohani, tetapi lebih kepada membentuk dan memupuk anak-anak yang mentah menjadi manusia yang mulia dan generasi yang ideal. Terdapat empat tanggungjawab yang perlu seseorang guru hadapi.

Pertama, tanggungjawab terhadap pelajar. Di antara tanggungjawab tersebut ialah mengutamakan kebajikan dan keselamatan pelajar daripada hal-hal lain. Mereka hendaklah bersikap adil terhadap setiap pelajar tanpa mengira faktor-faktor jasmani, mental, emosi, politik, ekonomi, sosial, keturunan dan agama. Guru ialah

mereka yang membimbing atau mengajar seseorang pelajar dalam kelas sendiri atau dalam mata-mata pelajaran yang diajar di bilik darjah tanpa sebarang bayaran. Seorang guru juga bertanggungjawab dalam merahsiakan maklumat sulit mengenai pelajar, kecuali kepada mereka yang berhak mengetahuinya. Oleh kerana itu, guru dianggap sebagai 'role model'. Mereka hendaklah menunjukkan diri mereka sebagai contoh kepada pelajar yang sama ada dari segi pakaian, pertuturan dan tingkah laku.

Kedua, tanggungjawab terhadap ibu bapa. Sese-

orang guru hendaklah menghormati tanggungjawab utama ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Guru juga bertanggungjawab dalam mewujudkan hubungan mesra dan kerjasama yang erat di antara institusi pendidikan dan keluarga pelajar. Seperti yang tersebut di atas, seorang guru haruslah menganggap semua maklumat yang diberikan oleh ibu bapa mengenai keadaan rumah tangga atau mengenai anak mereka sebagai sulit dan tidak membocorkannya kepada sesiapa, kecuali kepada mereka yang berhak mengetahuinya. Di samping itu, memberikan maklumat

kepada ibu bapa demi kepentingan anak-anak dan menggunakan maklumat yang diterima daripada ibu bapa secara teliti dan bijaksana.

Ketiga, tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Adalah penting bagi seseorang guru untuk mengelakkan dirinya daripada menyebarkan sesuatu ajaran yang boleh merosakkan kepentingan pelajar, masyarakat atau negara. Mereka hendaklah memupuk setiap pelajar dengan sikap yang dapat membimbing dan membentuk para pelajar untuk menjadi warga negara yang taat setia, bertanggungjawab dan berguna

serta menghormati orang-orang tua. Bagi guru-guru, mereka patut menghormati masyarakat setempat di mana mereka ditugaskan dan berkhidmat sambil mewujudkan persefahaman di antara guru dengan ibu bapa.

Akhir sekali, tanggungjawab terhadap rakan sejawat. Seseorang guru itu hendaklah mengelakkan diri daripada sebarang kenyataan yang boleh mencemarkan nama baik dan menjatuhkan maruah seorang guru. Guru itu hendaklah sedia menolong rakan sejawat yang baru iaitu dengan cara membimbingnya sama ada dari segi teknik dan ke arah

pengajaran mahupun dari segi mendisiplinkan pelajar.

Sebagai kesimpulan, tindak-tanduk seseorang guru hendaklah sejajar dengan harapan dan aspirasi masyarakat dan negara. Dalam zaman teknologi yang canggih ini, guru tidak lagi berperanan sebagai pengajar sahaja, malahan pelbagai peranan lagi sama ada di dalam atau di luar sekolah.

Yusnani binti Zolkeffi
No. 48, Simpang 43 - 38
STKRJ, Lorong 3
Selatan, Seria, KB 1533.
No. k/p : 00297028

Memperkasa ilmu hadapi era globalisasi

HARI-HARI dan rata-rata, globalisasi menjadi fokus perbincangan, perdebatan hangat di masa yang sama negara turut meniti, menyusuri globalisasi yang pada asalnya lebih menunjukkan gerakan untuk membolisakan ekonomi global yang meliputi semua bidang peradapan telah menghasilkan pengaruh dan kesan yang penuh cabaran dengan membawa kebaikan dan keburukan. Kecenderungannya membentuk budaya sejagat yang homogen, terutamanya budaya yang hanya 'menyegarkan pancaindera tetapi mematikan roh' juga menghasilkan persejajatan ilmu dan maklumat dengan pantas juga mengakibatkan pembanjiran maklumat yang tidak berguna dan berbahaya.

Realitinya, gelombang globalisasi tidak akan dapat dihalang, kepantasan globalisasi semakin terasa dan dunia maklumat sudah tiada sempadan batas geografi, adalah sangat sukar memisahkan diri dari perhubungan dan pertukaran maklumat, namun peganan hidup corak Brunei yang berlandaskan MIB

yang bersendikan ajaran agama Islam perlu diterapkan agar jangan hanyut disalaharahkan oleh arus globalisasi, di sinilah para guru terlibat secara langsung untuk menentukan corak dan hala tuju arus globalisasi berkenaan melalui pendidikan.

Dalam menghadapi era globalisasi yang serba mencabar ini di atas pundak gurulah amanah pembentukan sebuah generasi umat dibebankan secara formal bahkan tidak formal. Guru jugalah sebagai agen utama pendidikan dipertanggungjawabkan menerajui misi pemulihan sosial, tunjang pembina insan dan pengaliran sumber manusia yang berkualiti dengan etika gelaran guru ini mewarisi dan meneruskan sikap luhur pendidik dengan menanam niat mewujudkan insan yang mampu memenuhi aspirasi negara dengan diri berbekalkan 'Al-Quwwah' ciri-ciri kecemerlangan dan sentiasa bersikap positif dan produktif.

Guru yang cemerlang, sentiasa mencari jalan menambahkan ilmu dan kemahirannya, peka akan kemajuan sains, teknologi

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Tingkatkan Mutu Perkhidmatan Awam'. Tarikh tutup 21 September 2002.

2. 'Kerjasama Baru Ekonomi ASEAN'. Tarikh tutup 28 September 2002.

3. 'Bandar Seri Begawan Terus Pesat Membangun'. Tarikh tutup 5 Oktober 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

dan perkembangan semasa, daya fikir seorang guru perlu selangkah jauh ke hadapan mendahului arus globalisasi, agar tidak tinggal dan tenggelam oleh kepantasan globalisasi. Kebijaksanaan para guru mengatur langkah secara berterusan dalam membantu kerajaan memastikan kebaikan globalisasi dapat dimanfaatkan, manakala keburukannya dapat dibendung dan diatasi secara objektif demi keharmonian bernegara dan bermasyarakat. Bagaimanapun harapan besar negara tertumpu pada warga guru namun tahap kemampuan guru dalam mengemban tugas mulia ini tidak dapat kita jangka meskipun begitu, keampuhan peranan guru perlulah bernafaskan Islam dan bertabirakan ketakwaan meraka para guru wajib bersikap lapang dada

berkesediaan, berkeyakinan, 'uswah hassanah', 'role model' yang menjadi sebutan dan ikutan sekali gus mendorong serta menarik minat peranan masyarakat terutama kerjasama ibu bapa yang juga amat diperlukan dalam sama-sama menghadapi, mendepani ke-negatifan globalisasi dalam cabaran alaf baru ini.

Bagaimanapun, peranan para guru paling strategik dalam memperkasa kesempurnaan insan sekali gus dalam menentukan masa depan negara dan bangsa. Tanpa landasan jasamu guru siapalah warga muda sehingga menjadi insan dewasa yang mampu meningkatkan negara ke mercu jaya.

Dayang Hamidah binti Haji Abdul Hamid,
No. k/p: 204449.

Semua pihak mempunyai peranan

GURU merupakan pemangkin negara dalam membentuk siasah pe-lajar-pelajar di negara ini. Peranan mereka semakin hari semakin mencabar terutama dengan ledakan ICT yang kian memuncak di era globalisasi ini. Lanya merupakan cabaran yang hebat buat guru-guru kerana perkembangan ICT juga merupakan peningkatan dari keilmuan dan juga kecanggihan untuk mencari bahan-bahan yang berunsurkan ilmu. Mau tak mau guru-guru harus melengkapkan diri untuk terus bersaing dan mempersiapkan diri untuk terus relevan dalam arus perdana pembelajaran.

Tidak dinafikan ia merupakan cabaran. Stail dan corak pembelajaran sudah berubah. Walaupun asas atau dasar pembelajaran masih kukuh tapi pendekatan harus berubah mengikut aliran perkembangan teknologi. Banyak perkara yang bersangkutan mengenai cara mengajar, menerapkan ilmu dan cara menyebarkan pelajar supaya peka dengan kecanggihan mendapatkan ilmu. Pelajar yang pintar sentiasa memperoleh maklumat pelajaran dari internet dan sebagainya. Jadi guru-guru harus sama bahkan lebih lagi kecanggihan mereka memperoleh ilmu dan maklumat pelajaran.

Pendekatan dan cara mengajar sudah jauh berubah, cara mendenda bukan lagi dengan rotan atau dengan denda berdiri di padang atau di luar kelas kerana kegagalan membuat kerja rumah atau kesalahan yang lain. Pendekatan begini sudah tidak sesuai lagi. Yang baiknyanya pendekatan dengan cara yang lebih diplomasi bukan mengikut emosi. Bila guru bertindak melulu atau mengikut emosi maka natijahnya akan negatif, hasrat untuk mendidik dan memberi pandai murid-murid akan gagal. Akan terdapat gap atau halangan antara murid dengan guru.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Tanggungjawab Guru Semakin Mencabar Di Era Globalisasi'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Jadi tidak ada komunikasi berkesan yang boleh menterjemahkan keilmuan dari guru kepada murid. Inilah antara cara pendidikan saikologi yang amat berkesan kepada guru. Bukan semata mahu menghibiskan subjek mata pelajaran. Yang penting cara penyampaian ilmu itu biar berkesan dan memberi kesedaran dan membuka minda murid-murid.

Sistem menyuapkan ilmu juga tidak begitu relevan, yang penting guru-guru harus menunjukkan cara bagaimana mendapatkan ilmu, penunjuk cara dan memberi ruang kepada murid-murid untuk mencari sendiri dan memikirkan bagaimana ilmu itu didapati. Guru jangan pula cepat putus asa jika ada sesetengah murid yang tidak peka dengan pelajar atau tidak mahu belajar. Belajarlah untuk memahami telatah dan sikap murid-murid. Guru harus ada sifat penyayang, sifat bertanggungjawab. Guru harus jadi contoh yang baik. Janganlah jadi murid kencing berdiri guru kencing berdiri.

Namun demikian, dalam era globalisasi ini, tanggungjawab memberi pendidikan kepada murid-murid bukan saja tertetap kepada guru, semua pihak harus bertanggungjawab. Ibu bapa juga harus memainkan peranan, mereka tidak harus

melepaskan bebanan ini di atas tengkok guru. Guru-guru hanya mengajar mendidik di sekitar sekolah sahaja. Mereka akan mencurahkan ilmu, mendisiplinkan dan mentarbiyah murid-murid seperti mana yang dikehendaki oleh kerajaan tapi semasa di rumah, ibu bapalah yang bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, ibu bapa, murid-murid harus berterima kasih kepada guru-guru yang mendidik dan memimpin murid-murid. Memang tidak dinafikan peranan guru amat besar dan luas di zaman ICT ini, segalanya mudah, maklumat yang diperolehi juga mudah. Sebelum perkara-perkara tidak baik berlaku, semua pihak harus mengambil langkah berhati-hati dengan membekalkan murid-murid ilmu yang boleh merosakkan minda mereka. Tapi demi tapian harus dibuat agar mereka tidak terlahap memperoleh maklumat. Guru-guru harus menunjukkan cara dan memberi maklumat pelajaran yang tepat supaya murid-murid dapat ilmu yang tepat dan berguna pada masyarakat dan negara.

Aiani Solahiah binti Haji Kassim,
No. 13 A, Simpang 236,
Kampong Sinarubai,
Jalan Bengkurong-Masin
BF 2120.
No. k/p : 313268.

Perkampungan Sivik Mahasiswa dan Mahasiswi NBD Seberang Laut 2002

Jangan pandang remeh kelakuan gugat adat istiadat

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September. - Masyarakat tidak seharusnya memandang remeh jika mengetahui dan melihat bibit-bibit kelakuan yang cuba menggugat keutuhan adat istiadat yang dimiliki.

Kerana bibit-bibit negatif tersebut lambat-laun akan membesar dan menjadikannya sesuatu yang 'dominan' yang akhirnya susah dikawal.

Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ahmad berkata demikian dalam ceramahnya di Perkampungan Sivik Mahasiswa dan Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002 di Rumah Persinggahan Kerajaan.

Oleh
Abdullah Asgar

Katanya, bertindak dan mencegah dari awal lebih baik dari membaiki atau mengubahnya.

"Oleh itu mulai sekarang, di samping mengetahui dan peka mengenai adat istiadat Melayu Brunei kita hendaklah praktikal dalam mengumalkan adat istiadat tersebut," katanya.

Jelasnya, di dalam majlis beradat yang diamalkan dan dihormati, kehadiran seseorang ke dalam majlis itu menurut kelaziman adat yang diwarisi dan diikuti setiap menggambarkan bahawa rakyat Brunei sangat

hormati adat yang disuami dengan sopan santun.

"Sebelum masuk ke ruang majlis, kita terlebih dahulu memerhatikan dari luar siapa orang-orang yang telah sedia duduk beratur di ruang majlis bagi memberi pertimbangan diri kitani di mana patut duduk, di bawah siapa ataupun di atas siapa. Sesudah kita mengetahui saingannya baru kita masuk ke ruang majlis dan menuju ke tempat yang layak kita duduk," katanya.

Tambahnya, kita berjalan masuk dengan penuh sopan santun dan tertib dan apabila duduk kita akan menghalalkan pandangan ke arah orang yang terkanan sekali yang ada dalam ruang.

Semasa berjalan masuk biasanya melalui atau berjalan dari belakang orang yang sudah duduk, menurutnya.

Sebelum menghadiri sesuatu majlis hendaklah dipastikan jenis pakaian menurut yang dikehendaki oleh sesuatu peraturan yang telah ditentukan bagi istiadat tersebut termasuk pemakaian bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat kehormatan dan hendaklah duduk di tempat masing-masing menurut waktu yang telah ditetapkan di dalam surat jemputan atau masa yang ditetapkan di dalam rancangan atau atur cara, tambah beliau.

Katanya lagi, jika masuk ke dalam majlis seperti yang disebutkan yang tidak



PENOLONG Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ahmad ketika memberikan ceramah kepada mahasiswa dan mahasiswi yang menyertai Perkampungan Sivik. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

mempunyai 'pelaluan khas' semasa lalu di belakang orang yang hadir, hendaklah orang yang lalu itu membongkokkan badannya dan menghulurkan tangan kanannya ke hadapan sedikit sebagai menghormati dan memohon maaf kepada orang-orang yang berkenaan.

Makan minum perlu diberi perhatian

Oleh
Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September. - Makanan dan minuman adalah penting bagi kehidupan seharian di mana makanan dan minuman yang sihat boleh menjadikan tubuh badan yang sihat. Ini ditambah lagi Islam sendiri amat mementingkan kesihatan tubuh badan.

Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Mohd. Amin Abdul Aziz menjelaskan perkara tersebut semasa memberi ceramah kepada peserta-peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa dan Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002 yang berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan di ibu negara dengan tajuk

perbincangan 'Halal Haram Dalam Islam Khusus Mengenai Pemakanan'.

Katanya, perlu diingat pada dasarnya makanan yang halal jika sekiranya sumber tersebut diperoleh melalui cara yang bertentangan dengan agama maka makanan dan minuman tersebut juga dihukumkan haram.

Oleh itu perkara makan dan minum perlulah diambil perhatian dan berhati-hati agar barang yang dimakan itu bukan dari makanan yang haram atau yang ditegah oleh agama Islam.



PARA peserta Perkampungan Sivik ketika beramah mesra bersama para pegawai Polis Diraja Brunei (kiri). Sementara gambar kanan para peserta menyaksikan pameran oleh jabatan-jabatan dalam Pasukan Polis Diraja Brunei. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



Tugas PDB mempunyai 18 M

GADONG, 4 September. - Sekumpulan 70 orang mahasiswa dan mahasiswi seberang laut yang menyertai Perkampungan Sivik anjuran Jabatan Penerangan, telah membuat kunjungan ke Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) di sini.

Sejurus ketibaan di Mes Pegawai Polis, mereka telah diberikan taklimat mengenai sejarah penubuhan, tugas-tugas dan fungsi PDB yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Perhubungan Awam, Penguasa Polis Awang Haji Abdul Murad bin Haji Abdul Hadi.

Dalam taklimat antara lain berkata mengenai fungsi dan tugas-tugas PDB yang termaktub dalam Akta Penggal 50 Seksyen 7 iaitu memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan, mencegah mangsa dan mengesan mangsa, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan pengumpulan risikan keselamatan.

Beliau menerangkan mengenai tugas-tugas pihak PDB yang mempunyai 18 M antaranya termasuk mengekalkan keamanan dan keselamatan, mencegah dan mengesan jenayah,

Oleh Hj. Ahmad HS

mengawal barisan hadapan setiap kali berlangsungnya acara-acara kebesaran negara.

Di samping itu pihak polis juga berhak mengawal keselamatan di jalan raya dan berhak memindah jika terdapat sebarang halangan di jalan raya. Pada masa ini jelas terdapat undang-undang melarang setiap pengguna jalan raya ataupun pemandu meletakkan kereta mereka di kawasan yang bertanda tayar berkunci di kawasan tertentu, di mana katanya, jika didapati bersalah pemandu tersebut akan dikenakan denda sejumlah \$350.00.

Selepas mendengarkan taklimat para peserta kursus bereder ke Padang Kawad PDB bagi menyaksikan lebih dekat pertunjukan pencegahan rusuhan oleh Pasukan Polis Simpanan 'D' Kompeni Lelaki dan Wanita, persembahan pancaragam, pameran kenderaan dan motosikal serta petunjukan alat-alat penangkap had laju (speed trap) dan perangkaan kenalangan jalan raya.

Para peserta juga berpeluang menyaksikan pameran oleh jabatan-jabatan yang terdapat dalam Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu Jabatan Siasatan Jenayah, Logistik, Gerakan, Polis Marin dan Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas.

Dalam lawatan sehari ini para peserta juga berpeluang mengadakan aktiviti sukan seperti perlakuan bola jaring bersama polis wanita dan berpeluang beramah mesra bersama Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dalam Majlis Ramah Mesra yang dikendalikan oleh PDB.

PDB mula diperkenalkan dalam tahun 1906, dan ditubuhkan secara rasmi awal Januari 1921 dengan pengambilan awal rekrut dan pegawai lelaki sahaja. Dalam tahun 1974 Pasukan Polis Wanita telah ditubuhkan dengan pengambilan rekrut pertama wanita seramai 30 orang.

Semenjak penubuhan itu PDB pernah bertugas di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mewakili Negara Brunei Darussalam sebagai pemerhati di Kemboja dan Afrika Selatan.



PEGAWAI Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Mohd. Amin ketika memberikan ceramah bertajuk Halal Haram Dalam Islam Khusus Mengenai Pemakanan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

ARENA SUKAN



PERLAWANAN antara pasukan bola sepak negara dengan Negeri Perak berkesudahan pasukan negara tewas 1 - 3.

Pasukan bola sepak negara ditewaskan oleh Perak

PANAMPANG, 8 September. - Negeri Perak muncul sebagai johan Kumpulan C sekali gus menyingkirkan pasukan bola sepak negara setelah ditumpaskan dalam perlawanan penentuan yang berlangsung di Stadium Panampang di sini.



Perlawanan yang dianggap sebagai penentu bagi pasukan negara untuk melangkah ke suku akhir, akhirnya terpaksa akur dengan persembahan yang kurang mantap khususnya di bahagian pertahanan dan penjaga gawang sendiri.

Namun usaha Brunei untuk mencapai kemenangan di pertemuan itu jelas ketara apabila tendangan leret yang dibuat oleh Rosmin hasil gandingan Riwardi di separuh masa kedua di minit awal dapat ditepis.

Keputusan yang sepatutnya berpihak kepada pasukan negara setelah jaringan pertama yang dibuat Rosmin di minit ke-16 separuh masa kedua disempurnakan dengan baik sekali gus mendahului pasukan lawan setelah keputusan seri di separuh masa pertama.

Permainan yang pada awalnya hampir 80 peratus didominasi oleh pasukan negara dengan membuat beberapa percubaan dan asakan ke pintu lawan

Laporan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA
dari Kota Kinabalu, Sabah

akhirnya tersentak apabila tendangan leret yang dibuat oleh pemain No. 9 Shahrul Nizam di luar petak D tanpa diduga melimpasi jangkauan Mohd. Wardun untuk membenarkan gol pertama Perak sekali gus mengikat kedudukan.

Kira-kira tiga minit selepas itu ke sebelasan anak didik Yong Joon Choi yang mengharapkan mimpi indah akhirnya dikejutkan sekali lagi apabila pemain gantian No. 16 Mohd. Nasir berjaya meloskan diri dan menjaringkan gol kedua hasil hantaran lintang.

Perak melengkapkan jaringan ketiga sekali gus menambah derita Brunei apabila kombinasi yang dipamerkan oleh Mohd. Nasir berjaya disempurnakan sekali lagi oleh Shahrul Nizam lima minit kemudian.

Pengurus pasukan negara di SUKMA IX, Haji Mohd. Shukri menjelaskan mutu permainan negara dalam perlawanan tersebut ketara meningkat walaupun gagal untuk melangkah ke

peringkat seterusnya dan beliau sendiri berpuas hati dengan peningkatan tersebut.

Saranan beliau kepada para pemain supaya akan terus menjalani latihan khususnya bagi persediaan menghadapi perlawanan yang akan datang.

Pihak kejuruteraan dan pengurusan begitu gembira dengan kewibawaan individu dan juga persembahan berpasukan dan secara ringkasnya beliau mengatakan peningkatan pemain begitu ketara.

Komen mengenai perlawanan yang baru lalu itu, beliau menegaskan bahawa persembahan permainan yang pada awalnya dikuasai oleh pasukan negara begitu baik tetapi setelah mendahului jaringan menyebabkan para pemain begitu ghairah untuk mendapatkan peluang menjaringkan gol bagi menambah mata.

Namun katanya, kurangnya konsentrasi dari pihak pertahanan dan penjaga gol apabila jaringan pertama Perak berhasil dibuat.

Silat:

Pesilat negara gagal memungut pingat gangsa

KOTA KINABALU, 8 September. - Harapan pesilat-pesilat negara untuk mencapai kejayaan dengan sekurang-kurangnya memungut pingat gangsa akhirnya tinggal impian setelah ditewaskan pesilat dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Negara yang menaruh harapan kepada Mohd. Abri Jocreanny setelah berjaya menewaskan pesilat Selangor dalam perlawanan di pusingan awal mengharapkan kemenangan tersebut namun ketangkasan dan kecekapan yang dilakukan oleh pesilat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengatur langkah memecahkan segala impian tersebut.

Mohd. Abri Jocreanny yang tewas kepada Mohd. Emy Fadli kiraan 5 - 0 dalam acara tanding peringkat suku akhir menjanjikan sekurang-kurangnya untuk mengutip pingat gangsa bagi Kategori Putera Kelas C.

Namun nasib tidak menyebelainya setelah juri sebulat suara membenarkan kemenangan tersebut untuk dimiliki oleh Mohd. Emy apabila berjaya menjatuhkan pesilat negara sebanyak tiga kali.

Sementara rakan sepasukannya, Adam Awang yang menyertai acara yang sama bagi Kelas E juga menerima padah setelah ditewaskan oleh pesilat Kedah, Mohd. Amin Sa'adun dengan kiraan 3 - 2.

Dalam pertarungan itu

kedua-dua pesilat telah menunjukkan kemahiran masing-masing dengan asakan dan tumbukan serta berbalas-balas pukulan namun akhirnya pesilat kita tewas dalam perlawanan itu.

Perlawanan yang berlangsung di Dewan Saadah Wisma Muis yang sepatutnya bermula 8.30 pagi terbantut selama dua jam disebabkan ketiadaan pegawai perubatan dan menyebabkan ramai atlet kurang merasa senang malah tertekan dengan keadaan itu.



HARAPAN pesilat negara bagi mencapai kejayaan hanya tinggal impian setelah ditewaskan oleh pesilat dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bola jaring:

Penyertaan untuk timba pengalaman

KOTA KINABALU, 8 September. - Penyertaan pasukan bola jaring Negara Brunei Darussalam di SUKMA IX bolehlah dikatakan sebagai menuntut ilmu dan menambah pengalaman untuk diketengahkan dalam perlawanan-perlawanan selanjutnya terutama di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Kurangnya pendedahan tersebut memaksa pasukan negara gagal mempamerkan corak permainan yang baik sekali gus menerima aib dalam semua perlawanan yang disertai.

Namun peningkatan demi peningkatan dapat disaksikan setelah menerima dua kali kekalahan sewaktu bertemu dengan Perak dan Selangor yang berlangsung di Dewan Institut Latihan Perindustrian Sepang, ulas pengurus pasukan bola jaring negara, Dayang Hajah Mariam.

Beliau menjelaskan perkara tersebut sebaik saja tiba di tempat penginapan lewat petang tadi setelah tewas bermain dengan Sarawak dengan jaringan 91 berbalas 15 berbanding dengan keputusan sebelumnya yang mana

mencecah angka 100.

Katanya, sekalipun peluang untuk mara ke peringkat seterusnya amat tipis namun mereka akan cuba memberi tentangan keesokan harinya sewaktu bertemu dengan pasukan Kedah bagi penentuan tempat ketiga dan keempat.

Menurut beliau kekalahan yang menimpa pasukannya juga disebabkan kurangnya kombinasi antara pemain dengan pemain yang lain yang sememangnya kurang pengalaman sehinggalah terikut-ikut rentak pihak lawan.



PASUKAN boling negara ketika beraksi di SUKMA IX di Kota Kinabalu, Sabah.



PARA penyokong Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan memberikan sokongan padu kepada pasukan negara sambil mengibarkan bendera negara.

اخبار



BILANGAN 38

RABU 18 SEPTEMBER 2002

1423 رابو 11 رجب

PERCUMA



INSTITUT PENDIDIKAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN RENDAH BAGI KEMASUKAN SESI AKADEMIK 2002/2003

CALON-CALON adalah dipelawa untuk mengikuti program Diploma Pendidikan Rendah separuh masa yang akan bermula pada 13 Januari 2003.

1. Jenis Program

Program ini adalah program separuh masa khas direka bentuk untuk memenuhi keperluan guru-guru berpengalaman yang tidak terlatih. Program ini ditawarkan dalam dua (2) aliran:

- Aliran Inggeris untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang bahasa pengantarnya bahasa Inggeris.
- Aliran Melayu untuk mereka yang mengajar mata pelajaran yang bahasa pengantarnya bahasa Melayu.

2. Syarat-syarat Kemasukan

Calon-calon hendaklah:

- Memperolehi sekurang-kurangnya lima kepujian (kredit) dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge peringkat biasa atau peperiksaan yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebanding dengannya, serta mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman mengajar yang bersesuaian di institusi pendidikan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge peringkat biasa hendaklah termasuk Bahasa Melayu bagi aliran Melayu dan Bahasa Inggeris bagi aliran Inggeris. Empat mata pelajaran selebihnya hendaklah dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris tertakluk kepada aliran bahasa yang dipohonkan, dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan kurikulum yang diajarkan di sekolah rendah. ATAU

- Menduduki peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge peringkat biasa atau peperiksaan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, dengan memperoleh kepujian (kredit) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu jika memohon program aliran Melayu atau Bahasa Inggeris jika memohon program aliran Inggeris, atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar yang bersesuaian di institusi pendidikan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang telah mengikuti aktiviti-aktiviti perkembangan pengajaran seperti seminar, bengkel atau kursus singkat dalam bidang atau mata pelajaran yang diajarkan.

3. Penganugerahan

Calon-calon akan dianugerahkan Diploma Pendidikan Rendah jika mereka:

- Mendaftar dan menamatkan kursus tidak kurang daripada 24 bulan sebagai pelajar di Universiti Brunei Darussalam;
- Mendaftar dan melengkapkan 91 unit pengajian kursus dan lulus peperiksaan dan penilaian yang ditetapkan untuk program Diploma Pendidikan Rendah mengikut penentuan Senat kecuali pengecualian dibuat oleh Senat, dan telah menjelaskan bayaran yuran pengajian, jika berkenaan.

4. Huraian Ringkas Program

- Setiap aliran akan menjalani kursus-kursus yang serupa untuk meningkatkan taraf pengajian calon-calon mengikut aliran bahasa yang dipilih.
- Kursus-kursus akan dijalankan pada sebelah malam, hujung minggu dan semasa cuti penggal persekolahan.
- Calon-calon boleh terus memegang jawatan mereka di sekolah masing-masing dan sambil itu melengkapkan jumlah unit yang diwajibkan untuk menamatkan kursus dalam jangka masa minimum 24 bulan dan maksimum 48 bulan.
- Program ini mengandungi enam modul yang setiap satu mengambil masa empat bulan, contohnya, dari bulan Januari hingga April, Mei hingga Ogos, dan September hingga Disember.

- Yuran pengajian bagi program dua tahun ini ialah berjumlah B\$ 7,800 termasuk bayaran pentadbiran sebanyak B\$ 300. Yuran pengajian berjumlah B\$ 7,800 boleh dibayar secara beransur-ansur sebanyak enam kali dengan kadar B\$ 1,300 pada permulaan setiap modul.

- Semua calon yang berdaftar akan berpeluang menggunakan kemudahan yang terdapat di Universiti Brunei Darussalam seperti kemudahan perpustakaan, komputer dan rekreasi.

- Borang permohonan boleh didapati dari Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Universiti Brunei Darussalam dan tarikh tutup permohonan ialah pada 30 September 2002.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Dr. Junaidi bin Haji Abd. Rahman, Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkuah, Universiti Brunei Darussalam, Tel. 02-249001 Sambungan 1576 Email: junaidi@shbie.ubd.edu.bn



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KELAS PENDIDIKAN LANJUTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI TAHUN 2003

MATA pelajaran yang ditawarkan bagi kelas-kelas Pendidikan Lanjutan, Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan adalah seperti berikut:-

Mata pelajaran yang ditawarkan adalah:

- Kelas Ilmu Perdagangan Menail, Trengkas dan Simpan kira Aliran Inggeris dan Melayu.
- Kelas Urusan Rumah Tangga iaitu Masakan, Polongan & Jahitan, Gubahan Bunga, Anyaman dan Kisi.
- Bahasa Melayu bagi orang-orang asing
- Bahasa-bahasa Asing.
 - * Bahasa Jepun
 - * Bahasa Cina
 - * Bahasa Arab
 - * Bahasa Perancis
 - * Bahasa Inggeris
- Kelas Akademik Peringkat Menengah Bawah, Menengah Atas, 'O' & 'A'.
- Kelas Jahitan Songkok
- Kelas Mukaddam dan Al-Quran
- Seni Reka Fesyen (Fashion Designer)

Tarikh dan waktu menerima permohonan kursus-kursus ini bermula pada 1 September 2002 hingga 30 September 2002 iaitu hari Isnin hingga Sabtu (Kecuali hari Jumaat & Ahad) dari jam 8.30 pagi - 10.00 pagi 10.30 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 4.00 petang.

Borang permohonan-pemohon Pelajaran Akademik yang sedang menunggu Keputusan Akhir Tahun 2002 adalah dilanjutkan dua minggu setelah keputusan peperiksaan diumumkan.

Borang permohonan boleh didapati dari Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik beralamat:

Bahagian Pendidikan Lanjutan
Jabatan Pendidikan Teknik, Simpang 347,
Jalan Pasar Baru Gadong BE 1310,
Negara Brunei Darussalam

Atau melalui Penyelia-penyelia Pendidikan Lanjutan. Borang yang tidak lengkap tidak akan dilayan.

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI (ABDB) PENGAMBILAN BAGI KERJAYA SEBAGAI PERAJURIT DI DALAM ABDB

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mempelawa para belia untuk memasuki kerjaya sebagai Perajurit di dalam ABDB. Pengambilan ini akan bermula pada 1 Oktober 2002 dan berakhir pada 31 Oktober 2002. Bakal-bakal Perajurit yang berjaya akan mengikuti latihan asas dan ketenteraan di Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Penanjong Garrison bagi pengambilan ke-121.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

- Pemohonan mestilah rakyat Kebawah D'YMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Terdapat dari salah satu puak Jati Melayu Brunei iaitu:
 - Brunei
 - Tutong
 - Kedayan
 - Belait
 - Dusun
 - Murut
 - Bisaya
- Berumur di antara 17 tahun 6 Bulan hingga 25 tahun pada tarikh latihan bermula.
- Ketinggian tidak kurang dari 1.55 meter (5 kaki 1 inci)
- Berat badan tidak kurang dari 46.3 kilogram (104.5 paun)
- Tarat Kelamin bujang atau berkahwin.
- Lulus ujian pelajaran pemeriksaan perubatan dan tapisan keselamatan yang dikendalikan oleh pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

KELAYAKAN PELAJARAN

- Mestilah lulus tingkatan satu atau yang sebanding dengannya. Syarat-syarat kemasukan untuk berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
 - Belia dan beliawanis ingin mencurahkan jasa bakti mereka kepada Negara Brunei Darussalam melalui Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mestilah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan seperti berikut:

Kategori A

Seseorang itu hendaklah:

- Dilahirkan di negara ini.
- Biasanya diterima sebagai seorang dari salah satu puak jati dari bangsa Melayu iaitu Brunei, Tutong, Dusun, Belait, Kedayan, Murut dan Bisaya.
- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kategori B

Seseorang itu hendaklah:

- Seorang Melayu yang bukan terdiri dari salah satu puak jati dari Bangsa Melayu yang disenaraikan di Kategori A di atas.
- Dilahirkan di negara ini.
- Menganuti agama Islam.
- Menurut adat rasmi Melayu.
- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kuat kuasa mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan taraf kerakyatan.

POS-POS DAN WAKTU PENGAMBILAN

Tempat	Hari	Masa
Pejabat Pengambilan Bolkuah Garrison	Isnin - Khamis	0900 - 1215 1400 - 1615
Rumah Persingahan Kerajaan berhadapan Bolkuah Garrison	Isnin - Khamis	0900 - 1200 1400 - 1530
Bangunan Lama Pejabat Daerah Tutong	Isnin - Khamis	0900 - 1200 1400 - 1500
Perkemahan Bangar	Isnin - Khamis	0900 - 1200 1400 - 1530

Pertanyaan

Pejabat Pengambilan ABDB, Kementerian Pertahanan, Bolkuah Garrison
BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Tel. No. 02-386112/383284



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JKP/32/2002

Tajuk Tawaran : TAWARAN BAGI PENYEWAAN SATU (1) UNIT RUANG KEDAI (UNIT NO. 30) KOMPLEKS PERDAGANGAN ANGGEREK DESA, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.
Lokasi : PUSAT PERDAGANGAN ANGGEREK DESA, BERAKAS, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.
Jumlah Ruang Kedai Yang Ditawarkan : Satu (1) Unit Ruang Kedai (Unit No. 30).

Sewa Tetap Bulanan : B\$100.00 (Seratus Ringgit Brunei) sebulan.
Kelulusan Bagi Setiap Unit : 200 kaki persegi.
Tempoh Penyewaan : 5 tahun.
Dokumen Tawaran : Boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran Kontrak, Tingkat 1, Bangunan JPE/JKP (Jabatan Perkhidmatan Elektrik/Jabatan Kemajuan Perumahan), Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tanah Buka Tawaran : 18 September 2002 (Rabu).
Tanah Akhir Mengambil Dokumen Tawaran : 12 Oktober 2002 (Sabtu), tidak lewat jam 10.30 pagi.

Tanah Tutup Tawaran : 14 Oktober 2002 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.
Tempat Tutup Tawaran : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
Yuran Dokumen : B\$25.00 (Dua Puluh Lima Ringgit) tunai dan tidak akan dikembalikan kepada penawar.

Waktu Pembayaran : Isnin - Khamis - 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. 1.30 petang hingga 2.30 petang. Sabtu - 8.00 pagi hingga 10.30 pagi.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TERBUKA kepada syarikat-syarikat perniagaan di Daerah Brunei dan Muara yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Bab 16 dan 17 mahkamah untuk memberikan tawaran bagi penyewaan satu unit/ruang kedai (Unit No: 30) Kompleks Perdagangan Anggerik Desa, Negara Brunei Darussalam seperti yang dinyatakan dalam notis tawaran.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Pemohon mestilah membawa bersama kad pengenalan asal pemilik-pemilik syarikat dan salinan asal (original) Sijil Pendaftaran Syarikat dan memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan jabatan ini.
4. Yuran Dokumen yang dikenakan adalah sebanyak \$25.00.
5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.
6. Borang tawaran mestilah diisi dengan lengkap dan betul dengan tulisan yang terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.
7. Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair pemadam seperti tippex, dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada harga tawaran, penawar hendaklah menggaris harga yang salah dan mencatat harga betul di atasnya dengan disertai tandatangan penawar. Harga tawaran yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah ditolak dan tawarannya dikira tidak sah.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup yang telah disediakan oleh jabatan ini tanpa menunjukkan identiti syarikat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
9. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
10. Harga tawaran dari penawar adalah bayaran primer bagi kelayakan untuk mendapatkan satu unit ruang kedai dan tidak termasuk perkara-perkara berikut:-
i) Sewa bulanan yang telah ditetapkan sebanyak \$100.00 sebulan
ii) Wang cagaran penyewaan (jika berjaya) sebanyak \$800.00 dibayar bersama harga tawaran secara tunai sebelum menandatangani perjanjian kontrak.
11. Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar wang cagaran penyewaan sebanyak \$800.00 sebelum menandatangani kontrak perjanjian dan dibenarkan memulakan perniagaan.
12. Penawar tidak dibenarkan menarik diri setelah tawaran ditutup. Bagi mereka yang menarik diri akan dikenakan denda masa (diharamkan mengikut sebarang tawaran di jabatan ini sehingga tarikh yang dinyatakan).
13. Penawar berjaya yang telah gagal menjelaskan harga tawaran atau cagaran penyewaan dalam tempoh yang telah ditetapkan jabatan adalah dianggap melanggar syarat-syarat tawaran dan akan dikenakan denda masa iaitu diharamkan dari mengikuti sebarang tawaran di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.
14. Penawar yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri segala kos perbelanjaan bagi memperbaiki unit kedai yang ditawarkan tersebut dan digalakkan supaya melawat tempat unit kedai tersebut untuk memastikan keadaan status kerosakan pada unit-unit yang akan diperbaiki tersebut.
15. Penawar yang berjaya dikehendaki menguruskan dan membiayai sendiri segala perbelanjaan bagi pembekalan dan pemasangan meter prabayar (prepaid meter) melalui pemborong/pembekal yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.
16. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.



JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

"INVITATION TO SUBMIT BUSINESS OF BUNKERING SERVICES AT MUARA PORT - SCHEME 'A' (SCHEME B)"

Syarat-Syarat Tawaran :

1. JABATAN Pelabuhan sukacita menjemput syarikat-syarikat tempatan dan luar negara untuk menghadapkan permohonan cadangan "Request For Proposals (RFP)" bagi menyediakan dan mengendalikan perkhidmatan membekal minyak (Bunkering) untuk kapal-kapal di Pelabuhan Muara.
2. Dokumen "RFP" bolehlah didapati dari Tingkat 1, Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Pelabuhan Muara, pada waktu-waktu bekerja. Dokumen hanya akan diedarkan bermula 31 Ogos 2002 hingga 10 September 2002. Taklimat mengenai projek ini akan diadakan pada 11 September 2002 bertempat di Tingkat 1, Bilik Karamunting, Jabatan Pelabuhan Muara.
3. "RFP" hendaklah dikembalikan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin, 4 November 2002, jam 2.00 petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/AT/2002/06

TAWARAN BAGI "THE SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A NEW SYSTEM TO REPLACE THE EXISTING AUTOMATIC AIRPORT WEATHER OBSERVATION SYSTEM"

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A NEW SYSTEM TO REPLACE THE EXISTING AUTOMATIC AIRPORT WEATHER OBSERVATION SYSTEM"
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang ditutup rapat tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan "TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG AUTOMATIC AIRPORT WEATHER OBSERVATION SYSTEM".
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 14 Oktober 2002. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran dokumen B\$100.00 (tidak dikembalikan) mulai 28 Ogos 2002 sehingga 10 Oktober 2002 iaitu pada hari-hari bekerja (setiap hari Isnin hingga Khamis mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan dari jam 2.00 hingga 3.00 petang manakala pada setiap hari Sabtu mulai jam 8.00 hingga 10.30 pagi sahaja).
5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam. Telefon: 02- 330142 sambungan 1010. Teleks: BU 2267. Faks: 02-333666/331706.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : JPA/MET/02/LTN-04

TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG AUTOMATIC METEOROLOGICAL DATA ACQUISITION SYSTEM (AMEDAS)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi "MEMBEKAL DAN MEMASANG AUTOMATIC METEOROLOGICAL DATA ACQUISITION SYSTEM (AMEDAS)"
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang ditutup rapat tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan "TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG AUTOMATIC METEOROLOGICAL DATA ACQUISITION SYSTEM (AMEDAS)". Bilangan Tawaran: JPA/MET/02/LTN-04. Tarikh tutup: 11 November 2002. Kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 11 November 2002. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja setiap hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu dengan harga sebanyak \$200.00 senaskah (tidak dikembalikan).
5. Keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Kaji Cuaca, Tingkat Satu (1), Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam. Telefon: 02- 330142 sambungan 1348. Teleks: BU 2267. Faks: 02-334143 atau (020) 332735, E-mel: cmo@brunei.bn.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/W/3012 : PROVISION OF COPPER CABLE FOR BERAKAS GARISON AND TUTONG CAMP. Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/W/3013 : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TEST AND COMMISSIONING FOR THE REPLACEMENT OF THE HARRIS D1201 PABX SYSTEM AT PENANJONG GARRISON AND TUTONG CAMP. Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2002/Z/3038 : SURVIVAL KIT INDIVIDUAL (KIT: 1,600 EA). Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 7 Oktober 2002. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 7 Oktober 2002 hari Jumaat jam 10.30 pagi.
- a) Wang Bayaran Tawaran dan Yuran Dokumen hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolikah Garison BB 3510, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang. Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan.
- c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/33 : GURKHA RESERVE UNIT THREE YEAR RUNNING CONTRACT FOR LAUNDRY SERVICES. Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/95 : (JPPK/LTN/26/2002) THREE YEAR TERM CONTRACT FOR GRASS CUTTING AND GROUND MAINTENANCE AT PENGKALAN TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI. Yuran Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan). Bayaran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan). Kelas : III Kategori : 4C. Tempoh Penyediaan Kerja : 3 tahun.

- A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 30 September 2002. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 20 September 2002 hari Jumaat jam 10.30 pagi.
- a) Wang Bayaran Tawaran dan Yuran Dokumen hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolikah Garison BB 3510, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang. Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan.
- c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/50 VOL.1 : THREE YEAR TERM CONTRACT FOR THE MAINTENANCE AND REPAIR OF CATERING EQUIPMENT IN MILITARY ESTABLISHMENT WITHIN NEGERA BRUNEI DARUSSALAM. Yuran Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan). Kelas : II, Kategori : 5n. Tempoh Penyediaan Kerja : 3 tahun.

BELAIT. - Majlis Kesyukuran dan Penghargaan kerana sempurnanya acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 bagi Daerah Belait telah diadakan di Dewan Santap, Jalan Maulana, Kuala Belait.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 hadir selaku tetamu kehormat.

Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah dalam ucapan alu-aluan dan penghargaan telah melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dan tahniah kerana bakti dan sumbangan-sumbangan yang tidak mengira penat lelah ahli-ahli jawatankuasa sepanjang sambutan tersebut bagi Daerah Belait.

Kejayaan dan kemeriahannya yang dicapai adalah hasil semangat bersatu padu dan permuafakatan yang kental dan jitu semua lapisan rakyat dan penduduk Daerah Belait. Keteguhan

Oleh
Haji Nasip Rosli

kerjasama antara semua pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan tidak mengenal jerih payah, sedia berbakti untuk bangsa, raja, agama dan negara. Perkara ini adalah petanda yang baik yang mencerminkan kesepaduan dan semangat taat setia rakyat dan penduduk berbilang puak dan kaum dan menghayati erti sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Sesungguhnya kejayaan yang dicapai bagi setiap acara di sepanjang

perayaan tidak akan diperoleh tanpa usaha gigih dan kerjasama ahli-ahli jawatankuasa dan semua pihak yang terlibat yang benar-benar mengambil berat terhadap tugas dan tanggungjawab mengikut bahagian masing-masing. Sesungguhnya kejayaan yang diperoleh itu adalah kejayaan semua khususnya dan Daerah Belait amnya.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Abdul Rahman dan rombongan ketika bermuzakarah bersama para penduduk Mukim Sukang di kediaman Penghulu Mukim Sukang, Ulu Belait.

Penuntut-penuntut MSPSBS lawat Pusat Eko Pelancongan

BELAIT. - Kampong Kuala Balai sebuah kampung yang terletak di Daerah Belait suatu ketika dulu pernah menjadi pusat pentadbiran bagi Daerah Belait. Pada masa ini Kampong Kuala Balai sedang pesat berkembang dan membangun serta menjadi kawasan pelancongan di daerah ini dan mempunyai Pusat Eko Pelancongan Budaya.

Pusat Eko Pelancongan Budaya Kuala Balai bukan saja menjadi kawasan pelancongan bagi para pelancong tetapi juga menjadi kawasan untuk para penuntut serta pelajar mengulang kaji mata pelajaran terutama dalam bidang Sains, Biologi dan Sejarah.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali, anakanda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah berserta rombongan seramai 40 orang penuntut

Maktab Sains Paduka Seri Baginda Sultan, Daerah Brunei-Muara telah mengadakan lawatan ke Pusat Eko Pelancongan Budaya Kuala Balai.

Rombongan dialu-alukan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Daerah Belait yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Hji Mohd. Abdoh bin DSS Hj. Abdul Salam; Pengerusi Pusat Eko Pelancongan Budaya Kuala Balai, Dayang Hajah Donaliza binti Abdullah Puasa; Ahli Jawatankuasa Pusat Eko Pelancongan dan penduduk Kampong Kuala Balai yang diketuai oleh Awang Haji Busu bin Ahmad.

Taklimat mengenai sejarah Kampong Kuala Balai dan penubuhan serta perkembangan Pusat Eko Pelancongan Budaya Kuala Balai telah disampaikan oleh Dayang Donaliza binti Abdullah Puasa, Pengerusi Pusat Eko Pelancongan Budaya Kuala Balai. Di samping

itu taklimat mengenai tumbuhan semula jadi dan ekosistem persekitaran Kuala Balai juga telah disampaikan oleh Awang Hans Dol.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali juga telah berkesudian untuk menanam pokok sempena lawatan rombongan tersebut. Rombongan juga telah dibawa melawat di persekitaran Kampong Kuala Balai dan melawat ke Rumah Tong-

korak dan Rumah Skada. Kegiatan kemasyarakatan seperti memancing dengan menggunakan cara tradisional dan latihan berkak juga diadakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali dan rombongan juga telah berkesempatan melawat ke Kelab Rekreasi Brunei Shell dan berkesempatan menyaksikan pertandingan akhir catur dan seterusnya di bawa melawat ke Tugu Billionth Barrel di Seria.



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali menanam seponok pokok sempena lawatan ke Pusat Eko Pelancongan Budaya.

Balai-balai bomba terus dilengkapi dengan pelbagai kemudahan

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September. - Jabatan Perkhidmatan Bomba (JPB) akan terus melengkapi balai-balai bombanya yang ada di negara ini dengan kemudahan penadam kebakaran yang terkini tidak terkecuali balai bomba di Kampong Ayer yang terletak di Kampong Sungai Lampai.

Perkara itu walaupun masih dalam perundingan dan memandangkan keadaan ekonomi sekarang tetapi sangat perlu kerana pihak bomba sering mengalami kesukaran ketika berdepan dengan kebakaran terutamanya di Kampong Ayer seperti tekanan air rendah, tiupan angin kencang dan surut pasang air ketika berlaku kebakaran.

Sementara menunggu kemudahan yang terkini dilaksanakan kemudahan yang ada sekarang akan terus digunakan dan sistem rondaan tiga kali sehari yang dibuat oleh JPB di Kampong Ayer sejak 1998 akan juga terus dipertingkatkan bagi memastikan kejadian kebakaran boleh diketahu dengan segera.

Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud meletakkan harapan tersebut kepada wakil PELITA BRUNEI ketika membuat lawatan ke tapak kebakaran Kampong Ujong Kelinik dan Kampong Sungai Siamas di Kampong Ayer.

"Salah satu pencegahan kejadian kebakaran di rumah-rumah baik di Kampong Ayer atau di darat ialah dengan cara setiap rumah mempunyai alat pemadam kebakaran yang disimpan di dapur atau tempat-tempat yang sesuai dan alasan tidak mampu bukanlah alasan boleh diterima," katanya.

Malah bagi mereka

yang mampu, adalah lebih selamat memasang alat pengesan asap (smoke detector) di dapur atau di bilik-bilik yang sesuai sebagai langkah pencegahan dan keselamatan, jelasnya.

Apa yang lebih berkesan lagi, setiap penghuni rumah mestilah diajar agar boleh menggunakan alat pemadam kebakaran yang terdapat di rumah, tambahnya.

"Pihak JPB ingin menyarankan kepada setiap rumah di Kampong Ayer agar memiliki alat pemadam kebakaran yang boleh dibeli di kedai-kedai yang diiktiraf oleh jabatan," katanya.

Alat-alat pemadam kebakaran yang ada di pasaran tidaklah mahal dan beliau percaya penduduk di negara ini mampu membelinya bagi keselamatan kerana manfaatnya sangat besar jika berlaku kebakaran.

Katanya, pihak JPB akan terus memantau keadaan keselamatan rumah-rumah di Kampong Ayer khususnya bagi langkah pencegahan kebakaran.

Laporan Abdullah Asgar Gambar-gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD



PENGARAH Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Mohd. Daud menjelaskan pihaknya membuat rondaan tiga kali sehari di Kampong Ayer.



PENOLONG Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin menjelaskan kejadian kebakaran di Kampong Ayer boleh dielakkan dengan kerjasama semua pihak seperti penghulu, ketua kampung dan penduduk.



KEBAKARAN yang berlaku di Kampong Ujong Kelinik dan Kampong Lurong Sikuna di Kampong Ayer baru-baru ini.

Penghulu, ketua kampung dan penduduk diingatkan LEBIH PROAKTIF TERHADAP KESELAMATAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September. - Penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan penduduk-penduduk kampung terus

diingatkan supaya lebih proaktif dan komited terhadap keselamatan kampung dengan mengadakan tinjauan yang berterusan di sekitar kampung masing-masing.

Jika penghulu mukim, ketua kampung dan penduduk kampung menjalankan tugas dengan penuh kesedaran, kejadian kebakaran di Kampong Ayer seperti di Kampong Ujong Kelinik dan Lorong Sikuna mungkin boleh dielakkan.

Kepekaan mereka, kata Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Tanjong, mungkin boleh menyelamatkan kampung dari mengalami kejadian yang tidak diinginkan seperti kebakaran.

Beliau mengingatkan penduduk kampung yang ingin membuat pengubahsuaian dan tambahan terhadap sistem pendawaian di rumah hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE).

Tambahnya lagi, jabbatannya juga menggalakkan supaya semua rumah di Kampong Ayer memiliki alat pemadam kebakaran (fire extinguisher) yang boleh dibeli di kedai-kedai yang diiktiraf oleh Perkhidmatan Bomba.

Menurut beliau, lawatan rambang seperti itu akan terus dibuat dari masa ke masa bagi memastikan terjaminnya keselamatan rumah-rumah di Kampong Ayer dari kejadian yang tidak diinginkan.

Mulai sekarang para pegawai JPE akan membuat pemeriksaan secara rambang ke rumah-rumah sama ada di darat atau Kampong Ayer bagi memastikan semua sistem pendawaian yang ada selama digunakan dan diluluskan oleh JPE.

Sistem pendawaian kurang selamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September. - Kebanyakan rumah-rumah di Kampong Ayer mempunyai sistem pendawaian yang kurang selamat untuk digunakan mengikut perhatian pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE).

Perkara ini didapati di kebanyakan rumah-rumah Kampong Ayer yang mengikut pengamatan mereka boleh mengaki-

batkan litar pintas yang kemudiannya menyebabkan kebakaran tanpa disedari.

Penyambungan yang tidak mengikut kawalan JPE oleh kebanyakan penghuni rumah di Kampong Ayer sering menjadi punca kejadian kebakaran di kawasan itu kerana keadaannya yang terbiar.

Awang Abdul Aziz Abdullah, seorang jurutera JPE yang membuat lawatan ke tapak kebakaran Kampong Ujong Kelinik meluahkan kekecewaan JPE kerana mendapati sistem pendawaian di Kampong Ayer banyak yang diubah suai tanpa kebenaran bertulis.

Katanya, jika perbuatan ini dilakukan berterusan tanpa dikawal oleh penghuni rumah, tidak mustahil perkara litar pintas boleh terjadi dan kebakaran akan berlaku.

"Jika mana-mana pemilik dan penghuni rumah di Kampong Ayer ingin membuat pengubahsuaian pendawaian di rumah-rumah, mereka haruslah mengikut prosedur melalui JPE," katanya.

Selalunya mana-mana permohonan yang dibuat

tidak akan mengambil masa yang lama tetapi pemborong yang dipilih oleh pengguna selalunya melambatkan permohonan mereka.

Pendawaian selepas meter utama yang terdapat di rumah-rumah kosnya adalah ditanggung oleh si pemohon dan pihak JPE tidak ada peruntukan bagi menyediakan pegawai dan kakitangan bagi menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian atau tambahan, tambah beliau.

"Si pemohon boleh mendapatkan senarai pemborong-pemborong elektrik yang diluluskan oleh JPE bagi menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian atau tambahan sistem pendawaian di rumah masing-masing dengan mengisikan borang yang boleh diperolehi dari JPE," katanya.

Menurutnya, jika pengubahsuaian dan tambahan sistem pendawaian elektrik di rumah tidak mendapat kelulusan dari JPE tetapi pengguna masih tetap menggunakannya, pihak JPE berhak memotong bekalan elektrik ke rumah yang terlibat mengikut peraturan dan undang-undang yang ada.



JURUTERA Jabatan Perkhidmatan Elektrik menjelaskan kebanyakan rumah di Kampong Ayer mempunyai sistem pendawaian yang kurang selamat.

Tetapi pengubahsuaian dan tambahan yang dibuat dan dibetulkan semula akan diberikan kelulusan setelah pihak JPE berpuas hati, katanya.

Tambahnya, mulai sekarang JPE akan membuat pemeriksaan secara rambang ke rumah-rumah sama ada di darat atau Kampong Ayer bagi memastikan semua sistem pendawaian yang ada selama digunakan dan diluluskan oleh JPE.



SALAH satu contoh sistem pendawaian atau penyambungan kuasa elektrik yang tidak mendapat kebenaran JPE.

LAUNGAN azan Subuh jelas kedengaran dari rumah Pak Leman meskipun surau di kampung itu agak jauh dari rumahnya.

"Siapa pula bilal yang melaungkan azan tu bang?" tanya Rubiah isteri Pak Leman.

"Mungkin itu anak buah si Kassim yang baru balik dari Mesir, sedap juga suaranya," puji Pak Leman.

"Alah...sedap macam mana pun suara bilal melaungkan azan, kalau sembahyang Subuh ni malas orang nak ke surau. Apatah lagi kalau hujan macam ni, alamat menarik selimutlah jawabannya," balas isterinya.

Pak Leman hanya memandang keluar. Dalam hati ia mengiakan kata-kata isterinya.

"Abang hendak ke surau jugakah hujan macam ni?"

"Ya...Biah. Selagi cuaca mengizinkan. Lagipun hujan hanya turun renyai-renyai saja. Rugi kalau tak ke surau," jawab Pak Leman sambil mengambil kupiah dan siraungnya.

"Eh!, abang terus ke lautkah lepas sembahyang tu?" tanya Rubiah bila melihat suaminya mengambil siraung yang tersangkut di dinding.

"Ya Biah, siapa tahu rezeki kita baik hari ini. Bekal Abang sudah kau siapkan?"

"Sudah, ada di dapur tu biar Biah ambilkan."

Pak Leman hanya memandang isterinya berlalu ke dapur. Dilihatnya di satu sudut anak-anaknya masih lagi tidur. Mungkin kerana hari itu hari Ahad mereka bangun akhir kerana mereka tak perlu pergi ke sekolah.

"Awal hari ni Leman," sapa Lebai Osman bila Pak Leman tiba di ruang surau.

"Nak mencari rezeki Lebai," jawab Pak Leman pendek.

"Ooo... ya Lebai, tadi yang melaungkan azan tu anak buah si Kassimkah?" tanya Pak Leman.

"Ya.... Bilal Dollah sakit demam panas semalam. Kebetulan budak Mesir tu awal datang, jadi aku suruh dialah."

Pak Leman dan Lebai Dollah berhenti berbual bila para jemaah yang hadir mula memenuhi ruang surau. Kebanyakan dari mereka ialah golongan tua. Hanya sedikit golongan muda yang hadir dan golongan kanak-kanak tidak ada seorang pun yang hadir.

Selesai sembahyang Subuh, para jemaah mula beredar menuju destinasi masing-masing. Pun begitu, ada jua sebilangan yang melakukan salat sunat. Mungkin kerana hari-hari cuti awam, mereka menghabiskan masa subuh di surau bagi menambahkan lagi pahala yang ada.

Cahaya mentari mula kelihatan. Dari jauh burung ke-luang berterbangan balik ke sarang mereka. Mungkin kita sudah maklum bahawa binatang spesies ini akan mencari makan pada waktu malam. Sementara pada waktu siang, mereka akan berehat. Berlainan dengan manusia, siang dan malam tetap mencari makan. Rezeki halal dan haram masing-masing sahaja yang tak jawabannya.

"Sulung ... Sulung tunggu!" laung Pak Leman

"Eh!, kau Leman. Apa hal kau panggil aku ni?" tanya Sulung.

"Tak ada apa-apa. Aku cuma nak tanya kau. Betul-kah kau nak jual perahu itu?"

"Betul. Itu pun kalau ada orang nak beli. Kalau tidak apa boleh buat. Kau berse-mangat ingin tahu ni, ada orang nak belikah?"

"Begini Sulung. Sebe-narnya aku berminat dengan perahu itu. Kalau kena dengan harganya aku nak beli."

"Tapi... bukannya perahu itu masih elok lagi. Kalau kau berminat jua, aku akan jual padamu dengan harga seribu setengah saja. Itu pun kalau kau mahu."

"Baguslah begitu. Ooo ... ya, enjinnya kau jual juga kah?"

"Tentulah. Takkanlah aku nak jual perahu saja," jawab Sulung pendek.

"Kalau begitu syukur-lah. Terima kasih Sulung kerana kau jual pada aku dengan harga yang murah."

"Sama-sama. Itu tak jadi masalah, lagipun aku tak perlukan perahu itu lagi. Tapi ... kenapa kau nak beli perahu aku tu. Bukankah perahu itu masih baik lagi."

"Begini Sulung. Sebe-narnya aku nak cari rezeki lebih lagi. Kau tahu sajalah, bila air kemerah-merahan kita dilarang menangkap hidupan sungai. Jadi sementara tu aku nak menambang. Dapat jua duit daripada duduk saja di rumah," jelas Pak Leman sambil membetulkan siraungnya.

"Bagus juga tu. Kau rajin

OLEH MERPATI PUTIH



Rezeki

setinggi mana, tidak seperti negara-negara lain. Jasa baik Kebawah Duli Yang Maha Mulia tak dapat kubalas dengan harta benda selain daripada menaburkan jasa bakti seikhlas hati kepada baginda dan negara. Hanya itu yang mampu kami sumbangkan Leman," jelas Sulung penuh semangat.

"Itu memang betul Sulung. Kita sebagai rakyat negara ni senang mencari rezeki. Cuma kebanyakannya memilih kerja. Jika kerja sebagai buruh kasar, sukar orang kitani mahu kerja macam ni. Apatah lagi kerja mengutip sampah, mencuci longkang alamat orang asinglah yang membuat-nya," seperti berbalas Pak Leman mengutarakan kata-katanya.

"Kau memang betul Leman. Orang kitani ni tak mahu nak susah. Maklumlah kemudahan terlalu banyak, kerja keras sikit pun susah nak dibuat. Sudahlah tu Leman, kita cakap pun tak guna selagi kemudahan diberi dengan percuma orang kitani takkan sedar tanggungjawab mereka pada negara. Ooo ... ya, aku hampir lupa tanya kau. Kau pula macam mana, kau tak teringinkah nak tinggal di darat?"

"Teringin tu adalah jua, tapi aku lebih suka tinggal di sini. Semua keturunan aku lahir di sini. Aku sayang untuk meninggalkannya. Jika semua penduduk kampung ni pindah ke darat tinggal nama saja kampung ni," jawab Pak Leman.

"Kalau begitu tak apalah. Aku pergi dulu. Petang nanti aku datang hantar perahu tu ke rumahmu. Jangan lupa duitnya. Dapat juga aku membeli perabot rumah. Asalamualaikum ..." mereka bersalaman sebelum berpisah.

"Walaikumsalam ... Inysha-Allah Sulung aku takkan lupa," balas Pak Leman.

Mereka berjalan menuju hala masing-masing. Pak Leman mula menghidupkan enjin perahunya. Persiapan dibuat dengan penuh rapi sebelum bertolak ke laut. Apa pun yang dicari Pak Leman tetap yang halal buat keluarganya. Segala kesengsaraan yang ditanggungnya akan berbaloi jua dengan tamatnya pengajian dua orang anaknya yang menuntut di Mesir. Dengan elau yang diberikan oleh kerajaan di samping pendapa-nya dan isterinya sebagai tukang jahit, mereka mampu membiayai persekolahan anak-anak mereka. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, begitulah kehidupan Pak Leman di samping tiga orang anak mereka yang masih bersekolah di dalam negeri. Bagi mereka, perbelanjaan sekolah anak-anak lebih penting dari apa yang mereka suami isteri perlukan.

Setelah semua persediaan selesai dibuat Pak Leman pun bertolak ke laut. Enjin perahunya 12 kuasa kuda sudah cukup laju buatnya. Sambil memandu perahu, Pak Leman menoleh ke kiri dan ke kanan. Dalam hati ia



Leman hampir terlena.

"Dapat banyak ikan Pak Leman?"

Pak Leman sedikit terpe-ranjat dengan sapaan teman-nya. Ia tidak menyedari kehadiran temannya itu.

"Ada jua sedikit," jawab Pak Leman meskipun ia tahu itu bukan jawapan yang sebenar.

"Cuaca macam tak bera- pa baikkah Pak Leman. Mungkin kerana itulah hasil tangkapan agak berkura-ngan," jelas Pak Tumpat.

Walaupun Pak Tumpat bukan asal anak kampung itu, namun ia telah menetap di situ lebih sepuluh tahun. Percakapan pula tak ubah anak jati kampung itu. Jika dulu keturunan keluarga Iban agak ditakuti, namun kini tidak lagi. Malahan ada sebilangan dari mereka tahu membaca jawi.

"Ooo ... ya, Pak Leman aku dengar Sulung hendak pindah ke darat. Benarkah?" tanya Pak Tumpat.

"Yang aku tahu macam tulah," jawab Pak Leman pendek.

"Beruntung juga dia tu. Dapat rumah perpindahan. Di darat pula tu. Aku ni kau tahu Pak Leman, sudah sebelas tahun menunggu, tapi belum dapat lagi," jelas Pak Tumpat separuh hampa.

"Sabar sajalah Tumpat. Esok lusa dapat jua tu. Lagi pun yang diberi rumah tu mengikut giliran," jelas Pak Leman.

"Itu memang betul Pak Leman. Tapi dari sumber yang aku dengar, ada sebilangan mereka yang menda-pat rumah tu adalah dari per-tolongan saudara-mara dan kawan-kawan. Mereka kata, saudara mereka pegawai pe-rumahan, jadi senangnya mereka nak mendapatkannya. Ini yang tak adil ni. Cara mereka ni menah rezeki orang yang lebih berhak," rungut Pak Tumpat geram.

"Itu cuma yang kau de-ngar dari mulut orang. Kau tak tahu kebenarannya. Mungkin orang itu saja-saja membuat cerita."

"Entahlah Pak Le-man. Tapi mungkin ada jua kebenarannya. Jika tak ada angin, takkan pokok bergo-

yang," balas Pak Tumpat se-perti tak puas hati dengan penjelasan Pak Leman.

"Tak apalah Pak Leman, aku nak balik dulu. Cuaca pun tak berapa baik hari ni. Selamat tinggal," Pak Tumpat pun menghidupkan enjin perahunya dan berlalu pergi meninggalkan Pak Leman.

Pak Leman kembali ber-sendirian. Keadaan mulai gelap. Kawan-kawan Pak Leman mula berkemas untuk pulang. Pak Leman masih mengangkat bintur ketam yang ditahannya. Banyak ketam yang ter-perangkap. Satu demi satu barisan pukat diangkatnya. Banyak ikan yang ter-sangkut. Pak Leman sangat gembira. Ia menebarkan jalanya, ternyata puluhan ekor udang besar tersangkut pada jalanya.

Baiknya rezekiku kali ni. Bisik hati Pak Leman. Ia menebarkan lagi jalanya. Lebih banyak ikan dan udang yang tersangkut.

Ini tak dapat diturutan ni. Bukan aku saja yang per-lukan semua ni. Masih banyak lagi orang yang mer-lukannya dari aku. Cu-kuplah apa yang ada. Lebih baik aku pulang saja... bisik hati Pak Leman lagi.

Ia pun mengemaskan se-mua peralatan menangkap ikan miliknya. Enjin perahu dihidupkan dan pulang me-nuju rumah kediamannya.

Dari jauh Pak Leman ter-nampak Sulung duduk bersi-la sambil memegang sebatang rokok. Perahu yang dijanjikan terikat talinya di pentan rumah Pak Leman. Anak-anaknya masih lagi bermain air sungai dekat tangga rumah mereka. Isteri Pak Leman tersenyum me-nyambut kepulangannya. Di samping itu berdiri dua orang anaknya yang baru pulang dari Mesir kerana bercuti sambil melambai-lambaikan tangan pada ayah mereka.

Rezeki yang bersih dan halal akan menghasilkan yang terbaik. Mungkin ini berkat doa dan usaha kami selama ini. Syukur Alham-dulillah Bisik hati Pak Leman sambil memper-cepatkan kelajuan perahu-nya.

PUISI

GURU

Kusemat namamu
dalam lipatan sejarahku
kusebut namamu
dalam getar bibirku
kujulang tinggi
dedikasimu....
keikhlasanmu ...
perjuanganmu....
tabahmu.....

Kukenang sehingga nafasku terhenti
tanpamu
gelap-gelitalah duniaku
tanpa cahaya

Guru
tanpamu siapakah aku...
di mata dunia ...
di mata masyarakat ...

Non

GURUKU

Di kesunyian malam musim gugur
terselimut diri oleh kegelapan
irama-irama merdu kehilangan
rentak
kedinginan musim sejuk kelak
menyapa
kupejam matakku sambil berdoa
'musim panas datanglah menyinari
hidupku'.

Sekonyong-konyong kumembuka
mata
menjelma sang bulan keemasan di
langit cerah
cahaya itu rupanya kau, guruku
dikau beriku sayap untuk terbang
melewati seluruh jagat.

Di langit permai
kumenjadi bintang bercahaya
mengerlip dan menari-nari
segalanya keranamu.

Hussein Taha

GURU, BAKTIMU TETAP

DIKENANG (bagi guru-guru yang
telah kembali ke rahmatullah)

Hadiahkan Surah Al-Faatihah
semoga roh guru-guru dirahmati
Allah
bersama golongan orang-orang
salih

setitik ilmu kebaikan pahala yang
kamu terima
itulah doa kami semoga dicucuri
rahmat
kebaikan guru-guru terus kami
kenang
semoga guru-guru ditempatkan di
Syurga Al-Jannah.

PERIBADI GURUKU (buat guru-guruku)

Terima kasih guruku
tutur katamu, bahasamu
layanan baikmu
pengajaranmu, teguranmu
diingat sepanjang masa
kerana didikanmu yang mulia
menjadikan aku
orang yang berpendidikan.

CABARAN GURU

Zaman teknologi cepat mengejar
guru
perisian ilmu di dada amat perlu
jika tidak guru ketinggalan
teknik pedagogi harus diubah
disesuai mengikut zaman
cabaran demi cabaran ditempuh
berdepan dengan murid, pelajar dan
ibu bapa
kerja pentadbiran dipikul sama
kerjasama dan kefahaman semua
amat dihargai
cabaran perlu ditempuh dengan
sabar
sehingga bersara.

PROFESION GURU

Tugas ini amat berat
bukan tugas melepas batuk
di tangga
nanti anak bangsa menjadi merana
asal dapat menjadi guru
kerana tiada pekerjaan
harus difikir semasak-masaknya
sebab kita tak mahu anak-anak jadi
mangsa
profesion ini perlukan latihan khas
tamat latihan perlu teruskan
perjuangan
mendidik anak bangsa yang
pelbagai kerenah
kewibawaan dan keyakinan
perlu ditonjol
buat penyelesaian dengan bijak
bistari.

Nonim HT.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim ketika berucap merasmikan Bengkel Buku Bacaan Tambahan menjelaskan bahawa jabatannya akan sentiasa meningkatkan kesedaran masyarakat di negara ini untuk giat membaca. - Gambar oleh Masri Osman.

DBP terus berusaha tingkatkan kesedaran membaca

BERAKAS, 2 September. - Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Abdul Hakim berkata jabatannya terus berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat di negara ini untuk menambah ilmu pengetahuan melalui kegiatan membaca.

Awang Haji Abdul Hakim menjelaskan perkara tersebut di Majlis Perasmian Bengkel Buku Bacaan Tambahan yang berlangsung di Dewan Sarayuda di jabatan berkenaan di sini.

Katanya, bengkel empat hari itu merupakan usaha untuk menambah bilangan penulis buku sebagai bahan bacaan tambahan

Oleh Abu Bakar HAR

khusus bagi murid atau penuntut.

Dengan adanya bengkel tersebut, para peserta bolehlah mengeksloit sikap negatif dengan menghasilkan buku yang menarik dan sesuai dengan selera atau keinginan mereka menurut perkembangan teknologi dan sahsiah mereka walaupun dari segi psikologinya seseorang murid atau penuntut tidak gemar kepada buku teks dan buku bacaan wajib, tegasnya.

Jelasnya lagi, buku yang menjadi bahan bacaan tambahan pula harus-

lah dapat memikat hati mereka menurut pandangan pertama dengan mengambil kira hiasan kulit, tajuk dan huruf pilihan di samping isi, yang disampaikan dengan bahasa yang mudah, jelas dan spontan.

Bengkel yang dirancang itu adalah sebagai wadah kepada penulis untuk menerima bimbingan dan teknik penulisan yang bersesuaian dalam bidang tersebut dengan merangkumi semua aspek penulisan dan penekanan dalam bidang tatabahasa dan ejaan.

Bengkel yang melibatkan lebih 40 orang pegawai dan kakitangan DBP dan beberapa orang pegawai

dan kakitangan jabatan lain yang bersangkut paut dengan penulisan dijemput untuk mengahdirinya dengan harapan hasil dari bengkel tersebut akan dapat melahirkan penulis yang berwibawa mengentengahkan tulisan masing-masing.

Selain itu bengkel tersebut juga bertujuan untuk menyediakan buku bacaan tambahan bagi sekolah rendah darjah 1 hingga darjah 6 rumi dan jawi serta untuk mempelbagaikan corak buku bacaan tambahan yang disesuaikan dengan sukatan pelajaran yang disusun oleh Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

DBP bantu murid-murid terlibat dalam musibah kebakaran

Oleh Samle Haji Jait

BERAKAS, 4 September. - Sejumlah 541 buah buku teks diserahkan kepada Guru Besar Sekolah Rendah Lela Menchanai dan Sekolah Rendah Sungai

Siamas untuk diberikan kepada murid-murid yang terlibat dalam kebakaran baru-baru ini.

Buku-buku teks tersebut merupakan sumbangan

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam sama-sama membantu murid-murid berkenaan yang terjejas dalam musibah kebakaran yang memusnahkan Kampong Lurong Sikuna dan Ujong Kelinik.

Majlis penyerahan yang berlangsung di DBP telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin.

Lebih 200 orang murid yang tinggal di Kampong Lurong Sikuna menuntut di Sekolah Rendah Lela Menchanai sebelum sekolah tersebut musnah dalam kebakaran.

Ketika ini lebih 100 orang murid yang terjejas meneruskan persekolahan mereka di Sekolah Rendah Sabat Darat, manakala sebahagiannya belajar di sekolah lain.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim ketika menyampaikan buku-buku teks kepada Guru Besar Sekolah Rendah Lela Menchanai. - Gambar oleh Halim HS.



سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 18 SEPT	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM	9.25	SEMINAR EKSPLO ISLAM ANTARABANGSA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.25	RIMBA'S ISLAND	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	JUARA - Siaran Langsung	10.30	SO LITTLE TIME
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	11.30	THE INVESTIGATOR - 'Murder In The Car Park'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.55	CAFE DIGITAL	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT
K H A M I S 19 SEPT	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.25	ANIMATION HOUR: INCREDIBLE DENNIS	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.15	SURAH-SURAH PILIHAN WARTA ISLAM	10.30	RANCANGAN KHAS - BRUNEI INVITATIONAL CUP 2002
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	AZAN ISYAK	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Sahara'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.19	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AN-NUUR - Siaran Langsung		
J U M A T 20 SEPT	PAGI	10.15	SESAME STREET	2.00	SUKAN ANTARABANGSA	OF THE UNIVERSE/USOP	7.20	GAYA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	HAIWAN BELAIAN	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	7.27	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	3.00	TOMORROW'S WORLD	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	JEJAK RASUL - Ulangan	3.21	BERITA	9.00	TABIR (KISAH BENAR)
	9.00	BERITA	12.15	DISCOVER ISLAM	3.27	'Bruce Li The Invincible'	9.30	GESUNDHEIT
S A B T U 21 SEPT	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.25	ANIMATION HOUR: VOLTRON - DEFENDER	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	TOTALLY AWESOME	5.00	'Operating In The Future'	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Twisted'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	5.45	ANIMATION HOUR: Double Dragon/The Why Family	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	DRAMA - 'Menongkah Arus' - Ulangan	5.55	BERITA		
	9.00	BERITA	12.15	AZAN ZUHUR	6.18	SALAM NUSANTARA - 'Rezeki Di Puncak'		
A H A D 22 SEPT	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	4.15	21ST CENTURY MEDICINES -	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	KLIK, KLIK, KLIK	4.30	DUNIA ASIA	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA			11.00	BEYOND CHANCES
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Eskimo Day'			12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.00	BERITA	12.15	AZAN ZUHUR				
I S N I N 23 SEPT	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR: HULK HOGAN'S ROCK	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.15	LIPUTAN SEMASA	10.30	KEJOHANAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	AZAN ISYAK		
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.55	WARNA WARNI	11.00	LIVING STONES
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.17	BERITA NASIONAL	11.35	BIZAREE
S E L A S A 24 SEPT	PAGI	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	UFO DOWN TO EARTH	7.25	AZAN ISYAK	'Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam' - Bhg I
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	PETANG		5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	DRAMA: 'Imbas' - Ulangan	10.30	THE X-FILES - 'William'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.16	AZAN MAGHRIB	11.15	QUEEN OF SWORDS - 'The Serpent'
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	BIMBINGAN MUKMIN	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

Pasukan polis 'role model' kepada masyarakat

GADONG, 30 Ogos. - Mengamalkan cara hidup penuh disiplin, taat kepada raja dan negara, beriman dan bertakwa dengan melaksanakan dan menghayati ajaran-ajaran Islam adalah penting bagi setiap anggota polis.

Ia adalah penting bagi menghindarkan diri daripada apa jua bentuk gejala atau kegiatan yang boleh merosakkan diri sendiri, menyusahkan keluarga, mencemarkan nama baik pasukan serta menjejaskan kepentingan bangsa dan negara.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Dani menegaskan, sebagai penyumbang khidmat dan sahabat kepada masyarakat, anggota polis adalah sentiasa diharapkan oleh masyarakat untuk memberikan contoh teladan yang terbaik iaitu sebagai 'role model' kepada masyarakat.

Menurut statistik Negara Brunei Darussalam mempunyai penduduk yang sangat muda iaitu 45 peratus daripada penduduknya berumur di bawah 25 tahun yang merupakan aset negara yang paling berharga.

Berucap di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Skuad

Oleh
Bolhassan HAB

1/2001, Dato Paduka menambah, sebagai anggota polis yang diamanahkan untuk menjaga keamanan dan mengawal ketenteraman awam mereka bukan sahaja perlu mengekalkan tahap disiplin yang tinggi, patuh kepada undang-undang dan taat kepada peraturan semasa bertugas, tetapi hendaklah juga memastikan perkara yang sama sentiasa diamalkan dalam

apa juga keadaan sebagai budaya hidup.

"Awang-awang adalah sentiasa diharapkan untuk berusaha menjadikan diri masing-masing sebagai 'role model' kepada golongan masyarakat belia khususnya di negara ini, berasaskan nilai-nilai yang telah ditanamkan semasa dalam tempoh latihan dilengkapkan lagi dengan nilai-nilai akhlak yang terpuji," jelas Dato Paduka.

Seramai 43 orang rekrut lelaki Skuad 1/2001 telah berjaya menamatkan latihan asas kepolisian

selama sembilan bulan merangkumi latihan fizikal seperti berkawad, bersukan, seni mempertahankan diri dan pertolongan cemas.

Rekrut 4694 Zainal bin Haji Mohammad telah dipilih sebagai terbaik dalam semua jurusan, sementara terbaik dalam undang-undang dan pekerjaan polis ialah Rekrut 4654 Baron Alamen bin Haji Mohd. Yusof dan Rekrut 4681 Noor Nawaridi bin Ahmad telah dipilih sebagai terbaik dalam kawad dan latihan luar.



REKRUT 4694 Zainal bin Haji Mohammad terbaik dalam semua jurusan; Rekrut 4654 Baron Alamen bin Haji Mohd. Yusof terbaik dalam undang-undang dan Rekrut 4681 Noor Nawaridi bin Ahmad terbaik dalam kawad dan latihan luar. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Dani ketika menyampaikan cenderamata kepada seorang rekrut terbaik. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Pertandingan Al-Quran bagi ahli-ahli PAPDA

Oleh Aliddin HM

BENGKURONG, 30 Ogos. - Persatuan Orang-orang Cacat Anggota dan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda Anggota (PAPDA) hari ini mengadakan Pertandingan Muratal Al-Quran bagi ahli-ahlinya yang berlangsung di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di sini.

Seramai 19 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang dibahagikan kepada tiga kategori.

Johan dalam kategori 'A' disandang oleh Awang Haji Metussin bin Haji Mohammad yang membaca Surah Al-Baqarah ayat 142 hingga 145.

Sementara johan dalam kategori 'B' dimenangi oleh Awang Zainal bin Haji

Hassan yang membaca Surah Al-Mulk ayat 1 hingga 12, manakala dalam kategori 'C' bagi wanita pula dimenangi oleh Dayang Hajah Badariah binti Haji Md. Don yang membaca Surah Al-Baqarah ayat 59 hingga 63.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam pertandingan itu disampaikan oleh tetamu kehormat di majlis itu, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Di manakah tempat Majlis Santap Malam bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam anjuran perwakilan asing diadakan tahun ini?
a) Istana Nurul Iman
b) Dewan Assarna
c) Jerudong Park Polo and Country Club
2. Berapa buah sekolah dan maktab seluruh negara yang menyertai Pertandingan Explomaths 2002 Ke-10 yang berlangsung baru-baru ini?
a) 39 buah
b) 38 buah
c) 37 buah
3. Apakah tajuk bagi Irsyad Hukum dalam PELITA BRUNEI keluaran 3 Julai lepas?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 28 Ogos 2002.
1. C 2. B 3. Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

Pemenang soalan Alai Pintar keluaran 28 Ogos 2002

MOHD. SAUFAN BIN MUSTAPHA,
NO. 55G, KAMPONG PENGIRAN KERMA
INDERA LAMA, BL 1712.
UMUR : 12 TAHUN
SEKOLAH MENENGAH S.O.A.S

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 547

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 547,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Persembahan hiburan Jacky Cheung 11 Oktober

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 September. - Majlis menandatangani perjanjian di antara Bank Standard Chartered (Standard) dengan QAF Brunei Sendirian Berhad bagi mengendalikan persembahan hiburan pada 11 Oktober depan, berlangsung di Pusat Standard, di sini.

Penandatanganan itu disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Eksekutif Kumpulan QAF, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi mewakili QAF sementara Standard diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Awang Simon Morris.

"Kita gembira kerana dapat menjadi penaja utama pada persembahan itu dan berharap akan dapat bekerjasama dengan QAF untuk menjayakannya," jelas Awang Simon Morris kepada pemberita.

Persembahan yang dikendalikan oleh QAF itu akan menampilkan bintang sensasi dari Hong Kong, Jacky Cheung berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre.

Penyanyi terkenal, Jacky Cheung yang menjadi idola pencinta muzik Hong Kong itu bakal

Oleh Samle HJ

mempersembahkan pelbagai rentak termasuk 'Blues', 'Cappella', 'Funk' dan 'Rock'.



TIMBALAN Pengerusi Eksekutif dan Ketua Eksekutif Kumpulan QAF, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard, Awang Simon Morris menandatangani perjanjian bagi mengendalikan persembahan hiburan yang akan berlangsung 11 Oktober depan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

MABBIM digesa kembalikan kegemilangan Bahasa Melayu

JERUDONG, 9 September. - Pakar-pakar MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia) digesa supaya mengembalikan kegemilangan Bahasa Melayu di sebalik menghadapi saingan yang hebat dari Bahasa Inggeris.

Setakat ini Bahasa Melayu belum dapat menembusi ke peringkat global malahan penggunaan Bahasa Inggeris masih menyeluruh termasuklah di kawasan Nusantara yang penduduknya terdiri dari masyarakat Melayu yang serumpun.

Kalau diteliti kembali perkembangan Bahasa Melayu sejak abad ke-10 sudah menjadi lingua franca bagi perdagangan, politik, budaya dan persuratan di seluruh kepulauan Melayu yang ada masa ini terdiri dari Malaysia, Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Dani bin Haji Ibrahim dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Dato Paduka Haji Metussin bin Haji Omar, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian tersebut di Majlis Pelancaran Sidang Ke-16 Pakar MABBIM di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata, adalah penting bagi masyarakat masa kini mengutamakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam semua bidang dan menggunakan bahasa kedua cuma untuk berkomunikasi dengan dunia luar yang tidak memahami Bahasa Melayu.

Walhal, apabila Islam masuk ke rantau ini pada

Oleh
Abdullah Asgar

abad ke-13 sudah terdapat beberapa bukti batu nisan yang tertulis dalam Bahasa Melayu.

"Pada ketika itu Bahasa Melayu sudah mengalami perkembangan cukup pesat sebagai bahasa persuratan dan sejak awal kurun ke-16 dan 17 raja-raja Melayu di Ternate, Aceh dan Brunei telah menulis surat Bahasa Melayu dalam tulisan Jawi kepada raja-raja di Eropah," katanya.

Ketika itu juga terdapat ramai penulis Melayu dapat menghasilkan karya-karya mengenai falsafah, metafizik dan teknologi Islam, tambahnya.

Katanya Sidang MABBIM kali ini lebih menumpukan kepada peminatan istilah asing ke dalam Bahasa Melayu dan dicadangkan supaya istilah berkenaan dapat dijual dan dipasarkan dengan pesat untuk dapat bersaing, sekali gus membantu para penulis, pengguna, pengajar, pelajar dan peminat bahasa dapat digunakan dalam bidang kerjaya masing-masing.

Jelasnya, peranan pakar-pakar MABBIM amat penting dalam sama-sama menaikkan taraf Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara sekali gus sebagai bahasa dunia.

Sidang lima hari itu telah berakhir pada 13 September dengan lebih menumpukan kepada penghasilan istilah Inggeris yang dimelayukan dalam bidang-bidang teknologi maklumat, arkeologi, pergigian, kejuruteraan kapal terbang, aeroang-

Hadiri sidang kemuncak dan forum di Mesir

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 7 September. - Sidang Kemuncak Mengenai Pekerjaan Belia Sejagat (Global Youth Employment Summit) dan Forum Peringkat Menteri telah dilangsungkan di Alexandria, Mesir bermula 7 sehingga 11 September lalu.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, mewakili Negara Brunei Darussalam ke persidangan berkenaan.

Yang Berhormat bertolak hari ini menuju Mesir dengan pesawat SQ 181 dan kembali ke tanah air pada 13 September. Yang Berhormat juga disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani yang bertolak lebih awal ke Mesir bagi menghadiri persidangan peringkat pegawai-pegawai kanan.

Persidangan tersebut dikendalikan oleh Kerajaan Mesir selaku tuan rumah dengan kerjasama beberapa badan antarabangsa termasuk Canadian International Development Agency, Commonwealth Secretariat, International Youth Foundation dan UNDP.

Antara agenda yang akan dibincangkan dalam persidangan itu termasuklah kedudukan pekerjaan bagi belia di peringkat global, isu 'gender' dalam pekerjaan belia dan meningkatkan kemahiran para belia dalam bidang pekerjaan.

Selain itu turut dibincangkan ialah peranan sektor awam dan badan-badan antarabangsa dalam memperbanyakkan peluang pekerjaan serta pelan tindakan terhadap pekerjaan.

Di persidangan itu perwakilan negara berpeluang bertukar pandangan bersama para perwakilan negara lain dalam usaha menangani masalah pengangguran belia yang sekarang melanda kebanyakan negara di dunia.



DATO Paduka Haji Metussin bin Haji Omar, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika melancarkan Sidang Ke-16 Pakar MABBIM. - Gambar oleh Halim HS.



TETAMU kehormat dan lain-lain perwakilan dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia ketika hadir di Majlis Pelancaran Sidang Ke-16 Pakar MABBIM. - Gambar oleh Halim HS.



**Bebaskan
Diriku, Keluargaku
Dan Negaraku
Dari
SYABU**

HOTLINE: 02-422480/ 422481/ 422483/ 422484

PETTERBETAN OLEH
JABATAN PENERANGAN DENGAN KERJASAMA BRNO KAWASAN NAROTIK,
JABATAN PERHAKA, MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM